

"ORANG yang beriman, sama sekali tidak akan mencuri, atau membunuh atau melakukan sebarang jenayah dan maksiat, selama mana imannya itu masih wujud bertunjang dan bertapak di dalam dadanya." - Titah sempena menyambut Sambutan Israk Mikraj 1422 Hijrah.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"ROH seseorang mukmin itu tergantung yakni dihalang daripada tempat yang mulia sebab hutangnya sehinggalah hutangnya itu dijelaskan." - Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam At-Termizi, Imam Ahmad dan Imam Ibnu Hibban.

TAHUN 48 BILANGAN 12

RABU 19 MAC 2003/1424 رابو 16 محرم

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Muteen berkenan menyertai Walkaton Kecergasan dan Kesihatan bagi sektor swasta.

BEKALI BANGSA KITA ILMU YANG TINGGI, SESUAI DENGAN FALSAFAH MIB

BERAKAS, 15 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, bangsa kita wajib dibekali ilmu pengetahuan yang tinggi kerana dengan penguasaan ilmu pengetahuan yang tinggi dan sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja kita akan dapat menentukan hala tuju, keteguhan, kedaulatan dan kehormatan bangsa.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, pemikiran betapa perihnya ilmu pengetahuan, tema sambutan Hari

Kebangsaan tahun ini menjurus kepada keutamaan 'berilmu' semata-mata untuk melihat anak bangsa kita sedar dan bersikap positif terhadap nilai ilmu.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19, tahun 2003 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Sehubungan dengan itu juga, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan manusia berpandukan pendekatan

Oleh Abu Bakar HAR

na-pendekatan terbaru dalam bidang sains teknologi dan kemamusiaan.

Yang Berhormat menjelaskan, negara kita akan cuba mencapai tahap kemajuan yang berteraskan pembangunan rohani dan jama'iah demi kepentingan dunia dan akhirat.

Menyentuh mengenai sambutan-sambutan Hari Kebangsaan yang akan datang, Yang Berhormat berharap agar semua

pihak yang terlibat akan bersikap lebih terbuka dan positif dalam merancang pelbagai acara yang lebih menarik dan bersesuaian dengan iklim sosio-budaya kita, di samping memamerkan pencapaian cemerlang dalam suasana tenang dan aman damai.

Majlis itu disusuli penyampaian sijil penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Majlis diserikan dengan persembahan hiburan oleh gabungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Kebawah DYMM berkenan sertai walkaton sektor swasta

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai Walkaton Kesihatan dan Kecergasan bagi kumpulan sektor swasta di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama menyertai walkaton itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Muteen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Muteen.

Juga menyertai termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Brunei, Dato Paduka Haji Hapidz dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Walkaton Kesihatan dan Kecergasan.

Walkaton dimulai dengan senaman ringan dan baginda bersama lebih 8,000 peserta melakukan senaman dan seterusnya memulakan perjalanan sejauh enam kilometer.

Di kalangan wanita pula disertai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang berjalan sejauh empat kilometer.

Turut sama menyertai walkaton ini termasuklah ahli-ahli dewan-dewan Perniagaan Melayu, Tionghoa, persatuan-persatuan perniagaan dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Walkaton yang bertemakan 'Sihat Mesra Sejahtera' ini dilihat sebagai salah satu langkah ke arah hubungan kerjasama dua hala antara kerajaan dan sektor swasta dalam sama-sama menangani kepentingan kesihatan masyarakat.

Dalam pada itu pula, kerjasama ini akan mengeratkan kedua-dua pihak bersama-sama membangun ekonomi negara di samping mengorak langkah baru dalam usaha berterusan bagi mewujudkan usaha sama yang lebih luas antara sektor swasta dan awam.

Kebawah DYMM terima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima

mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang berlangsung di Istana Nurul

Iman. Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirshulan V.P.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria; Menteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Dato Seri Singamanteri Kolonel (L) Haji Mohammad Yasmin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh yang akan menamatkan perkhidmatannya.

TAHUKAH AWDA

BANGSA-BANGSA Bersatu mendukung empat tujuan utama, pertama, bagi mengelakkan peperangan. Kedua, bagi mempertahankan keyakinan serta penghormatan orang ramai dan negara-negara mereka terhadap hak-hak dan kebebasan asasi manusia. Ketiga, bagi mewujudkan keadilan dan menghormati kewajipan-kewajipan dan tanggungan-tanggungan antara-bangsa. Keempat, bagi menggalakkan kemajuan kemasyarakatan serta memperbaiki taraf hidup manusia. - Sumber: Perspektif Luar Negeri (2001 : 8).

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Industri Bekalan Elektrik Tidak 'Cost-Effective' Jika Pelanggan Terus Berhutang - Muka 2

Melirik Masa Silam

Imbas-Mengimbas Kenangan Tempat Jatuh Lagi Dikenang - Muka 6

Keberangkatan Kebawah DYMM dan Raja Isteri ke Majlis Persantapan Diraja di Selangor - Muka 8 dan 9

Lawatan Rasmi DPM ke New Zealand

- Muka 12 dan 13

Jangan Tangguh Pembayaran Hutang

- Muka 3 ANEKA

Kesan Perniagaan Islam Terhadap Perekonomian Brunei

- Muka 5 ANEKA

Balai Polis Berakas catat lebih 20 tangkapan kes kecurian, pecah rumah

- Muka 11 ANEKA

Cerpen

- Muka 12 & 13 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507



19 MAC 2003 BERSAMAAN 1424 16 محرم

USAHA SAMA SEKTOR SWASTA DI BIDANG PEKERJAAN

BARU-BARU ini seramai 43 orang pelatih di bawah Skim Latihan Kemahiran Industri dan Teknologi Infokomunikasi bagi sektor pasar raya, telah berjaya menamatkan skim latihan mereka untuk berkhidmat di sektor swasta. Empat orang lagi telah berjaya diterima untuk berkhidmat di luar negeri di bidang perhotelan kepunyaan Agensi Pelaburan Brunei (BIA).

Kejayaan mereka ini amat menggembirakan sekali, di mana kesedaran anak-anak tempatan menceburi kerjaya di sektor itu memberikan faedah mendapat kerja untuk diri mereka sendiri, selain mengurangkan pengangguran.

Dari catatan yang terdapat di Jabatan Buruh pada tahun 2002 lalu, terdapat 5,552 orang yang mencari pekerjaan berdaftar dengan jabatan berkenaan dan kira-kira 1,000 orang lulusan dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri setentunya juga akan mencari pekerjaan.

Melihat kepada angka ini, setentunya lebih banyak bidang pekerjaan diperlukan untuk dipenuhi oleh anak-anak tempatan ketika ini dan pihak kerajaan bersama-sama sektor swasta menyedari keadaan ini dengan melaksanakan pelbagai rancangan dan melaksanakan pelbagai skim termasuklah skim yang disebutkan awal tadi.

Dari perancangan-perancangan dan latihan kelolaan kedua-dua pihak itu, setentunya akan membantu memudahkan anak-anak tempatan yang sedang mencari pekerjaan, diambil bekerja oleh sektor swasta selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membuka peluang-peluang di sektor swasta.

Dalam pada itu pula, para pencari pekerjaan seharusnya tidak memilih apa juga pekerjaan sebaliknya benar-benar komited untuk menerima cabaran bekerja sebagai tanggungjawab bukan untuk memenuhi tuntutan sosial.

Jika perkara ini benar-benar difahami, isu pengangguran sekurang-kurangnya akan dapat diatasi dengan kerjasama sektor swasta, melalui pengambilan bekerja anak-anak tempatan.

Pada kesimpulannya, peranan sektor swasta amat penting dalam sama-sama menangani isu ini. Pendekatan sektor swasta yang lebih terbuka dalam membantu memudahkan penyerapan anak-anak tempatan secara jujur dan bertanggungjawab adalah amat diperlukan dalam menjamin keharmonian dan keamanan negara.

HALUAN...

INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK TIDAK 'COST-EFFECTIVE' JIKA PELANGGAN TERUS BERHUTANG

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik kerana sudi menjemput saya sebagai tetamu kehormat dalam majlis hari ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, konsultan dan pemborong kerana bersatu usaha mereka hingga siapnya satu projek penambahan penajaan 100 mw (megawatts) pagi ini dengan pelancaran sebuah lagi janakuasa baru berserta dengan rangkaian pengalirannya.

Semua negara sama ada kecil atau besar, sedang membangun atau sudah maju, semua mempunyai hasrat asas yang sama untuk lebih meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat dan penduduknya dari tahap yang ada kepada yang lebih baik lagi daripada yang biasa.

Di Negara Brunei Darussalam, tidak siapa yang dapat menafikan bahawa berbanding dengan negara-negara lain, kita sebagai seorang anak, seorang pegawai, seorang rakyat, pada masa ini menikmati kehidupan yang baik sama ada dari segi sosial, ekonomi, keamanan, politik dan pembangunan.

Nikmat kehidupan yang kita rasai sekarang ini, jangan sekali-kali kita sangka ia tiba atau jatuh ke pangkuan kita begitu sahaja tanpa perancangan dan usaha dalam erti kata yang luas. Apa yang kita nikmati sekarang ini adalah hasil pemikiran dan titik peluh usaha generasi dan kepimpinan yang lepas dan sekarang yang telah dapat menentukan arah tujuan negara dalam arus pembangunan.

Khususnya, rancangan-rancangan kemajuan infrastruktur negara yang telah bermula sejak tahun 60-an lagi, telah banyak mengubah muka bumi negara ini kepada apa yang ada sekarang. Pada tahun ini kita sedang berada dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8. Rancangan Kema-

juan Negara Ke-8 ini telah menyediakan pelbagai projek yang dianggarkan bernilai lebih B\$7.3 bilion.

Dari B\$7.3 bilion itu, sebanyak B\$547.66 juga telah diperuntukkan untuk projek-projek elektrik, iaitu projek-projek penajaan, pembahagian dan pembekalan. Pada tahun 2002 yang lalu, sebanyak B\$156.65 juta telah diperuntukkan yang mana sebanyak B\$151.8 juta telah dibelanjakan sehingga bulan September 2002 yang lalu.

Projek penajaan tambahan 100 megawatt di Stesen Janakuasa Gadong ini adalah merupakan satu lagi hasil usaha pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 untuk mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini.

Saya juga sukacita memaklumkan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 ini juga telah merancangkan satu lagi logi penajaan tenaga elektrik yang akan ditempatkan di Daerah Tutong, yang mana pada masa ini tawaran bagi projek berkenaan telah dibuka untuk pemborong-pemborong yang telah dinilai berkelayakan.

Insya-Allah, projek ini yang akan menaja tenaga sebanyak 110 megawatt dijangka siap pada tahun 2006 nanti dan seterusnya akan menambahkan lagi keupayaan bekalan tenaga elektrik di negara ini.

Penajaan adalah me-



UCAPAN Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat di Upacara Penyerahan dan Penerimaan Projek Penambahan Penajaan 100 MW di Stesen Janakuasa Gadong pada 27 Februari 2003/25 Zulhijjah 1423.

rupakan satu dari empat fungsi utama atau core business dalam industri pembekalan tenaga elektrik. Fungsi-fungsi yang lain ialah pengaliran, pembahagian dan perkhidmatan pelanggan. Kesemua fungsi ini mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain dan perlu dirancang dengan rapi bagi mewujudkan satu sistem keseluruhan yang seimbang, berkesan dan optima.

Dalam bidang penajaan, kita perlu mengambil 'advantage' dari teknologi-teknologi yang sudah ada sekarang dalam menjana tenaga elektrik dengan lebih efisien dan menjimatkan penggunaan gas.

Sistem pengaliran dan pembahagian pula perlu dikuatkuatkan dan 'reliable' kerana penajaan tenaga elektrik yang banyak tidak akan bermakna jika tenaga elektrik itu tidak sampai kepada pengguna. Dalam hal ini, alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam nisbah penembusan bekalan tenaga elektrik telah mencapai hampir 100 peratus.

Dengan nisbah penembusan yang tinggi itu, khidmat pelanggan juga tidak kurang penting kerana pelanggan yang tidak membayar penggunaan elektrik mereka akan menjadikan industri pembekalan tenaga elektrik itu tidak 'cost-effective'. Jika pelanggan tidak membayar, tidak ada industri pembekalan elektrik di mana-mana sekalipun, tidak kira pihak kerajaan mahupun sektor swasta, akan dapat terus bertahan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Industri pembekalan tenaga elektrik ini bukan saja industri yang semata-mata mencari keuntungan, malah ia juga adalah industri 'strategic' kepada sesebuah negara. Jika industri ini terjejas, negara boleh lumpuh. Perkara ini sudah kita rasai bila sahaja ada gangguan bekalan elektrik di kawasan kita, di rumah, di opis dan lain-lain. Tenaga elektrik sudah menjadi darah daging kita.

Memandangkan betapa penting dan strategiknyanya industri pembekalan tenaga elektrik ini, pada tahun 2002, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan untuk mengemaskini dan mengukuhkan Akta Elektrik, Undang-Undang Brunei (1984) dengan Perintah Akta Elektrik (Pindaan) 2002.

Perintah Akta Elektrik (Pindaan) 2002 itu antara lain:

- * Memperuntukkan pihak kerajaan mendapatkan kembali bayaran dari pengguna yang ingkar membayar.

- * Memperuntukkan hukuman dan denda bagi sesiapa yang menyambung bekalan elektrik tanpa kebenaran.

- * Memperuntukkan hukuman pampasan kerana merosakkan harta benda Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

- * Mendenda pemaju-pemaju kerja tanah jika merosakkan dan mengganggu bekalan elektrik.

Mengenai pelanggan-pelanggan yang enggan membayar tuntutan elektrik

mereka, pihak Kementerian Pembangunan telah pun mengambil tindakan yang tegas terhadap beberapa pengguna yang sudah bertahun-tahun enggan menjelaskan tuntutan bayaran elektrik mereka. Alhamdulillah, sebahagian besar dari mereka setelah dipotong bekalan elektrik telah bekerjasama untuk membayar secara beransur-ansur.

Tindakan ini janganlah disalah anggap sebagai tindakan untuk menzalimi orang ramai. Sebaliknya jika perkara ini dibiarkan berlarutan, ia bermakna Kementerian Pembangunan tidak menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepadanya dan tidak berlaku adil kepada pelanggan-pelanggan lain yang membayar tuntutan elektrik mereka. Negara yang maju adalah bertapak daripada tanggungjawab bersama daripada semua lapisan masyarakat.

Dari sudut keselamatan juga, Kementerian Pembangunan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang sepenuhnya kepada mereka yang didapati membuat penyambungan haram, merosakkan harta benda Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan perbuatan-perbuatan yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik.

Jelasnya, jika kita mahu senantiasanya menikmati kehidupan yang selesa, kita semua hendaklah memainkan peranan masing-masing. Dalam pembekalan tenaga elektrik, sudah setentunya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai peranan untuk menaja tenaga elektrik dan memastikan ianya sampai kepada para pengguna.

Para pengguna dan orang ramai pula hendaklah bekerjasama tidak mengganggu atau memotong harta benda kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Insya-Allah, dengan adanya kerjasama dari semua pihak, kehidupan yang selesa yang kita nikmati pada masa ini akan dapat terus kita rasai.

Akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan semua ahli-ahli projek yang terlibat termasuk konsultan dan pemborong atas pencapaian mereka menyiapkan projek ini.

Sekian, Wallahuhi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DYTM DPPW terima mengadap lima perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini menerima mengadap lima perwakilan asing yang baru dilantik yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam. Puan Yang Terutama Virginia M. Weeden de Acosta, Duta Besar Republik Panama; Tuan Yang Terutama Dr. Abraham Sekhaya Nkomo, Pesuruhjaya Tinggi Republik Afrika Selatan; Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Salem Saleh Al-Wahishi, Duta Besar Republik Yemen; Puan Yang Terutama Fatoumata

Gambar-gambar oleh Hamadi HM

Diall, Duta Besar Republik Mali dan Tuan Yang Terutama Mohamed Mouldi Kefi, Duta Besar Republik Tunisia. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang

Teramat Mulia mengalu-alukan kelima-lima perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Puan Virginia M. Weeden de Acosta, Dr. Ahmad Salem Saleh Al-Wahishi dan Tuan Mohamed Mouldi Kefi adalah Duta-duta Besar negara masing-masing yang berpejabat di Jakarta. Dr. Abraham Sekhaya Nkomo merupakan Pesuruhjaya Tinggi Republik Afrika Selatan yang menetap di Kuala Lumpur. Puan Fatoumata Diall adalah Duta Besar Republik Mali yang kini berpejabat di Tokyo.

Kelima-lima orang perwakilan itu telah menyampaikan watakah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Panama, Puan Yang Terutama Virginia M. Weeden de Acosta.



DULI Yang Teramat Mulia menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Dr. Abraham Sekhaya Nkomo.



DULI Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Republik Mali, Puan Yang Terutama Fatoumata Diall.

Hutang rumah mencapai \$6.8 juta

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Februari. - Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mohammad Zin bin Haji Salleh berkata, seramai 1,350 peserta Rancangan Perumahan Negara dan Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati belum menjelaskan sebahagian atau semua hutang mereka yang berjumlah lebih \$6,765,806.94 pada tahun 2002.

Menurut beliau, jabatan itu bimbang kerana jumlah

itu telah meningkat dari \$5,400,788.24 pada penghujung tahun 2001 iaitu peningkatan sebanyak \$1,365,182.70.

Sehubungan itu, beliau menasihati mereka yang terlibat agar bertindak segera untuk membayar atau mengurangkan jumlah tunggakan masing-masing sehingga hujung tahun ini kerana cara menuntut hutang atau tunggakan bayaran balik pasti akan dilakukan menggunakan proses un-

dang-undang apabila jabatan itu dikorporatkan.

Beliau mendedahkan perkara itu di Majlis Dua Kesukuran bagi Zon 5 Simpang 32 dan kawasan sekitarnya, yang diadakan di halaman rumah No. 20, 22 & 24, Simpang 32 Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri.

Sehubungan itu, beliau juga menyarankan mereka yang mempunyai masalah membayar balik tunggakan disebabkan kemuflian,

kekurangan pendapatan masa kini dan kesusahan-kesusahan lain supaya menghadap kes-kes mereka untuk dipertimbangkan oleh jabatan ini.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah membayar kepada kerajaan melalui jabatan itu setiap bulan dan bekerjasama mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang mereka perseutujui ketika diperkenalkan mengikuti Rancangan Perumahan Negara dan menghadapkan permohonan supaya tunggakan dipertimbangkan apabila kemungkinan ketidakmampuan membayar berlaku untuk sama-sama mencari penyelesaian secara rundingan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mengumumkan bahawa pada tahun ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sebanyak \$250,000.00 untuk melancarkan sistem saliran di kawasan berkenaan selain satu rancangan jangka panjang yang sedang dibuat untuk meningkatkan keberkesanan pencegahan banjir.



DULI Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Republik Tunisia, Tuan Yang Terutama Mohamed Mouldi Kefi.



DULI Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Republik Yemen, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Salem Saleh Al-Wahishi.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima watikah perantikan yang disebarkan oleh Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali, Puan Yang Terutama Fatoumata Diall.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima watikah perantikan yang disebarkan oleh Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Yemen, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Salem Al-Wahishi.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA WATIKAH LIMA PERWAKILAN ASING

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perantikan lima orang perwakilan luar negeri yang baru ke negara ini di Istana Nurul Iman.

Majlis menyebarkan watikah perantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-mulai oleh Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Panama, Puan Yang Terutama Virginia M. Weeden de ACOSTA.

Selepas itu diikuti pula baginda berkenan menerima watikah yang masing-masing disebarkan oleh Bakal Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Dr. Abraham Sekhaya Nkomo; Bakal Besar Istimewa dan Mutlak Republik Yemen, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Salem Al-Wahishi; Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali, Puan Yang Terutama Fatoumata Diall dan Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Tunisia, Tuan Yang

Oleh Hj. Ahat HI
Gambar-gambar oleh Ramli Tengah
& Mohd. Zul-Izzi HD

Terutama Mohamed Mouldi Kefi.

Sejurus selepas menerima watikah-watikah perantikan yang disebarkan itu, baginda kemudian berkenan menerima mengadap secara berasingan para perwakilan tersebut.

Majlis mengadap bermula dengan Puan Yang Terutama Virginia M. Weeden. Puan Yang Terutama berusia 34 tahun menetap di Jakarta. Diikuti selepas itu oleh Tuan Yang Terutama Dr. Abraham Sekhaya Nkomo berusia 63 tahun yang berpejabat di Kuala Lumpur.

Seterusnya baginda menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dr. Ahmed Salem Al-Wahishi berusia 53 tahun dan berpejabat di Jakarta.

Baginda selepas itu menerima mengadap Puan Yang Terutama Fatoumata Diall berusia 57 tahun berpejabat di Tokyo dan akhir sekali baginda menerima mengadap Tuan Yang Terutama Mohamed Mouldi Kefi berusia 57

tahun yang berpejabat di Jakarta.

Hadir di majlis mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri

merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima watikah perantikan yang disebarkan oleh Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Tunisia, Tuan Yang Terutama Mohamed Mouldi Kefi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perantikan Bakal Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Dr. Abraham Sekhaya Nkomo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perantikan Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Panama, Puan Yang Terutama Virginia M. Weeden.

KEBERANGKATAN KE MAJLIS PERTABALAN, KEMAHKOTAAN SULTAN SELANGOR DARUL EHSAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Selangor Darul Ehsan pada 7 hingga 8 Mac 2003 bagi menghadiri Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Shafaruddin Idris Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-9. Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Majlis itu berlangsung di sebelah pagi 8 Mac di Balai Agung Seri, Istana Alam Shah, Klang.

Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke majlis itu selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga dihadiri oleh wakil Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, kerabat diraja, Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negeri-negeri dan para jemputan khas.

Terdahulu pada petang 7 Mac, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di

Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Mohd. Adzib bin Mohd. Isa, Pegawai Kewangan Negeri (EXCO Kanan Negeri); Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar; pegawai-pegawai kanan kerajaan Negeri Selangor dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.

Sementara itu sebelum berangkat

pulang dari Selangor pada petang 8 Mac, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Yang Berhormat Dato Mohd. Adzib, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, pegawai-pegawai kanan kerajaan Negeri Selangor dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia dilirungi Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi semasa berangkat menghadiri Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan Selangor Darul Ehsan.

HORMAT DIRAJA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menerima hormat diraja seurus tiba di Istana Alam Shah, Klang.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan Shafaruddin Idris Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-9.



SULTAN Shafaruddin Idris Shah mengucap Kitab Suci Al-Quran semasa Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan baginda sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Ke-9.



ZIARAH ... Duli Yang Teramat Mulia menerima junjung ziarah pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia sebelum berangkat pulang.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berserta rombongan Negara Brunei Darussalam dan para jemputan yang lain ketika menghadiri Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan Selangor Darul Ehsan.

DIKATAKAN oleh teman-teman bahawa tulisan kita yang lepas itu dianggap mereka sebagai 'masih rumpang' kiranya kita tidak menyebut mengenai apa lagi yang ada selain daripada peranan Padang Besar di Bandar Brunei sebelum menjadi Bandar Seri Begawan. Kerana, sejauh ini ramai orang tahu bahawa tempat pusat bandar sekarang pernah memiliki tiga nama yang menjadi sebutan orang iaitu cukup awalnya dipanggil sebagai Pekan Brunei, kemudian dipanggil Bandar Brunei dan sekarang Bandar Seri Begawan.

Kawasan Bandar Seri Begawan ini ada batasan iaitu seperti kawasan-kawasan yang di bawah kawalan Jabatan Bandar, manakala selebihnya adalah di bawah kawalan Jabatan Daerah. Aturan begini berlaku juga di daerah-daerah yang lain di negara kita ini.

Jika pada masa ini ada perubahan, maka ianya merupakan langkah 'mengemaskinikan' atau menyempurnakan lagi yang tidak setakat pentadbiran malah hal-hal yang lain yang bersangkutan dengan penyempurnaan itu.

Kalau dulu, memanglah amat banyak kawasan-kawasan yang dipenuhi dengan hutan rimba, tetapi sekarang tempat-tempat yang dianggap sebagai hutan rimba itu tidak lagi merupakan hutan yang dipenuhi oleh rumput-rumpai, semak-samun, pokok-pokok kayu hatta pokok-pokok besar yang menakutkan seperti pokok beringin atau pokok kayu ara yang cukup dengan benihnya, tetapi sekarang kebanyakan tempat-tempat itu sudah menjadi tapak-tapak perumahan dan rumah-rumahnya pula cantik-cantik belaka. Lalu ia tidak lagi bernama hutan, tetapi ia adalah lebih dari merupakan 'taman' yang indah dipandang selain daripada tempat yang sungguh nyaman, aman dan menawarkan suasana yang damai lagi tenteram.

Ini ditambah lagi dengan sikap di kalangan mereka yang kreatif, lebih mencintai rumah tangga dan menganggapnya sebagai 'syurga kehidupan' atau menganggapnya sebagai 'Istana Idaman', lalu kecantikan dan keindahan itu wujud dan menjadi kenyataan sebagai bukti dari murahnya keinginan manusia yang bercita-cita tinggi dan meletakkan nilai hidup yang perlu diisikan dengan perkara-perkara yang benar-benar bermanfaat sambil memanfaatkan rahmat

Allah yang dikurniakan kepada setiap diri manusia itu yang dapat pula membentuk kewujudan keharmonian hidup berjiran dan bermasyarakat membangun.

Sungguh panjang kata-kata sanjungan yang kita untaiakan itu bila menyaksikan kenyataan, kesempurnaan kehidupan anak cucu kita.

Sesungguhnya, itulah impian orang-orang yang terdahulu yang kemudiannya dapat pula direalisasikan menurut kemampuan masing-masing. Lalu hutan belantara itu tidak lagi kekal sebagai tempat yang menakutkan, tetapi menjadi taman yang menyeronokkan yang sekali-sekala para ibu bapa atau datuk nenek mereka sempat pula menikmati, setidak-tidaknya sempat untuk duduk bersandar di sofa-sofa empuk menggantikan 'bangku dari batang-batang kayu atau buluh' yang biasa mereka duduki di masa silam itu.

Kita hampir-hampir terhayal oleh nikmat pembangunan moden yang menyegarkan itu tadi sehingga kita hampir lupa terhadap apa yang hendak kita katakan dari hasil berjumpa-jumpa dengan teman-teman lama yang dipertemukan sempena sambutan Hari Kebangsaan yang lalu itu. Maka hasil dari koleksi ingatan teman-teman itu lalu terimbu rasa sedih terhadap banyaknya khazanah lama yang telah hilang sambil ada semacam kebingungan mengenai ada tidaknya yang menyimpan sesuatu yang meyakinkan sebagai bukti kepada anak cucu sekarang dan yang akan datang atau kurun-kurun yang akan mendatang seperti gambar-gambar yang dilengkapi dengan nota-nota yang mencatat nama dan tempoh waktunya.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

IMBAS-MENGIMBAS KENANGAN TEMPAT JATUH LAGI DIKENANG

Perkara begini adalah penting untuk didedahkan. Peranan Arkib Negara sudah tentu dapat dimanfaatkan kerana tempat itulah banyaknya tersimpan khazanah dan fakta-fakta yang jelas atau setidak-tidaknya dapat dijadikan sandaran penyelidikan.

Umpamanya apa yang ada di persekitaran Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di masa yang lalu itu sewaktu ianya masih bernama Padang Besar sejak Pekan Brunei hingga menjadi Bandar Brunei.

Tidak lagi ramai yang tahu bahawa antara Taman itu dengan Masjid Omar Ali Saifuddin adalah bekas tapak sekolah yang kemudiannya dibina Balai Polis dengan unit-unit perumahan dan berek anggota-anggotanya.

Sementara di keliling perairan masjid hingga ke tebing-tebingnya menyasar hampir ke kawasan Kastam Diraja adalah dipenuhi oleh rumah-rumah rakyat dengan nama-nama kampung seperti Sultan Lama, Bendera Lama, Pemancha Lama, Sungai Kedayan, Pemukat, Sumbiling Lama yang sebahagian besarnya sudah tidak ada dan tidak lama lagi mungkin semuanya terhapus di permukaan buminya bersama-sama dengan hilangnya nama-nama yang lama itu.

Sementara sejarah masing-masing adalah penting untuk diketahui dan didedahkan kepada generasi sekarang terutama generasi bekas penduduk-penduduk yang pernah bermastautin dan berkembang di dalamnya.

Membaca buku YURA HALIM: 'RISE/BRUNEI DARUSSALAM' terbitan Dewan

Bahasa dan Pustaka Brunei, 2002, sungguh banyak menyentuh fakta-fakta mengenai peranan yang dimainkan oleh tempat-tempat seperti dalam susur galur perkembangan rakyat dan negara di awal penjaan status bernegara dengan peranan dan hak rakyat Melayu dan ketuanan Melayu yang dipelopori oleh Raja bahkan semangat MELAYU ISLAM BERAJA nampaknya sudah wujud dan menjadi pegangan orang Brunei sejak ketika itu lagi.

Buku itu juga mencatat "...Sultan Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (SOAS III) menaiki takhta menjadi Sultan Brunei kedua puluh lapan (1950 - 1967). Baginda diputerakan di Istana Kampong Ayer, Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei pada 3 Zulkaedah 1332 bersamaan 23 September 1914 ..." (hlm. 31-34).

Berdekatkan dengan Balai Polis, Bandar Brunei pada masa itu, di sudut baratnya terdapat gelanggang tenis (1960-an), sementara dalam tahun 1950-an ianya ditempati oleh sebuah panggung wayang yang dikatakan sebagai yang terawal wujud di Brunei.

Ianya dikunjungi oleh orang ramai dan selalu mengadakan pertunjukan, setidak-tidaknya dua kali sehari - siang dan malam. Kerusi-kerusinya tidak bernombor. Tiket-tiket yang dijual kepada pelanggannya juga tidak mempunyai nombor. Tiket-tiket tersebut adalah untuk masuk menonton sahaja.

Maka itu, untuk memastikan tempat duduk itu ada, setiap orang atau wakil-wakil mereka akan terpaksa masuk lebih awal untuk menanda kerusi masing-masing terutama yang membawa penonton di kalangan kanak-kanak dan perempuan serta orang tua. Mereka yang ada tiket tetapi tidak ada kerusi akan terpaksa berdiri atau bertinggir di mana sahaja asalkan tidak mengganggu penonton yang lain.

Mereka yang tidak dapat tiket kerana kehabisan, tetapi hendak menonton juga akan berusaha menerusi jalan lain termasuk mengorek lubang di tepi dinding panggung. Kebanyakan mereka ini adalah kanak-kanak.

Demikianlah tambahan kepada tulisan kita yang lalu yang sebahagiannya adalah dari teman-teman lama juga.

Kukuhkan akidah, hindar ajaran sesat

KIARONG, 8 Mac. - Ajaran sesat atau ajaran salah ditakrifkan sebagai ajaran kepercayaan, keyakinan atau amalan dan perbuatan yang dipegang, dianuti, diyakini dibawah atau diajarkan oleh orang Islam atau yang mendakwa atau mengaku apa yang dibawa atau diajarkannya adalah berdasarkan ajaran Islam atau yang tidak berlawanan dengan Islam, sedangkan ianya berlawanan sebahagian atau keseluruhannya dengan ajaran Islam.

Pengarah Urusan Haji, Dr. Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar menjelaskan perkara itu di Majlis Taklimat untuk mengukuhkan akidah ke arah keberkesanan kepimpinan melalui para penghulu mukim dan ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Jame'

Oleh Aliddin HM

'Asr Hassanil Bolkih di sini.

Dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Pengenalan Ajaran Sesat' beliau menjelaskan untuk mengenal ajaran sesat bukanlah satu usaha yang mudah kerana ada di antara ajaran sesat itu tidak dapat dikatakan sesat keseluruhannya kerana ada sesetengahnya ajarannya ada yang bercampur aduk di antara yang salah dan benar.

Bagi memudahkan orang-orang Islam untuk mengenal ajaran sesat itu tambahnya, mereka perlu mengetahui terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat itu, kriteria-kriterianya serta ciri-cirinya di Negara Brunei

Darussalam terdapat dua ciri ajaran sesat iaitu ciri khusus dan ciri umum.

Dalam ciri khusus ini katanya, didapati pelbagai ajaran sesat yang menyelenggarakan di negara ini, terutamanya ajaran Bahai.

Ajaran tersebut jelasnya, secara terang-terangnya telah menolak Al-Quran dan As-Sunnah dan keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga cuba membawa idea bahawa terdapat lagi nabi selepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Lebih 60 penghulu mukim dan ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara menghadiri majlis yang dianjurkan bersama oleh Seksyen Penguatkuasa Ugama Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkih.



PENGARAH Urusan Haji, Dr. Awang Haji Besar semasa menyampaikan kertas kerja dalam taklimat berkenaan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ASEAN SELARAS PIAWAIAN 'SANITARY' & 'PHYTOSANITARY'

KUMBANG PASANG, 5 Mac. - Negara-negara anggota ASEAN perlu bekerjasama lebih rapat ke arah menyelaras piawaian 'sanitary' dan 'phytosanitary' yang lebih baik dengan mempertingkatkan kemampuan dalam menyusun dan mengawal kesuburan tanaman.

Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohamad Yusoff bin Haji Mohiddin berkata demikian di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras ASEAN Ke-3 dan Bengkel Penggalakan Pembangunan Koleksi Penyakit dan Serangga Perosak Tanaman di kalangan negara ASEAN yang berlangsung di River View Hotel di sini.

Beliau berkata, fundamental ke arah keperluan berkenaan adalah mempertingkatkan penghapusan serangga

Oleh Aliddin HM

perosak dan penyakit tanaman di rantau ini.

Tambahnya, kekurangan koleksi yang komprehensif mengenai penyakit tanaman dan serangga perosak merupakan cabaran kepada negara-negara anggota ASEAN dan ia menghendaki kerjasama yang lebih meluas dalam meningkatkan kesuburan tanaman.

Seterusnya beliau berkata, usaha-usaha berkenaan akan menyumbang ke arah menempati piawaian sanitary dan phytosanitary antarabangsa dan selaras dengan Konvensyen Biodiversiti CBD serta Konvensyen Perlindungan

Tanaman Antarabangsa.

Beliau menjelaskan bahawa ASEANET adalah landasan Asia Tenggara bagi bioNet antarabangsa yang membekalkan tapak bagi kerjasama serantau dalam 'taxonomy' dan 'biosistematik'.

Beliau berharap ASEANET akan terus bekerjasama ke arah meningkatkan kemajuan biosistematik di rantau ini dan ke arah itu memerlukan kemampuan dalam sumber-sumber kesihatan terutama dala mengawal serangga perosak tanaman.

Mesyuarat dua hari itu membincangkan topik-topik mengenai biodiversiti dan bidang biosistematik serta dihadiri oleh ahli-ahli negara anggota ASEAN.



PENGARAH Pertanian, Dr. Haji Mohamad Yusoff semasa hadir selaku tetamu kehormat di mesyuarat berkenaan. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Kerajaan sediakan peruntukan besar ubah suai bangunan Ma'had Islam Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Mac. - Kerajaan pengubahsuaian Ma'had Islam Brunei di Tutong yang mengalami kerosakan bangunan dijangka bermula tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi menjelaskan perkara itu semasa Sesi Dialog bersama ibu bapa pelajar Ma'had Islam Brunei yang berlangsung di Dewan Maktub Perguruan Agama Seri Begawan Sultan di sini.

Yang Mulia menjelaskan pihak kerajaan sudah memperuntukkan sejumlah besar wang bagi melaksanakan projek yang disenaraikan untuk dilaksanakan awal tahun ini.

Menurutnya, kerosakan bangunan Ma'had Islam Brunei itu mendapat teguran dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan mengejut baginda ke sekolah berkenaan pada tahun lalu di mana pelbagai kerosakan bangunan termasuk

Oleh Aliddin HM

infrastrukturnya memerlukan kerja pembaikan yang besar.

Yang Mulia menjelaskan atas titah perkenan baginda satu peruntukan sudah disediakan untuk membaik pulih bangunan sekolah tersebut.

Bagi membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian itu dapat dilaksanakan secepat mungkin kata Yang Mulia Kementerian Pendidikan sudah menutup sekolah itu buat sementara waktu dan lebih 500 orang pelajarinya akan dipindahkan.

Para pelajar berkenaan tambahnya, akan ditempatkan di Sekolah Agama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah di Jalan Tutong termasuk menyediakan kemudahan asrama khusus bagi para pelajar dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Kerja-kerja pengubahsuaian kedua-dua sekolah itu pada masa ini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap selewat-lewat

nya minggu pertama bulan ini.

Yang Mulia menjelaskan, semua pelajar akan mula dipindahkan pada hari pertama penggal kedua persekolahan, manakala barang-barang sekolah akan dipindahkan seminggu sebelum cuti penggal pertama.

Pengubahsuaian Ma'had Islam Brunei kata Yang Mulia, terbahagikan kepada dua fasa iaitu Fasa 1 meliputi bangunan sekolah dan Fasa Ke-2 pula melibatkan pembaikan asrama termasuk tiga buah flat dekat Sekolah Menengah Sufri Bolkiah untuk dijadikan asrama sementara.

Langkah ini katanya, membuktikan pemeduliaan tinggi kerajaan ke atas kesejahteraan dan keselamatan semua pihak di Ma'had Islam Brunei.



PARA pegawai kanan Kementerian dan para ibu bapa pelajar yang hadir di majlis itu. - Gambar oleh Halim HS.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi.

Dari itu katanya, pihak yang terlibat di Ma'had Islam Brunei terutama pentadbir, guru dan pelajar serta ibu bapa diharapkan dapat menghargai sepenuhnya dengan menjadi lebih komited, dedikasi dan bekerjasama untuk meningkatkan prestasi Ma'had Islam Brunei ke tingkat yang lebih cemerlang.

INAYAH

Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menyiar Isu-isu Sosial

PEMBUNUH DIBALAS BUNUH

"HANYASANYA balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas) atau dipalng (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan berselang (kalau mereka merampas sahaja) atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar." (Surah Al-Maa'idah ayat 33).

Pegawai kanan ABDB dinaikkan pangkat

BERAKAS, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menaikkan pangkat kepada pegawai Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Majlis Kenaikan Pangkat adalah bagi Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Haji

Abdul Rahmani bin Haji Basir yang dinaikkan pangkat Kolonel yang berkuasa pada 1 Mac lalu.

Menyempurnakan majlis ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz yang berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison di sini.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) HAL EHWAL PELAJAR (HEP), UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (Bahagian II)

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Memerlukan Tindakan HEP sahaja	
1.1	Pemohonan kebenaran keluar negeri	1 - 2 hari
1.2	Pemohonan membuat jawatan dalam negeri	1 bulan
1.3	Pemohonan membuat jawatan keluar negeri	3 bulan
1.4	Pemohonan mengadakan ceramah, forum, perbincangan, syarahan, seminar, kursus, bengkel.	1 bulan
1.5	Pemohonan mengadakan aktiviti sukan/kebudayaan	1 bulan
1.6	Pemohonan mengadakan aktiviti pelajar yang melibatkan jabatan kerajaan atau pihak dalam atau luar kampus	1 bulan
1.7	Pemohonan mengadakan jamuan, perjumpaan sosial, penyampaian hadiah dan lain-lain	2 minggu
2.	Memerlukan tindakan pihak HEP dan pihak berwajib yang lain	
2.1	Sokongan dan pengesahan permohonan-permohonan serta tuntutan-tuntutan pembayaran dari pelajar-pelajar untuk kebenaran/tindakan lanjut oleh pihak atasan/luar	1 - 3 hari
2.2	Pengesahan tuntutan pembekal pemakanan (astarama)	2 minggu
3.	Keputusan komiti di mana HEP bertindak sebagai sekretariatnya	
3.1	Skim pengajian setahun di luar negeri	6 - 7 bulan

KONTRAK PEKERJAAN PENTING BAGI MAJIKAN, PEKERJA

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 10 Mac. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab berkata, kontrak pekerjaan penting bagi majikan dan pekerja. Tanpanya majikan yang kurang bertanggungjawab akan mudah bertindak di luar batas.

Menurut beliau tanpa kontrak juga pekerja dengan mudah boleh berhenti tanpa notis atau tidak hadir bekerja tanpa pemberitahuan atau tidak mengikut arahan majikan untuk bekerja lebih masa dan seumpamanya.

"Tanpa kontrak, majikan pula boleh memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya tanpa sebab, tanpa notis atau tanpa pampasan," jelas beliau di Majlis Penyampaian Sijil dan Penandatanganan Kontrak Pekerjaan bagi calon-calon yang telah berjaya sepenuhnya mengikut Skim Lanjutan Kemahiran Industri dan Teknologi Infokomunikasi bagi sektor pasar raya yang berlangsung di Pusat Serantau SEAMEO-VOCTECH.

Selain itu tambah beliau majikan juga boleh membuat tipu helah untuk tidak membayar gaji mengikut kadar biasa, tidak membayar lebih masa sepenuhnya, tidak memberikan cuti penuh dan seumpamanya.

Semua senario itu akhirnya akan mengakibatkan pekerja kehilangan pekerjaan atau tidak mendapat sepenuhnya hak mereka sebagai pekerja dan bagi syarikat pula akibatnya mungkin tidak sekuat yang diterima oleh pekerja.

Walau bagaimanapun syarikat yang sengaja mengelak dari komitmen kontrak bagi penyalahgunaan pekerja yang tidak menjalankan perusahaannya di atas prinsip-prinsip yang betul menyebabkan kemajuan syarikat tersebut mungkin terhad dan tidak dapat berdaya tahan.

Oleh itu tegas beliau adalah sangat penting, disiplin dan prinsip tanggungjawab itu datangnya terlebih dahulu dari syarikat-syarikat swasta sebagai majikan dan dengan adanya budaya syarikat yang jujur, bertanggungjawab dan mengamalkan amalan terbaik serta menjaga kepentingan pekerja secara adil dan berperaturan menjadikan pekerja-pekerja akan menampilkan kemajuan progresif untuk kebaikan syarikat.

Seramai 43 orang yang meng-

ikuti skim latihan tersebut menerima sijil masing-masing setelah berjaya menempati matlamat skim berkenaan sekalipun bilangannya masih kecil namun kejayaan ini adalah besar dan penting dari pelbagai sudut.

Skim yang diperkenalkan ini merupakan sebahagian dari dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membantu memudahkan anak-anak tempatan yang sedang mencari pekerjaan diambil bekerja oleh sektor swasta.

Oleh itu dengan adanya langkah yang dibuat ini khususnya dalam memastikan bahawa anak-

anak tempatan mempunyai kemahiran yang diperlukan dan sektor swasta bermakna tidak lagi ada alasan untuk mereka tidak mengambil bekerja anak-anak tempatan disebabkan mereka tidak terlatih.

Majlis diakhiri dengan penandatanganan kontrak pekerja peserta-peserta dengan majikan yang disaksikan oleh tetamu kehormat dan Pesuruhjaya Buruh.

Dari jumlah lebih 40 orang yang menerima sijil pagi itu sebanyak enam buah syarikat tempatan telah menawarkan perkhidmatan bagi mereka antaranya Hua-Hua Department Store, Teguh Raya Department Store dan Soon Lee Megamart.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri menyerahkan sijil kepada seorang peserta skim berkenaan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

KEBERANGKATAN KE MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA SULTAN SELANGOR DARUL EHSAN KE-9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan Selangor Darul Ehsan Ke-9.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Selangor Darul Ehsan pada 9 hingga 10 Mac 2003 bagi menghadiri Majlis Persantapan Diraja Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan Ke-9.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna.

Pada malam 9 Mac 2003, baginda berdua berangkat menghadiri Majlis Persantapan Diraja sempena Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Selangor dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor di Balai Santapan Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

Majlis Persantapan Diraja itu juga dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong Malaysia, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Malaysia, ahli kerabat diraja Selangor, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri-negeri beberapa orang Menteri Persekutuan Malaysia, Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan Kerajaan Negeri Selangor serta para jemputan khas.

Terdahulu pada petang 9 Mac 2003, keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berserta kerabat diraja yang lain menadah tangan semasa doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebelum berangkat dari tempat persemayaman.



MESRA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang.



RAKAM ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor.



BAGINDA dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri diucapkan selamat berangkat pulang oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan para pembesar serta orang-orang kenamaan Negeri Selangor.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di hotel persemayaman.

KEBOLEHAN MEMBACA ASET UTAMA MENDAPATKAN ILMU PENGETAHUAN

JIKA seseorang mahu bersaing dalam dunia pekerjaan masa ini, kecekapan dalam membaca adalah diperlukan. Bahkan dalam mengharungi 'information age' ini kebolehan membaca adalah aset utama untuk mendapat ilmu dan pengetahuan. Malangnya budaya itu tidak dipupuk dengan baik dari kecil. Hingga saat ini, budaya membaca di kalangan orang dewasa di negara ini juga rendah jika dibanding dengan negara lain.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Sijil Guru-guru RELA Ke-9 yang diadakan di Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang, Tutong II.

Menurut Yang Mulia Dato Paduka, mengikut perangkaan keramaian keahlian di Perpustakaan Dewan Bahasa Pustaka ialah 2,557 orang di tahun 2000 iaitu menurun berbanding dengan 3,185 orang di tahun 1987.

"Walaupun toko-toko menjual buku dan majalah bertambah, penjualan buku selain teks sekolah tidaklah begitu meningkat, yang mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti harga, kurangnya kepelbagaian buku yang dijual, adanya kemudahan memesan 'on-line' atau membeli dari luar," ujar Yang Mulia Dato Paduka.

Kelemahan dalam membaca, tegas beliau, akan menyekat perkembangan mental seseorang kanak-kanak. Oleh itu beberapa fakta patut diambil perhatian antaranya mengikut satu pengkajian kira-kira 85 peratus kanak-kanak yang di 'diagnosed' mempunyai kesukaran dalam belajar adalah disebabkan masalah utamanya iaitu kelemahan membaca.

Selain itu kesukaran



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi.

dalam membaca adalah 'neurodevelopmental in nature' dan boleh mengganggu perkembangan semula jadi seorang kanak-kanak. Di samping itu

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh Hj. Masmaleh HMA

kebanyakan kanak-kanak yang mengalami kesukaran dalam membaca boleh diajar cara-cara membaca melalui strategi pembelajaran yang tertentu.

"Kajian juga menunjukkan kanak-kanak yang mempunyai kemahiran membaca yang rendah dan lemah sering menerima pencapaian yang rendah, mudah kecewa,

menghadapi masalah menyiapkan kerja-kerja sekolah, mempunyai rasa rendah nilai diri dan mempunyai masalah sikap," jelas Yang Mulia Dato Paduka.

Oleh itu Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah yang bersesuaian agar kurikulum sekolah sesuai dan relevan serta boleh meningkatkan minat kanak-kanak kepada membaca hingga menjadi satu budaya.

"Dengan adanya pembekalan alat komputer di sekolah-sekolah sebagai satu lagi strategi untuk meningkat minat membaca, guru-guru diharapkan agar dapat menggunakannya untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid-murid," tambah beliau.

Beliau berharap agar guru-guru peka dengan perkembangan semasa terutama dalam menanganai perubahan. Dalam hubungan ini pendekatan, teknik dan strategi yang diperkenalkan dalam Program RELA (Reading dan Language Acquisition) harus juga dinilai supaya selaras dengan matlamat pendidikan.

RELA mula diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah kerajaan di negara

ini pada awal tahun 1989 dikenali sebagai Projek RELA Bawah (Darjah 1 hingga 3) bertujuan untuk menanamkan budaya suka membaca di kalangan murid-murid, di samping meninggikan tahap pencapaian bahasa Inggeris murid-murid dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Program itu dilaratkan kepada peringkat Rendah Atas (Darjah 4 hingga 6). Komponen Program RELA Atas termasuk Bacaan Senyap, Kaedah K-W-L khusus untuk pengajaran kefahaman, kaedah proses mengarang.

Di majlis itu seramai 16 orang guru RELA Bawah dan 62 orang guru RELA Atas telah menerima sijil mereka. Majlis antara lain bertujuan untuk menyampaikan sijil sebagai pengakuan kepada guru-guru yang telah berjaya menamatkan siri-siri bengkel selama 2 1/2 tahun.

Dalam tempoh 12 tahun program berkenaan dilaksanakan, seramai 813 orang guru sudah menerima sijil mereka. Dari jumlah itu 467 orang guru telah menerima sijil RELA Bawah dan 346 orang guru menerima sijil RELA Atas.

OLEH itu Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah yang bersesuaian agar kurikulum sekolah sesuai dan relevan serta boleh meningkatkan minat kanak-kanak kepada membaca hingga menjadi satu budaya.



SALAH satu aktiviti dalam komponen Program RELA.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan menyampaikan sijil kepada seorang guru RELA.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan bersama para jemputan khas dan guru-guru RELA semasa hadir di majlis tersebut.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

ARTIKEL ini cuba membincangkan konsep *Terasul* di Negara Brunei Darussalam, susunan *Terasul* individu-individu tertentu dan penggunaan *Terasul* sebagai salah satu bentuk sapaan atau panggilan dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Turut dibincangkan ialah pemanifestasian status sosial individu tertentu yang dimanifestasikan dalam *Terasul*.

PERNYATAAN MASALAH

Artikel ini ditulis berdasarkan kepada persoalan (a) apakah yang dimaksudkan dengan *Terasul* dan (b) bagaimana *Terasul* di Negara Brunei Darussalam dapat memanifestasikan status sosial individu tertentu di kalangan masyarakat Brunei. Dengan terjawabnya kedua-dua persoalan ini, kekeliruan mengenai *Terasul* dapat diminimalkan.

KONSEP TERASUL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Menurut Kamus Dewan yang disusun oleh Teuku Iskandar (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1986: 1243), *Terasul* bermaksud surat menyurat. *Terasul* juga meliputi ilmu *Terasul* (ilmu tentang surat menyurat) dan *Kitab Terasul* yang mengandungi ilmu tentang peraturan-peraturan surat menyurat. Bagaimanapun berdasarkan simbol atau tanda yang tercatat pada perkataan *Terasul* dalam kamus berkenaan (Kamus Dewan), maksud-maksud *Terasul* yang telah dijelaskan sama ada (a) jarang dipakai (b) penggunaan bagi maksud-maksud tersebut hanya terbatas pada suatu daerah tertentu, (c) *Terasul* bagi maksud-maksud yang telah dinyatakan disangkikan kebenarannya disebabkan oleh salah baca, salah tulis atau salah dengar.

Menurut *Terasul* (panggilan) dan Cara-cara Mengalamatkan Surat dan Lain-lain (Jabatan Adat Istiadat Negara, tanpa tahun muka surat 1), *Terasul* bermaksud (a) ilmu mengenai surat menyurat, (b) permulaan kata dalam ucapan atau syarahan dan (c) sebutan yang terang dan jelas bagi pangkal nama individu-individu yang dikurniakan gelaran atau individu yang dikurniakan bintang-bintang kebesaran. Menurut Fati-mah Haji Awang Chuchu (2000 : 112), *Terasul* ialah rujukan kehormatan.

Dilihat secara keseluruhan, adalah sukar untuk menghubungkan maksud-maksud *Terasul* yang telah dijelaskan di atas dengan situasi penggunaan *Terasul* dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Untuk memahami situasi ini (konsep *Terasul* di Negara Brunei Darussalam), penulis telah memetik salah satu daripada *Terasul* pembeda negara yang menyandang gelaran Pengiran Bendahara dalam konteks pentadbiran beradab di Negara Brunei Darussalam, *Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffi Bolikah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS.,* (Bahagian Pembeda, Jabatan Adat Istiadat Negara, tanpa tahun : 7).

Terasul di atas terdiri daripada: (1) Rujukan kehormatan (*Yang Teramat Mulia*) (2) Rujukan kehormatan tambahan (*Paduka Seri*) (3) Gelaran Kurniaan (*Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura*) (4) Gelaran warisan (*Pengiran Muda*) (5) Gelaran Keagamaan (*Haji*) (6) Nama peribadi (*Suffi Bolikah*) (7) Penanda jantina keturunan diraja (*ibni*) (8) Rujukan orang yang sudah meninggal dunia (*Al-Marhum*) (9) Jawatan bapa (*Sultan*) (10) Gelaran keagamaan bapa (*Haji*) (11) Nama peribadi bapa (*Omar Ali Saifuddin*) (12) Gelaran ayah dalam bahasa Arab (*Sa'adul Khairi*

Waddien) dan (13) Nama-nama bintang kebesaran dan pingat (*DKMB., DK., PHBS.*).

Berdasarkan unsur-unsur yang terdapat dalam *Terasul* kepada individu di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa *Terasul* merupakan rujukan yang mengandungi butiran-butiran lengkap dan tertentu mengenai seseorang individu yang bergelar. Butiran-butiran yang menjadi unsur-unsur *Terasul* kepada seseorang individu adalah bergantung kepada status individu berkenaan.

Melalui *Terasul* identiti seseorang individu dapat diketahui dan secara langsung atau tidak langsung turut memanifestasikan statusnya dalam hierarki sosial bangsa Melayu Brunei. Misalnya, melalui contoh *Terasul* di atas dapat dikenal pasti status individu berkenaan dalam susunan hierarki sosial bangsa Melayu Brunei, yakni individu yang menduduki hierarki orang-orang yang menyandang gelaran wazir. Unsur-unsur (1) *Yang Teramat Mulia*, (2) *Paduka Seri* dan (3) *Pengiran Muda* adalah data-data linguistik yang dapat memanifestasikan status individu berkenaan sebagai putera sultan yang berstatus gahara. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam khususnya dalam konteks pentadbiran beradab, hanya putera sultan sahaja yang diberi rujukan kehormatan *Yang Teramat Mulia* dan *Paduka Seri* dan gelaran warisan *Pengiran Muda*.

Berdasarkan contoh-contoh penggunaan *Terasul* yang ditemui oleh penulis sebagaimana yang terdapat dalam panduan surat menyurat (Jabatan Adat Istiadat Negara, tanpa tahun) dan sembah alu-aluan yang ditujukan kepada keluarga diraja dan pembesar-pembesar negara (Jabatan Penerangan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, 2000), *Terasul* juga boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada bentuk atau cara menyapa seseorang individu dalam konteks pentadbiran beradab.

Dalam konteks ini, yakni pentadbiran beradab, *Terasul* dapat dianggap sebagai salah satu daripada bentuk sapaan atau bentuk rujukan yang lengkap dan panjang kepada individu tertentu di kalangan bangsa Melayu Brunei. Dalam ben-

tuk ini, *Terasul* digunakan untuk menyapa individu tertentu dalam ucapan, titah sabda dan surat menyurat. Penggunaan *Terasul* sebagai bentuk sapaan atau bentuk rujukan dalam ucapan adalah seperti contoh yang dikemukakan. Misalnya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dalam sembah alu-aluannya telah menyapa dan merujuk puteri sultan dengan *Terasul Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah N'imatul Bolikah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah*, (Jabatan Penerangan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, 2000 : 114).

Yang Berhormat juga dalam ucapannya telah menyapa dan merujuk pembesar-pembesar negara dengan *Terasul* masing-masing Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Alaiddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam; (Jabatan Penerangan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, 2000 : 122).

Bentuk sapaan atau bentuk rujukan yang panjang dan lengkap iaitu dalam bentuk *Terasul* dapat mencerminkan nilai-nilai kebudayaan yang tinggi kerana bentuk sapaan yang sedemikian dirasakan lebih sopan dan hormat (Martin, 1964 : 411). Penggunaan *Terasul* sebagai sapaan rujukan iaitu seperti contoh di atas dapat memanifestasikan sikap bersopan santun dan perasaan hormat penyapa kepada individu yang dirujuk. Data-data linguistik dalam contoh di atas secara langsung dan tidak langsung turut juga memanifestasikan status penyapa dan individu yang disapa.

Bentuk sapaan atau bentuk rujukan yang sama dengan bentuk *Terasul* di Negara Brunei Darussalam juga digunakan di Malaysia. Contohnya, Profesor Dato Hajah Asmah binti Haji Omar dalam ucapannya telah menyapa dan merujuk Sultan Haji Ahmad Shah

TERASUL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK

OLEH HAJI KULA BIN HAJI MOHD. NOOR

dengan *Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah, D.K.P. Sultan Pahang Darul Makmur* (Asmah Haji Omar, 1988: 40).

Data linguistik ini iaitu contoh di atas dapat membuktikan bahawa *Terasul* digunakan sebagai salah satu daripada bentuk rujukan yang lengkap untuk merujuk individu tertentu bukan saja dalam konteks Negara Brunei Darussalam tetapi juga di Malaysia.

SUSUNAN TERASUL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Berdasarkan beberapa contoh *Terasul* yang terdapat dalam *Terasul* (Panggilan) dan Cara-cara Mengalamatkan Surat dan Lain-lain (Jabatan Adat Istiadat Negara, tanpa tahun), *Terasul* di Negara Brunei Darussalam dapat disusun mengikut seperti berikut: *Terasul* kepada Keluarga Diraja, *Terasul* kepada Wazir-wazir dan *Cheleha-cheteria*, *terasul* kepada Pehin-pehin menteri dan *terasul* kepada Menteri-menteri Bertauliah.

TERASUL KEPADA KELUARGA DIRAJA

Terasul kepada keluarga diraja dapat disusun berdasarkan sub-hierarki di kalangan keluarga diraja. Dengan yang demikian *Terasul* kepada keluarga diraja terdiri daripada *Terasul-terasul* kepada sultan, *Raja Isteri*, *putera-putera* dan *puteri-puteri* sultan dan *cucu-cucu* sultan.

Terasul kepada sultan ialah *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji (nama peribadi)* *Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji (nama peribadi)* *Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*.

Terasul kepada sultan terdiri unsur-unsur (1) Rujukan kehormatan khas (*Kebawah Duli Yang Maha Mulia*), (2) Rujukan kehormatan tambahan (*Paduka Seri*), (3) Rujukan khas sultan (*Baginda*), (4) Gelaran jawatan (*Sultan*), (5) Gelaran keagamaan (*Haji*), (6) Nama peribadi (...), (7) gelaran dalam bahasa Arab (*Mu'izzaddin Waddaulah*), (8) Penanda jantina (*ibni*), (9) Rujukan individu yang telah meninggal dunia (*Al-Marhum*), (10) Gelaran

jawatan ayah (*Sultan*), (11) Gelaran keagamaan ayah (*Haji*), (12) Nama peribadi ayah (...), (13) Gelaran ayah dalam bahasa Arab (*Sa'adul Khairi Waddien*) dan (14) Rujukan kehormatan tambahan jawatan (*Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*).

Jumlah bilangan unsur-unsur dalam *Terasul* kepada sultan ialah empat belas. Jumlah bilangan unsur-unsur ini mungkin sama dengan jumlah bilangan unsur-unsur dalam *Terasul* seseorang individu yang lain. Namun demikian situasi ini tidak bermakna status sultan sama dengan status individu yang berkenaan. Dalam situasi seperti ini, frasa-frasa yang membentuk atau membina unsur-unsur dalam *Terasul* kepada sultan perlu diambil kira.

Frasa-frasa yang terdapat dalam unsur-unsur (1), (2), (4) dan (14) dalam *Terasul* kepada sultan adalah data-data linguistik yang dapat memanifestasikan status sultan sebagai individu yang menduduki puncak hierarki sosial bangsa Melayu Brunei. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, frasa-frasa yang terdapat dalam unsur-unsur (1), (2) (4) dan (14) hanya boleh dibubuh pada gelaran individu yang menyandang jawatan sultan dan unsur-unsur (1) dan (2) kepada individu yang menyandang jawatan Raja Isteri.

Terasul kepada *Raja Isteri* ialah *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah (nama peribadi) binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji (nama peribadi)* *DKMB., DK., Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), DK (Johor), Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea), DK (Selangor), DK (Kelantan), PHBS.*

Terasul kepada *Raja Isteri* terdiri daripada unsur-unsur (1) Rujukan kehormatan khas (*Kebawah Duli Yang Maha Mulia*), (2) Rujukan kehormatan tambahan (*Paduka Seri*), (3) Rujukan khas sebagai *Raja Isteri* (*Baginda*), (4) Gelaran jawatan (*Raja Isteri*), (5) Gelaran warisan (*Pengiran Anak*) (6) Gelaran keagamaan (*Hajah*), (7) Nama peribadi (...), (8) penanda jantina (*binti*), (9)

Rujukan individu yang telah meninggal dunia (*Al-Marhum*), (10) Gelaran kurniaan ayah (*Pengiran Pemancha*), (11) Gelaran warisan ayah (*Pengiran Anak*), (12) Gelaran keagamaan ayah (*Haji*), (13) Nama peribadi ayah (...), dan (14) Rujukan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat (...).

Berdasarkan jumlah bilangan unsur-unsur itu, adalah jelas bahawa *Terasul* kepada *Raja Isteri* sama jumlah bilangan unsur-unsurnya dengan *Terasul* kepada sultan dan *Raja Isteri* yang sama bentuk. Situasi ini tidak bermakna status atau kedudukan sultan sama dengan *Raja Isteri*. Walaupun dalam *Terasul* kepada *Raja Isteri* terdapat untuk (1), iaitu frasa *Kebawah Duli Yang Maha Mulia* yakni sama dengan unsur (1) dalam *Terasul* sultan tetapi dalam *Terasul* kepada *Raja Isteri* tidak terdapat unsur (14) iaitu frasa *Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*, yakni unsur yang berfungsi sebagai penanda kekuasaan sultan.

Dengan yang demikian, unsur (14) iaitu *Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam* adalah data linguistik yang memanifestasikan kedudukan status dan kedudukan di antara sultan dengan *Raja Isteri* dalam hierarki sosial bangsa Melayu Brunei. Data linguistik ini turut memanifestasikan sub-strata sosial di kalangan keluarga diraja. Dalam situasi ini, unsur (14) iaitu *Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam* adalah perujuk kepada individu yang berstatus sebagai sultan.

Dari sudut linguistik unsur (1) iaitu frasa *Kebawah Duli Yang Maha Mulia* dalam *Terasul* kepada *Raja Isteri* mempunyai implikasi semantik, yakni individu yang dirujuk dengan frasa berkenaan berstatus lebih tinggi berbanding dengan individu yang dirujuk dengan frasa *Yang Teramat Mulia*. Kedudukan frasa *Kebawah Duli Yang Maha Mulia* pada gatra teratas rujukan kehormatan dalam bahasa Melayu turut memanifestasikan kelinan status di antara individu yang dirujuk dengan frasa berkenaan dengan individu yang dirujuk dengan frasa *Yang Teramat Mulia*.

Terasul-Terasul kepada sultan dan isteri sultan iaitu yang telah dikemukakan di atas memperlihatkan beberapa kelinan. Dalam *Terasul* kepada sultan tidak terdapat gelaran warisan dan

rujukan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam pentadbiran beradab, gelaran warisan sultan dan rujukan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat yang diterima oleh sultan tidak perlu disebutkan atau dimasukkan ke dalam *Terasul* kepada baginda.

Jawatan sebagai *Sultan* dan *Yang Di-Pertuan* yang disandang oleh seseorang sultan sudah memadai sebagai penanda gelaran warisan atau keturunan seseorang sultan. Jawatan berkenaan juga turut memanifestasikan bahawa seseorang sultan memiliki beberapa bintang kebesaran dan pingat-pingat.

Nama-nama bintang kebesaran dan pingat-pingat yang dimasukkan ke dalam *Terasul* kepada isteri sultan adalah bertujuan untuk menghormati pihak yang mengurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat itu khususnya bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat yang dikurniakan oleh Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat itu juga dapat melambangkan status individu berkenaan dalam konteks masyarakat yang memberikan sesuatu bintang kebesaran atau pingat.

Terasul kepada putera dan puteri sultan dapat dikategorikan mengikut status masing-masing. Oleh sebab putera dan puteri sultan ada yang berstatus gahara dan berstatus tidak gahara, maka pengkategorian *Terasul* kepada putera dan puteri sultan juga berdasarkan kepada status yang telah disebutkan.

Dengan yang demikian, *Terasul* kepada putera dan puteri sultan dapat dibahagikan kepada (a) *Terasul* kepada putera gahara, (b) *Terasul* kepada puteri gahara, (c) *Terasul* kepada putera tidak gahara dan (d) *Terasul* kepada puteri tidak gahara.

Terasul kepada putera gahara dapat pula dibahagikan kepada (i) *Terasul* kepada putera gahara yang dimasyhurkan sebagai Pengiran Muda Mahkota, (ii) *Terasul* kepada putera gahara yang diarak (dilantik) menjadi wazir dan (iii) *Terasul* kepada putera gahara yang lain.

JANGAN TANGGUH PEMBAYARAN HUTANG

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Satu hal yang perlu diketahui oleh setiap Muslim tentang hukum agamanya iaitu agama Islam menyuruh umatnya supaya berlaku lurus dan sederhana dalam semua tindak-tanduk kehidupan seharian mereka.

Dengan kesederhanaan ini kita akan sentiasa merasa cukup dan berpada dengan yang ada. Suasana ini akan dapat menghindarkan diri kita daripada berhutang. Dalam hal hutang ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak suka membiasakan umatnya berhutang, memandangkan hutang dalam pandangan Islam adalah merupakan kesusahan di malam hari dan suatu penghinaan di siang hari. Justeru itu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam selalu berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala supaya terhindar dari berhutang.

Doa Baginda itu yang ertinya: "Ya Tuhanku, aku berlindung diri kepada-Mu dari bebanan hutang dan dari dikuasai orang lain."

Doa yang baru dibacakan tadi biasa kita amalkan pada setiap selepas kita menunaikan sembahyang, ini menunjukkan kita pun selalu memohon kepada Allah Subhanahu Wataala daripada bebanan hutang.

Agama Islam amat menitikberatkan masalah hutang dan nilai melaksanakan pembayarannya, kerana orang yang mati meninggalkan hutang akan dibalas pada Hari Kiamat. Walau bagaimanapun, agama Islam masih memberikan ruang dan kelonggaran untuk berhutang khususnya di dalam keadaan darurat dan sangat-sangat memerlukan iaitu dalam masalah kebaikan tetapi perlu diingat di samping agama Islam memberi kelonggaran itu, setiap hutang itu wajiblah dijelaskan dan dibayar.

Ingatlah bahawa kewajipan membayar hutang itu tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya. Oleh sebab itu Islam mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap hutang-piutang sehingga orang yang berhutang tidak boleh lari daripada membayarnya.

Hutang perlu dijelaskan dengan segera. Janganlah dilalaikan pembayarannya dan menyebabkan tertangguh begitu lama sekali dan langsung tidak dijelaskan sehingga menyusahkan orang yang memberi hutang.


Akibat menanggung hutang itu, selain daripada dipertanggungjawabkan membayarnya bahkan ada bahaya yang lebih besar yang akan menimpa kepada diri si penghutang jika tidak melunaskannya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam At-Tarmizi dan Imam Ahmad dan Imam Ibnu Hibban yang maksudnya:

"Roh seseorang mukmin itu tergantung yakni dihalang daripada tempat yang mulia dengan sebab hutangnya sehinggalah hutangnya itu dijelaskan."

Dan dalam hadis yang lain daripada Ibnu Umar Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah yang maksudnya:

"Sesiapa mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham maka akan diambil ganti daripada kebajikanannya kerana di sana tidak ada dinar dan tidak ada pula dirham."



Berdasarkan hakikat ini, Islam menasihatkan setiap Muslim agar menghindarkan diri daripada berhutang kecuali kerana sangat memerlukan. Walaupun terpaksa berhutang, maka dia hendaklah berniat dan berazam untuk membayar hutang berkenaan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang maksudnya:

"Sesiapa mengambil harta orang lain (ber-

hutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan luluskan niatnya itu. Tetapi sesiapa mengambil dengan niat akan membiasakannya dengan tidak membayarnya maka Allah akan membinasakan dia."

Sebagaimana yang tersiar dalam media massa bahawa terdapat di antara kita yang masih menanggung-nangguhan pembayaran hutang. Contohnya dalam pembayaran bil air, elektrik, telefon, perumahan dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa ada sebahagian kita masih menanggung-nangguhan pembayaran hutang ini.

Perbuatan seperti ini boleh memberi kesan yang negatif kepada negara.

Oleh itu hindarkanlah diri kita tergolong dari orang-orang yang berhutang dan melengah-lengahkan pembayaran hutang. Semoga dengan adanya kesedaran dan kejujuran kita dalam hal ini akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'minuun ayat 8 yang tafsirannya:

"Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah yang dipikul dan janjinya."

SEBAGAIMANA yang tersiar dalam media massa bahawa terdapat di antara kita yang masih menanggung-nangguhan pembayaran hutang. Contohnya dalam pembayaran bil air, elektrik, telefon, perumahan dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa ada sebahagian kita masih menanggung-nangguhan pembayaran hutang ini. Perbuatan seperti ini boleh memberi kesan yang negatif kepada negara.

وقت سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی باگی دائره برونې دان مولار مولاي دري هاري رابو، ۱۶ محرم، ۱۴۲۴ برسان دغن ۱۹ مرج، ۲۰۰۳ هیفک کهاري ثلاث، ۲۲ محرم، ۱۴۲۴ برسان دغن ۲۵ مرج، ۲۰۰۳ اداله سقرت دباوه این:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	سوروق	ضحی	مسیحی
۱۶	۱۲.۳۰	۳.۳۹	۶.۳۲	۷.۴۱	۴.۵۹	۵.۰۹	۶.۲۵	۶.۴۸	۱۹
۱۷	۱۲.۳۰	۳.۳۸	۶.۳۲	۷.۴۱	۴.۵۹	۵.۰۹	۶.۲۵	۶.۴۸	۲۰
۱۸	۱۲.۲۹	۳.۳۷	۶.۳۲	۷.۴۰	۴.۵۸	۵.۰۸	۶.۳۴	۶.۴۷	۲۱
۱۹	۱۲.۲۹	۳.۳۶	۶.۳۱	۷.۴۰	۴.۵۸	۵.۰۸	۶.۳۴	۶.۴۷	۲۲
۲۰	۱۲.۲۹	۳.۳۶	۶.۳۱	۷.۴۰	۴.۵۷	۵.۰۷	۶.۳۳	۶.۴۷	۲۳
۲۱	۱۲.۲۹	۳.۳۵	۶.۳۱	۷.۴۰	۴.۵۷	۵.۰۷	۶.۳۳	۶.۴۶	۲۴
۲۲	۱۲.۲۸	۳.۳۴	۶.۳۱	۷.۴۰	۴.۵۶	۵.۰۶	۶.۳۲	۶.۴۶	۲۵

وقت ۲ سبہیخ باگی دائره توتوغ دغه سائر مینیت دان دائره بلایت دغه تیگ مینیت، سبہیخ فرض جمعة دسلورو نکارا برونې دارالسلام مولاي دري فوکل ۱۲.۴۵ تھاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihie Waman Walah.

SETIAP orang perlu menjaga kebersihan, apatah lagi dalam menjaga kebersihan dirinya, sama ada zahiriah atau batiniah. Ada bermacam-macam cara yang dipraktikkan oleh seseorang untuk menjaga kebersihan, akan tetapi ada satu cara yang mungkin segelintir orang tidak mengetahuinya dengan baik. Cara menjaga kebersihan yang kita maksudkan itu ialah istibra'. Kalau kita amati, cara ini sebenarnya amat diperlukan kerana kita bukan hanya disuruh beristibra' tetapi juga beristibra' sebagai langkah permulaan bagi perbuatan menjaga kebersihan itu. Apakah istibra' itu sebenarnya?

PENGERTIAN ISTIBRA'

Istibra' adalah perkataan Arab yang membawa erti menuntut kebersihan.

Dari segi syarak, perkataan istibra' digunakan dalam dua bentuk:

Pertama: yang berhubung kait dengan kebersihan (thaharah).

Kedua: yang berhubung kait dengan nikah iaitu dalam membicarakan soal penentuan nasab keturunan. (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah: 3/167).

Dalam konteks persoalan istibra' ini, kita hanya akan menyentuhnya dalam bentuk pertama sahaja iaitu thaharah.

ISTIBRA' DI DALAM THAHARAH

Ibnu 'Arafah mendefinisikan istibra' sebagai menghilangkan kotoran daripada kedua-dua tempat keluar najis. Pengertian ini bermaksud membersihkan air kencing, tahi, mazi, wadi dan mani sebagaimana yang difahami dari perkataan ulama Mazhab Syafi'e dan Hanbali.

Sementara ulama Mazhab Hanafi mentakrifkan sebagai menuntut kebersihan dari luar dengan sesuatu sehingga yakin bahawa tidak ada kesan-kesan najis yang tinggal atau tersisa, dan mereka tidak membayangkan masalah ini ada kaitannya dengan pihak perempuan kerana pada pendapat mereka, perempuan tidak dituntut beristibra'. (Hasyiah Ibnu 'Abidin: 1/359).

Perkataan-perkataan yang ada hubung kaitnya dengan istibra' ini ialah istinja', istinazah dan istintar. Kesemua perkataan ini membawa makna membersihkan kedua-dua tempat keluar najis daripada apa yang keluar darinya.

HUKUM ISTIBRA'

Sebilangan besar ulama Mazhab Syafi'e dan Hanbali mengatakan hukumnya adalah sunat dengan beralasan bahawa selepas berhenti pengaliran air kencing itu, ia tidak akan keluar lagi. Sementara ada juga sebahagian daripada ulama Mazhab Syafi'e yang berpendapat bahawa istibra' itu hukumnya wajib, dan inilah juga menjadi pendapat ulama Mazhab Hanafi dan Maliki.

Mereka yang mengatakan hukum beristibra' itu wajib berdalilkan dengan hadis Ad-Daraquthni yang maksudnya:

"Bersihkanlah kemaluan kamu daripada air kencing, kerana kebanyakan azab kubur berpunca daripadanya."

Hadis ini disokong dengan kenyataan bahawa jika seseorang itu menyangka atau merasa yakin bahawa mengikut kebiasaannya, jika dia tidak beristibra' nescaya akan keluar sesuatu lagi daripada kemaluannya, maka wajiblah dia melakukan istibra'.

ISTIBRA'

الْإِسْبْرَاءُ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 155 Bahagian 1

berhenti keluar, maka tidak sah wuduknya tanpa beristibra'. Ini berdasarkan kepada kata sepakat para ulama dalam menentukan bahawa suatu hukum itu boleh dibina berdasarkan sangkaan kuat.

CARA UNTUK BERISTIBRA'

Istibra' itu dilakukan sama ada untuk membersihkan kotoran daripada dubur atau untuk membersihkan air kencing. Jika dilakukan untuk membersihkan najis daripada dubur, maka memadai dilakukan sekira-kira dia merasakan bahawa tiada ada yang tinggal atau tersisa di tempat keluarnya.

Dengan kemudahan yang ada sekarang 'kertas tandas golong' sebagai alat istinja' boleh membantu mengesan sama ada masih ada najis yang tinggal atau sudah bersih dengan yakin. Cara ini adalah lebih baik, ini disebut oleh Al-Quran bahawa yang tafsirnya:

"Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)." (Surah At-Taubah: 108).

Menurut suatu riwayat yang dinukilkan oleh Imam Muhammad Ar-Razi di dalam tafsirnya 'Al-Fakhrul Ar-Razi', Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam suatu masa pernah berjalan bersama orang-orang Muhajirin sehingga Baginda berhenti di pintu Masjid Quba', lalu Baginda bertanya kepada orang-orang Anshar yang sedang duduk di sana: "Adakah kamu orang-orang yang beriman?" Orang-orang Anshar itu diam tidak menjawab, lalu Baginda mengulang pertanyaan Baginda sekali lagi dan dijawab oleh Omar: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya mereka ini orang-orang yang beriman dan saya bersama mereka." Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun bertanya: "Adakah kamu reda dengan ketentuan Allah (qadha)?" Mereka menjawab: "Ya." Baginda bertanya lagi: "Adakah kamu bersabar jika ditimpa bala?" Mereka menjawab: "Ya." Lalu Baginda bersabda: "Demi Allah, kamu memang orang-orang yang beriman", kemudian Baginda bersabda lagi: "Wahai orang-orang Anshar, sesungguhnya Allah telah memuji kamu, apakah sebenarnya amalan kebersihan yang istimewa yang kamu kerjakan (sehingga mendapat pujian setinggi itu)?" Lalu mereka menjawab: "Kami kalau membersihkan sesudah membuang air besar dan buang air kecil, meskipun telah kami beristinja' dengan batu, selalu kami ikuti membasuhnya dengan air." Lalu Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam membaca ayat di atas. (Tafsir 'Al-Fakhrul Ar-Razi: 8/201).

Adapun jika istibra' itu

dilakukan untuk membersihkan air kencing, sama ada daripada perempuan ataupun lelaki, maka jika perempuan, tidaklah dituntut istibra' kepada mereka menurut pendapat ulama Hanafi, memadai dengan menunggu seketika sebelum mereka beristinja'. Manakala para ulama Syafi'e dan Hanbali mengatakan dituntut istibra' dengan cara menekan ari-ari.

Bagi lelaki pula, istibra' dilakukan dengan apa cara yang terbiasa dibuatnya dengan syarat perbuatannya itu tidak mengeretnya ke arah was-was syaitan atau membawa kepada menyahkannya, kerana di antara adab istibra' itu ialah dengan membuang perasaan was-was daripada dirinya.

Imam Al-Ghazali berkata: "Jangan terlalu banyak berfikir dalam perkara hendak melakukan istibra' sehingga menimbulkan was-was dan menyusahkannya."

Adapun cara untuk seseorang itu menghentikan aliran air kencing daripada zakarnya ialah dengan cara mengurutnya dengan jari-jari tangan kirinya dari pangkal batang zakar hingga ke kepalanya sebanyak tiga kali sehingga tidak tersisa rasa basah di lubang zakarnya. Cara ini boleh

dibuat dengan meletakkan jari tengah tangan kirinya di bawah batang zakar dan meletakkan ibu jarinya di atas batang zakarnya itu, kemudian mengurutnya turun hingga ke kepala zakar, dan disunatkan memicitnya dengan lembut untuk mengeluarkan saki baki air kencingnya itu.

Secara umumnya cara untuk beristibra' itu berbeza-beza mengikut kebiasaan cara yang dilakukan seseorang. Sekalipun begitu, tujuannya adalah sama iaitu untuk menghentikan aliran air kencing. Ada yang melakukannya dengan cara yang mudah, ada pula yang terpaksa membuat berulang-ulang kali untuk menghentikannya, dan ada juga yang melakukannya dengan cara berdehem-dehem. Walaupun begitu, makruh membalut kepala zakar dengan kain atau yang seumpamanya untuk menghentikan air kencing dari keluar. Begitu juga makruh memakan masa yang lama berada di dalam tandas hanya semata-mata untuk tujuan beristibra'. (Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu: 1/194-195).

Bersambung

Doa ibu bapa, suntikan semangat perlu untuk kejayaan pelajar

TUNGKU, 10 Mac. - Ibu bapa diseru sentiasa berdoa kejayaan anak-anak mereka dan memberikan suntikan semangat agar mereka dapat meneruskan usaha gigih meningkatkan lagi keupayaan dan ketekunan dalam pembelajaran di

peringkat universiti khususnya, Program Bioperubatan Sains yang spesifik bakal menjadi seorang doktor.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menyatakan demikian di majlis pembu-

raan Rasmi Orientasi Pelajar-pelajar Baru program 'Bachelor of Biomedical Science' yang berlangsung di Dewan Serbaguna, UBD.

Menurut beliau proram itu adalah program yang teknikal dan mencabar serta

Oleh
Siti Aishah HS

memerlukan pembedaan personaliti yang tersendiri. Para pelajar bukan sahaja dikehendaki bijak dalam akademik malah perlu membentuk sahsiah kepimpinan ketara sebagai bakal doktor perubatan.

Seramai 39 orang mahasiswa/mahasiswi baru diterima mengikuti program berkenaan sesi 2003 bagi pengambilan ke-3 pada tahun ini.

Naib Canselor UBD berharap agar pelajar yang terpilih akan menggunakan peluang kesempatan dengan sebaik-baiknya agar perlaburan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-



SEBAHAGIAN pelajar yang berjaya mengikuti program 'Bachelor of Biomedical Science'. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan pelaburan yang tidak disia-siakan.

Justeru ia akan menjadi pelaburan yang membuahkan hasil yang benar-benar positif dan bermanfaat dalam usaha membangun negara bagi melahirkan banyak tenaga pakar dalam bidang kedokteran dan perubatan bagi negara dan juga pembangunan diri.

Program Bioperubatan Sains adalah program berkembar yang mempunyai

keistimewaan tersendiri yang tidak terdapat dalam program-program yang lain iaitu pelajar adalah kepunyaan UBD untuk tiga semester awal sebelum berpindah ke Universiti Queensland, Australia.

Sebanyak 20 quota disediakan di atas perjanjian di antara UBD bersama Universiti Queensland, Australia yang diberikan bagi pelajar Brunei dalam program berkenaan setiap tahun.

Bilangan pengambilan

2003 pada tahun ini adalah pengambilan yang terbanyak sekali iaitu jumlah sebenarnya adalah lebih 50 orang yang layak ditemu duga dari 80 orang yang memohon.

Sesi mini orientasi tersebut antara lain bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar berkenaan mengikuti sesi taklimat penting mengenai akademik, pentadbiran, hal-ehwal pelajar dan perpustakaan bagi memudahkan mereka mengetahui suasana pembelajaran di UBD.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman semasa berucap di majlis berkenaan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

KESAN PERNIAGAAN ISLAM TERHADAP PEREKONOMIAN BRUNEI

PENGENALAN

DALAM apa pun sistem ekonomi yang diamalkan, sama ada ia sistem kapitalis, sistem perancangan pusat, mahupun sistem ekonomi Islam, pada keseluruhannya aktiviti perniagaan dan perusahaan melibatkan urusan jual beli dan pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

Ini termasuklah semua bentuk perusahaan seperti industri penyediaan perkhidmatan seperti urusan perbankan dan kewangan, penyewaan hartanah, pengendalian pendidikan, kesihatan, guaman, komunikasi dan hiburan akan membabitkan penyertaan orang ramai yang terdiri dari pembeli, penjual, majikan dan pekerja. Dalam konteks yang lebih luas, urusan niaga dan perusahaan juga melibatkan institusi bukan kerajaan dan sektor kerajaan.

Malah perniagaan antara negara juga wujud apabila perniagaan melimpasi sempadan geografi. Biasanya perniagaan antarabangsa melibatkan organisasi perniagaan besar seperti firma multinasional 'franchise' atau 'join-venture'.

Dalam era yang semakin kompetitif dan canggih dengan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi terkini, urusan niaga telah juga banyak berubah. Hal ini jelas dengan melihat kepada corak pengiklanan dan promosi pemasaran serta interaksi yang agresif dan menarik oleh penjual terhadap pengguna melalui alat elektronik dan audio-visual, sungguhpun perniagaan cara tradisi masih diamalkan.

Bagaimanapun prinsip asal, transaksi masih digunakan sebagai perantara pertukaran (medium of exchange/payment) iaitu wang!

Bagi memastikan urusan niaga berjalan lancar dan teratur setiap negara mempersiapkan undang-undang dan peraturan perdagangan agar penjual, pembeli, pengimport, pengeksport, pekerja dan majikan terikat melaksanakan tanggungjawab masing-masing menurut ikat janji yang dibuat. Ikat janji ini boleh dalam pelbagai bentuk, tapi biasanya menggunakan dokumen selain dari kepercayaan yang tersirat di kedua-dua golongan yang terlibat.

Berasaskan kefahaman dari latar belakang ringkas ini nampak bahawa perniagaan adalah salah satu dari aktiviti harian yang dilakukan oleh orang ramai secara disadari atau tidak. Sebahagian besar dari kesan sistem perniagaan yang berkenaan adalah masyarakat yang terdapat dalam sistem itu sendiri.

Bagi tujuan menganalisis dan membincangkan kesan perniagaan yang dihasilkan oleh sistem perdagangan dalam dan luar bagi sesebuah negara sebenarnya tidak mudah untuk diketahui tanpa membuat periklanan terhadap per-

tumbuhan dan perkembangan ekonomi dalam dan beberapa variable ukuran yang menjadi petanda atau indikator pada masa-masa yang tertentu (biasanya satu tahun) bagi negara berkenaan.

Kayu ukur biasa yang menjadi ukuran ialah periklanan konsep perkembangan ekonomi negara misalnya yang dikenali sebagai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). KDNK ini digunakan bagi mengira keseluruhan aktiviti ekonomi yang dibuat menggunakan nilai mata wang oleh semua sektor produktif yang terdiri dari sektor pengguna, pelabur, kerajaan dan perdagangan antarabangsa (import dan eksport). Jika KDNK ini ditambah dengan perbezaan pelaburan masuk dan keluar negara (pendapatan bersih dari luar negara yang mungkin positif atau negatif), akan menjadi Keluaran Nasional Kasar (KNK).

Memahami aktiviti dan merekodkan urusan niaga yang dilakukan oleh pelaku-pelaku ekonomi tersebut tadi, kita boleh mengetahui sejauh mana sumbangan setiap sektor yang mereka wakili terhadap perkembangan ekonomi negara. Hal ini juga sering dikatakan sebagai kesan perniagaan oleh sektor-sektor berkenaan. Dalam hal ini beberapa sektor tertentu yang terdapat di negara ini perlu dikaji secara menyeluruh.

Dengan cara ini, apa jua jenis organisasi yang melaksanakan urusan niaga dalam negara sama ada pengeluaran barangan mahupun perkhidmatan biasanya dikira untuk mengetahui sejauh mana negara berkenaan berjaya meningkatkan ekonominya untuk dibandingkan dengan kedudukan ekonomi sebelumnya ataupun membuat perbandingan dengan negara lain.

Bagi tujuan kertas ini penumpuan akan tertumpu kepada aktiviti ekonomi negara yang bukan sahaja membabitkan sektor produktif yang banyak pertalian atau 'linkages' dengan sektor perekonomian yang

lain, tapi juga sektor yang menyumbang secara berkesan kepada perkembangan sosial dan politik negara.

Sebagai contoh pertalian industri misalnya, periklanan akan melibatkan penggunaan beberapa bahan mentah tempatan seperti minyak dan gas, kayu balak dan lain-lain. Linkages atau pertaliannya akan lebih banyak jika sebahagian dari input yang diperlukan didatangkan dari luar negara.

Dalam hal ini perusahaan itu akan berkecenderungan syarikat perkapalan untuk mendatangkan bahan mentah atau input berkenaan dari tempat asalnya ke tempat yang memerlukan. Transport barangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, terutamanya jika dalam jarak yang jauh dan masa yang lama berhadapan dengan risiko. Ini mengendaki perlindungan insurans dan pembayaran pula akan melibatkan perkhidmatan bank atau syarikat kewangan negara dan antarabangsa.

Semua ini bergantung kepada persetujuan pihak yang biasa dikenal sebagai pengimport dan pengeksport. Faktor dan perkara yang disebutkan tadi adalah di antara aktiviti ekonomi yang mendapat manfaat akibat dari wujudnya sesuatu sistem perdagangan yang telah dan masih berjalan hingga ke hari ini.

Persoalan pokok yang hendak ditimbulkan dalam aspek ini ialah perniagaan Islam yang mempunyai ciri dan sifat-sifat tertentu yang menurut hukum Islam dan tidak sekali-kali bercanggah dengan ajaran-nya.

Perlu diambil maklum bahawa sungguhpun sistem perdagangan yang mengikut apa pun sistem tidak nampak berbeza. Beberapa perkara yang mesti diperhatikan ialah dari segi konsep dan pelaksanaannya. Begitu juga pentingnya membezakan perniagaan Islam dengan perniagaan Islam. Kedua-duanya tidak sama sekalipun kita beranggapan bahawa perniagaan Islam akan melakukan per-

KERTAS kerja ini dibentangkan dalam 'International Seminar On Islamic Business In The Era of Globalisation' anjuran bersama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam dan ditaja oleh Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) pada 18 hingga 20 Jun 2002.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Dureman.

niagaan menurut ajaran Islam.

Bagi memudahkan analisis dan perbincangan, kertas ini akan cuba melihat kesan perniagaan Islam dari aspek sektoral dan menggunakan beberapa konsep yang kita jelaskan, bagi memudahkan kefahaman bagaimana perkembangan sektor berkenaan menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara, kemudian melihat pada sudut mikronya iaitu perkembangan modal keutungan dan sektor pekerjaan. Prospek dan cabaran yang harus dihadapi juga akan disentuh sebelum membuat kesimpulan. Persoalan yang hendak diberikan penumpuan ialah apakah kesan pelaksanaan perniagaan menurut Islam memberikan sumbangan positif atau sebaliknya terhadap ekonomi negara? Kesan juga boleh dinilai dari segi aspek kualitatif yang tidak dapat diukur kerana bentuknya yang tidak dapat dinilai dengan angka atau mata kasar tapi dirasakan dan dinikmati (ordinal bukan cardinal).

Sebelum isu ini dapat digarap dengan terperinci, perlu kita membuat penilaian umum dan pengertian terhadap apa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai perniagaan Islam, kemudian kita akan lihat sektor mana yang pada kaca mata Islam benar-benar melaksanakan unsur-unsur Islam.

Secara makro kita sendiri akan dapat menilai sejauh mana sektor berkenaan menyumbang terhadap perkembangan ekonomi negara. Kita mungkin dapat membandingkan sektor berkenaan dengan sektor lain yang belum atau tidak melaksanakan perniagaan menurut Islam. Untuk itu, bagi membolehkan kita memfokus skop perbincangan tajuk yang diberikan, kita mulai dengan menjawab persoalan di bawah.

APAKAH DIA PERNIAGAAN ISLAM?

Soalan ini sukar dijawab kecuali oleh mereka yang arif dalam bidang muamalah dan pengetahuan mendalam dalam pengajian Islam. Walau ba-

gaimanapun bagi tujuan kertas ini persoalan ini hanya akan memberikan panduan umum mengenai beberapa sifat perniagaan menurut pandangan Islam.

Islam adalah agama yang lengkap dan menjadikan perniagaan sebagai salah satu aktiviti keperluan dalam kehidupan seharian, sebab itu wujud sistem muamalah yang digariskan dalam Islam.

Di samping aspek muamalah memang terdapat bidang lain seperti ibadah dan akhlak yang merupakan sebahagian dari nilai dan ciri melengkapinya bagaimana perniagaan Islam seharusnya dilaksanakan. Ringkasnya, bermuamalah dalam Islam ingin membentuk sosioekonomi masyarakat yang berasaskan keadilan dan menjadikan sebagai alat bagi mencapai objektif iaitu keredaan Allah Subhanahu Wataala jua.

Jadi ia menjadi ibadat dan fardu kifayah bagi sesebuah negara mewujudkan sistem perekonomian yang menggalakkan umatnya berniaga, mengendalikan perusahaan sumber alam yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala untuk dimanfaatkan bagi tujuan kemakmuran ummah. Perusahaan dan perniagaan itu pula hendaklah ditadbirkan menurut prinsip-prinsip yang digariskan dalam ajaran Islam agar tidak berlaku keingkaran, tamak haloba atas kekayaan harta yang diamanahkan. Sebaliknya berlaku adil, saksama dan lebih utama lagi sentiasa bersikap takwa.

Keduanya Islam sangat menggalakkan dan menyuruh umatnya menggunakan kekayaan sumber alam untuk tujuan pembangunan, bukan sahaja dari segi pembangunan yang boleh membina kehidupan yang selesa (fizikal) tapi yang lebih penting lagi ialah pembangunan manusia itu sendiri. Arah tuju pembangunan tersebut memandu manusia ke jalan yang lurus dan benar, tidak mementingkan diri sendiri, tidak menjadi penipu dan melupakan pencipta iaitu Allah Subhanahu Wataala,

pemilik mutlak harta sebenar.

Oleh sebab itu manamana jua bentuk perniagaan yang bercanggah dan tidak menurut prinsip yang mendasari pelaksanaan perniagaan Islam dikira tidak tergolong dalam sistem ekonomi Islam.

Di antara prinsip yang mendasari perniagaan Islam:

- * Harta kekayaan hak milik mutlak Allah Subhanahu Wataala. Kita sebagai peminjam yang diamanahkan untuk menadbir;

- * Menurut undang-undang syariah yang dicabut dari Al-Quran dan Al-Hadis (Syariah) menentukan undang-undang dan peraturan yang berhubung kait dengan pengalihan sumber alam, hak terhadap harta kekayaan, pengeluaran dan penggunaan serta pengalihan pendapatan dan harta kekayaan;

- * Allah membenarkan jual beli dan mengharamkan riba, gharar dan maysir;

- * Beriman dan percaya kepada qadq dan qadar (buruk dan baik datang dari Allah Subhanahu Wataala). Ini tidak bermakna segalanya diserahkan kepada takdir tanpa membuat sebarang usaha.

Soalan seterusnya yang mesti ditimbulkan ialah apakah Brunei mengamalkan sistem perniagaan yang di dalamnya terdapat unsur-unsur atau sifat-sifat yang dijelaskan di atas tadi. Dalam hubungan ini senario sejarah perniagaan di Brunei sebaiknya diimbangi sepintas lalu bagi membolehkan kita menghulurkan perniagaan Islam dengan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

PERNIAGAAN DI BRUNEI SEPINTAS LALU

Dari perspektif sejarah, perniagaan Islam berbangsa Arab telah mengembara ke merata tempat membawa barang perniagaan di samping menyebarkan agama Islam. Pedagang Arab telah berhasil membawa Islam ke alam Melayu dan ke China.

Pekerjaan berniaga ini juga wujud di kalangan orang Melayu Brunei seperti apa yang diistilahkan sebagai pengalu, padian dan nakhoda di peringkat yang lebih besar (Haji Abd. Latif). Begitu juga perusahaan membuat barang perhiasan seperti bertenun, bertekang emas, besi dan tembaga adalah sebahagian dari perusahaan dikendalikan oleh keluarga dalam sesebuah kampung tertentu.

Seterusnya perusahaan menangkap ikan yang dilancarkan kepada proses pengeluaran ikan kering dan produk yang lain seperti membuat belacan, jeruk dan makanan sudah merupakan sebahagian dari mata pencarian, malah menjadi darah daging mereka yang terlibat dalam pekerjaan ini.

Perdagangan yang diamalkan oleh orang Brunei dahulu yang mudah dan tidak memerlukan kaedah yang kompleks adalah di antara beberapa contoh bentuk dan jenis perniagaan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Bagaimanapun apabila suasana berubah, bentuk dan corak urusan niaga juga turut berubah bagi menyesuaikan dengan peredaran masa dan penemuan-penemuan baru dalam aspek perniagaan.

Konsep kepercayaan dalam mematuhi janji-janji mengenai urusan pertukaran membolehkan orang darat dengan pengalu mewujudkan perniagaan, sementara padian berfungsi sebagai 'market outlet' sebelum wujudnya konsep 'pasar tamu' dalam tahun 60-an. Bentuk perdagangan in kebanyakannya dikendalikan oleh orang Brunei beragama Islam sebelum konsep orang tengah atau middlemen wujud. Kehadiran 'middlemen' telah banyak merubah suasana perdagangan berasaskan 'trust' dan saling memerlukan tadi. Kewujudan orang tengah membawa kesan terhadap peningkatan harga dan pembahagian untung yang selalu tidak

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

ISI MASA DENGAN KERJA-KERJA AMAL

MEMANG sudah menjadi kelaziman bagi setiap pelajar bahawa cuti persekolahan sangat ditunggu kerana di musim cuti persekolahan segala perancangan aktiviti sudah dirancang untuk dilaksanakan.

Cuti persekolahan sering dikaitkan dengan aktiviti sosial umpamanya melawat keluar negara, mengadakan projek perkelahan dan sebagainya. Bagaimanapun pengisian cuti dengan aktiviti yang bermakna dan berguna untuk diri sendiri dan masyarakat adalah yang paling penting.

Cuti persekolahan adalah masa mereka untuk merehatkan diri membuat aktiviti yang sihat dan berguna.

Banyak aktiviti yang berunsur agama, sukan dan sosial, pengalaman dan cabaran, kemasyarakatan dan kebajikan yang dapat dimanfaatkan. Terserah kepada setiap individu untuk memilih haluan mana, aktiviti yang mereka anggap sihat dan efektif.

Konsep cuti bagi pelajar dan penuntut hendaklah tidak boleh disalahertikan dan tidak boleh lari dari konsep pembelajaran kerana sebagai seorang pelajar atau penuntut sama ada di peringkat bawah atau tinggi hendaklah mengambil ingatan bahawa proses pembelajaran itu adalah pembelajaran proses sepanjang hayat.

Di masa cuti sekolah seseorang itu akan mudah merasa jemu, tambahan lagi mereka sentiasa berada di rumah. Cuti dapat dimanfaatkan apabila berada di rumah. Sebenarnya banyak perkara yang perlu dibuat seperti membantu ibu bapa melakukan kerja seharian

seperti membersihkan dan menjaga halaman rumah. Mereka dapat mempelajari tanggungjawab sebagai suri rumah yang sangat menuntut kekentalan semangat dalam mengurus rumah tangga.

Waktu terluang juga boleh dimanfaatkan dengan membaca buku, novel, melakukan aktiviti sukan, dengan yang demikian dapatlah membina dan mewujudkan sikap suka membaca yang sangat membantu dalam proses pembelajaran di sekolah. Ia juga boleh membina minda yang aktif dan luas serta mendevasakan pemikiran. Begitu juga dengan menonton rancangan-rancangan televisyen yang bersesuaian. Ianya boleh memberikan kita gambaran situasi dunia dan pengetahuan perkembangan dunia semasa.

Dari segi keagamaan, seseorang akan dapat menggunakan masa yang terluang dengan menghafal ayat-ayat dan surah-surah melalui Kitab Suci Al-Quran atau Mukaddam iaitu dengan menanamkan sikap 'sehari selembar benang', yang akhirnya menjadi sehelai kain'. Dengan menghadiri kelas-kelas pembelajaran Al-Quran dan kursus pendek mengenai keagamaan seperti belajar sembahyang juga akan mendatangkan manfaat dan kesedaran betapa pentingnya bidang keagamaan jika ianya dapat dimanfaatkan terutama sekali apabila cuti persekolahan ianya diisi dengan amalan yang berkebaikan.

Dari segi sukan dan sosial pula, seseorang itu akan dapat memanfaatkan cuti persekolahan dengan melibatkan diri dengan aktiviti sukan seperti bersukan, berjoging, bersenam dan aerobik, bermain bola

sepak dan sebagainya. Dengan ini dapatlah sekiranya membina tubuh badan dan otot yang cergas serta kuat. Bagi mereka yang menggemari aktiviti lasak seperti menjelajahi hutan dan menyusuri sungai, mendaki bukit adalah di antara beberapa aktiviti yang boleh memberikan pengalaman dan cabaran.

Antara perlakuan yang ketara dewasa ini yang mungkin ada kaitan dengan pengaruh negatif teknologi maklumat ialah perbuatan 'lepak' di kalangan para pelajar sekolah terutama sekali di musim cuti persekolahan. Perbuatan seperti ini jika tidak dikawal dan dibendung, besar kemungkinan akan menjadi punca dan menjurus kepada perbuatan yang lebih merugikan malah merosakkan bukan sahaja kepada individu itu sendiri malah terhadap keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Adalah lebih menguntungkan jika para remaja yang terlibat dalam pengaruh atau budaya 'melepek' ini agar dapat menggunakan masa yang terluang itu dengan melakukan aktiviti atau kegiatan-kegiatan yang bermanfaat seperti membaca, bersukan, menyertai kegiatan persatuan, melibatkan diri dengan badan-badan sukarela beruniform yang sering melakukan kerja-kerja amal dan kebajikan atau paling ringan atau berganda pahala apabila dimanfaatkan dengan membantu ibu bapa dalam pelbagai aspek yang menguntungkan, yang setentunya dapatlah kiranya menyemai kasih sayang dalam keharmonian hidup berkeluarga.

Cuti persekolahan ini juga boleh diisi dengan aktiviti sosial seperti menjalan-

kan projek perkelahan atau mengadakan perhemahan di luar daerah. Aktiviti seperti ini boleh membantu serta membina semangat kerjasama dan bantu-membantu. Ada hubung kaitnya dengan pembelajaran sivik di sekolah yang mana mungkin juga menimbulkan penilaian jati diri yang tinggi.

Jika kita lihat dewasa ini, ramai pelajar atau penaja yang hanya memikirkan cuti sebagai satu jalan keluar bagi bersantai dan lepas dari tanggungjawab untuk belajar, malah ada juga yang berpendapat bahawa cuti sebagai melepas penat lelah setelah belajar.

Perlu diingat juga bahawa negara amat memerlukan pelajar yang cemerlang dalam bidang pembelajaran. Salah satu cara bagi mencapai tingkatan yang cemerlang dalam pembelajaran ialah dengan bijak dalam mengurus waktu dan mengisi yang terluang sebaik mungkin ke arah yang bermanfaat. Memang ramai yang menyedari akan hakikat ini akan tetapi sengaja atau tidak mahu berbuat sesuatu mengenainya.

Masanya juga sudah tiba bagi kita untuk terus memandangkan lebih jauh ke hadapan misi dan visi pihak yang tertentu bagi melahirkan para cendekiawan yang bakal menaungi tanggungjawab dalam mentadbir negara kita. Oleh itu manfaatkanlah cuti persekolahan dengan aktiviti yang sihat dan berguna agar masa tidak akan terbuang, malah akan mendatangkan hasil, faedah, manfaat dan keuntungan bersama.

Haziqah Fakhriyah binti Mohd. Daud,
No. 36 'B', Kampong Tamoi Tengah,
BJ 2112.
No. k/p : 00-239588

Sertai aktiviti belia masjid, pertubuhan beruniform

CUTI penggal persekolahan merupakan masa yang sangat dinantikan oleh para pelajar. Ia merupakan masa untuk merihatkan otak dan tubuh badan setelah penat belajar di sekolah. Tiba sahaja musim cuti persekolahan nampaklah kegembiraan pada wajah pelajar terutamanya kanak-kanak. Walau bagaimanapun, cuti persekolahan haruslah diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah supaya cuti persekolahan tidak membosankan.

Banyak perkara yang boleh dilakukan sewaktu cuti persekolahan. Salah satunya para pelajar boleh mengikuti program yang telah dibuat oleh ko-kurikulum sekolah seperti mana aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh pertubuhan beruniform seperti pengakap. Selain itu para pelajar yang beragama Islam boleh juga mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti Program Belia Masjid. Biasanya Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengadakan aktiviti seperti qiamulail, membersihkan masjid dan pelbagai aktiviti-aktiviti yang bersangkutan paut dengan masjid dan agama Islam. Dengan mengikuti Program Belia Masjid para pelajar akan dapat menghayati agama Islam dengan mendalam.

Selain daripada itu, cuti persekolahan juga boleh diisi dengan membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah. Dengan itu para pelajar akan dapat merihangkan beban kerja ibu bapa di rumah, di samping itu cuti persekolahan juga boleh diisi dengan membuat lawatan bersama keluarga di tempat yang bersesuaian. Dengan adanya percutian bersama keluarga boleh mengeratkan hubungan sesama keluarga di samping menenangkan dan merehatkan fikiran. Para pelajar juga boleh pergi melawat saudara mara yang tidak dapat dilakukan sewaktu musim persekolahan.

Di samping para pelajar mengisi musim cuti persekolahan dengan aktiviti luar, mereka jangan lupa dengan pelajaran. Sewaktu cuti persekolahanlah para pelajar boleh mengulang kaji mata pelajaran yang dipelajari. Dengan membuat ulang kaji pelajaran dan membuat kerja rumah yang diberi oleh guru dapatlah membantu para pelajar supaya tidak lupa apa yang telah dipelajari di sekolah di

samping boleh menanamkan ilmu dan daya ingatan.

Sebagai kesimpulannya, sewaktu cuti penggal persekolahan para pelajar haruslah mengisi cuti itu dengan membuat perkara-perkara yang berfaedah dan bermanfaat. Para pelajar janganlah menyalahgunakan cuti persekolahan dengan membuat aktiviti yang kurang baik seperti lepak dan membuat kerja yang boleh melanggar undang-undang agama dan negara. Dengan membuat aktiviti yang berfaedah sewaktu cuti persekolahan, ia akan dapat memberi manfaat kepada diri pelajar dan boleh menghindar diri pelajar daripada melakukan perkara yang kurang baik. Oleh itu para pelajar haruslah mengisi musim cuti persekolahan dengan membuat perkara-perkara yang bermanfaat.

Suhaibul bin Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampong Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-200150.

MANFAATKAN CUTI SEKOLAH DENGAN LAWATAN, AKTIVITI SUKAN

PELAJAR adalah aset negara bagi pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan memajukan negara mengikut landasan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Pelajar mempunyai kaitan dengan sekolah, di mana alam persekolahan amat penting bagi generasi baru untuk mengetahui dan mempelajari kebaikan dan keburukan yang akan mereka hadapi.

Setiap sekolah mempunyai cuti persekolahan yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan bagi menetapkan tarikh penggal-penggal percutian pelajar, dari situlah pelajar dapat memanfaatkan peluang yang ada bagi mengisi masa cuti dengan perkara-perkara yang lebih positif dan membina fizikal dan mental.

Cuti persekolahan boleh diisi dengan bersukan, melawat tempat-tempat yang belum pernah dilawati atau belajar secara berkumpulan. Bersukan yang dimaksudkan di sini ialah seperti berjoging, berenang, berbasikal ataupun menerokai hutan-hutan simpan yang segar dan bersih.

Cara ini bukan sahaja dapat menyihatkan anggota badan ianya juga dapat

mengisi masa yang terluang. Sikap yang sebeginilah patut diamalkan oleh setiap individu seperti pelajar yang ingin mengisi cuti penggal mereka dengan mengikuti pelbagai aktiviti yang telah diunggakahkan oleh pelbagai pihak.

Lawatan juga perlu bagi pelajar yang sedang bercuti. Lawatan atau kunjungan ke tempat-tempat menarik adalah lebih berkesan bagi mereka untuk mengetahui apa yang terdapat di sesebuah tempat tersebut. Ini akan menambah lagi pengetahuan dan pengalaman mereka. Bukan saja pelajar mengetahui sesuatu melalui persekolahan bahkan juga boleh dipelajari melalui lawatan yang diisi di sepanjang cuti persekolahan.

Masa cuti persekolahan boleh juga diisi dengan belajar secara berkumpulan sesama pelajar atau saudara mara, sama ada di rumah mahupun di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang terletak di Bandar Seri Begawan. Ulang kaji seperti ini dapat membantu mereka meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang berkesan, di samping dapat mengeratkan tali persaudaraan sesama pelajar. Pertukaran pendapat juga boleh

didapati semasa belajar secara berkumpulan. Oleh itu masa mereka penuh terisi dengan perkara-perkara yang berfaedah lagi mendatangkan manfaat yang mana akan mereka perlukan semasa sekolah dibuka kelak.

Apabila para pelajar mengisi masa cuti penggal persekolahan, setiap percutian itu akan mereka rasakan amat singkat. Cukuplah dengan bersukan, membuat lawatan atau belajar secara berkumpulan dapat mengisi masa para pelajar daripada terjebak di dalam penyakit alam remaja pada masa kini seperti melepek, merayau-rayau hingga larut malam sehinggalah ada yang mengambil pil-pil khayal yang boleh merosakkan diri mereka. Itu semua adalah perkara-perkara yang merugikan. Oleh itu hargailah masa cuti penggal persekolahan dengan bijak dan beroleh kemanfaatan.

Siti Zaleha binti Abdul Latif,
No. 46, Simpang 88, Jalan Lebuhraya Sungai Kedayan, Kampong Kiulap,
BE 1518.
No. k/p : 00-274843.

MINDA
pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bagaimana Para Pelajar Memanfaatkan Cuti Penggal Persekolahan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bagaimana Para Pelajar Memanfaatkan Cuti Penggal Persekolahan'. Tarikh tutup 22 Mac 2003.
2. 'Sikap Bertanggungjawab dan Telus Penting Dalam Kerja Berpasukan'. Tarikh tutup 29 Mac 2003.
3. 'Kebersihan Persekitaran Tanggungjawab Kita'. Tarikh tutup 5 April 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

REMAJA

UNTUK melahirkan generasi perdagangan, usahawan dan 'business minded' merupakan langkah yang semakin mendapat tempat dewasa ini. Perkembangan ini amat ketara dengan adanya penglibatan secara langsung kalangan generasi belia remaja yang secara aktif terlibat dalam bidang ini. Ini berlaku sama ada terlibat dengan perusahaan milik keluarga ataupun suatu usaha sama yang dipelopori bersama kawan-kawan.

Meskipun bidang ini adalah bidang yang berisiko tinggi akan tetapi dalam arus perkembangan negara masa kini, bukanlah merupakan penghalang bagi generasi belia remaja kita untuk meneruskan penglibatan mereka secara aktif di bidang ini.

Kemudahan membuat pengajian di bidang ini di institusi pengajian tinggi di negara kita dan sebarang lautan menambahkan lagi kemudahan untuk di jadikan bekalan ilmu dalam menerokai dunia perdagangan dan perusahaan yang sangat luas ini.

Sesuai dengan perkembangan masa kini, konsep dan cara berusaha berniaga yang semakin inovatif sekali gus akan melahirkan generasi 'entrepreneurship' yang 'versatile' dan berkualiti tinggi.

Adalah penting bagi

kita melahirkan generasi belia remaja yang mempunyai latar belakang dan juga kemahiran dalam bidang 'entrepreneurship' ini.

Sebagai sebuah negara yang semakin berkembang maju, pergolakan bidang kerjaya juga turut berubah menurut kehendak masa dan era yang dilalui.

Jika kita kembali menoleh ke belakang 10 atau 20 tahun yang lampau, jarang benar kita dapat melihat generasi belia remaja kita terlibat secara langsung dalam bidang urusan niaga dan usahawan ini kalau bukan dari golongan keluarga dan suasana dalam yang memang dunianya adalah lingkungan ini. Kalaupun ada ia bukan dari kalangan kita, ianya adalah dari kalangan bangsa asing yang bermas-

Melahirkan generasi belia remaja yang 'entrepreneurship'

tautin di negara kita.

Untuk kita menyahut perubahan dan pergolakan kemajuan yang ada, peranan dan keberanian generasi belia remaja untuk menceburi bidang ini, memang suatu yang amat digalakkan. Mereka adalah menjadi pewaris yang akan mencorakkan cara dan hala tuju kehidupan sama ada berkonsepkan 'self reliance' atau 'dependence'.

Justeru untuk kita melahirkan generasi yang inovatif, kreatif dan berdaya saing, generasi belia remaja perlu membekalkan diri mereka dengan bidang keilmuan keusahawanan dan perniagaan yang berkualiti tinggi.

Cara pemikiran agar penglibatan dalam bidang ini tidak akan bersifat 'segmental' akan tetapi lebih kepada 'universal'.

Melihat kepada kejayaan anak-anak tempatan kita sebagai generasi 'young entrepreneurs', jelas membuktikan bahawa belia remaja kita juga merupakan generasi yang mampu bersaing meskipun sifatnya di dalam negara, peringkat antarabangsa dan serantau.

Pengiktirafan mereka di peringkat antarabangsa jelas membuktikan bahawa bidang ini harus dilalui oleh generasi belia kita sebagai salah satu dari cabaran kemahiran dan penguasaan yang berkembang pesat dan maju.

Barangkali tidak keterlaluan jika kita katakan generasi belia remaja lepasan universiti yang mempunyai kelayakan di bidang urusan niaga perlu bergabung menyatukan fikiran dan tenaga untuk mewujudkan

Oleh H.A. MANAP

gagasan yang boleh melahirkan generasi peniaga dan pengusaha yang berkaliber.

Penyatuan tenaga, kemahiran, kelayakan dan keilmuan yang dimiliki mungkin boleh menceburi idea-idea baru dan penemuan bidang urusan niaga yang lebih proaktif dan inovatif.

Asas-asas awal kalau kita perhatikan memang sudah banyak yang terbentuk cuma cara dan kaedah yang bersesuaian perlu diwujudkan untuk menjadikannya sebagai bidang urusan niaga yang berdaya saing dan berkualiti antarabangsa.

Cuba kita perhatikan

sudah sekian lama kita berjaya menghasilkan belia remaja yang mahir bertukang perak dan tembaga, bertenun kain dan melorek yang dihasilkan oleh Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, sudah banyak juga yang dihasilkan dari Pusat Latihan Teknikal, maktab kejuruteraan, maktab teknik, Pusat Pembangunan Belia.

Sedikit waktu dulu kita juga melahirkan peladang muda yang berjaya mengusahakan ladang yang luas dan ternakan ayam pedaging dan telur yang dapat membantu keperluan sekurang-kurangnya keperluan tempatan.

Ada yang sehingga sekarang masih bergiat aktif dalam bidang masing-masing cuma pada tahap yang tidak begitu besar dan tidak sebagai industri pengeluaran.

Menilai dari kemampuan ini tentu kita mempunyai asas yang kukuh untuk menyatakan generasi belia remaja mampu diasuh dan dilahirkan sebagai kalangan ahli perniagaan dan perusahaan yang berjaya. Soalnya kemahiran dan keilmuan di bidang inilah yang perlu diterokai untuk dijadikan sebagai modal awal sebelum bergerak dan melangkah ke dunia yang serba mencabar dengan modal kewangan yang mengikut ukuran dan kapasiti bidang yang akan dikendalikan.

Terpulanglah kepada generasi belia remaja kita sama ada mahu menyahut cabaran atau cuma berpuas hati dengan apa yang ada atau masih mencari ruang untuk memulakan pekerjaan. 'Kalau tidak dipecahkan royong masakan kita dapat sagunya'.

KESAN PERNIAGAAN ISLAM TERHADAP PEREKONOMIAN BRUNEI

Dari muka 5

menyebelahi pengeluaran awal, malah menambahkan bebanan kepada pembeli terakhir.

Konsep perdagangan orang Melayu Brunei juga boleh dilihat dalam kehidupan 'bekarib' yang melibatkan nelayan iaitu menangkap ikan menggunakan peralatan tradisi seperti pukat, balat, rawai, kilong, selambau dan sebagainya. Mereka yang di darat pula berjuang sebagai petani di ladang dan di sawah padi.

Semua contoh perusahaan dan perniagaan yang menggunakan tulang empat kerat ini adalah sebagai usaha mencari rezeki menyara keluarga yang dianjurkan Islam, jauh sekali bertentangan dengan ajarannya. Malah orang Brunei dahulu amat taat dengan suruhan Islam, di samping menghasilkan kehidupan yang harmoni dan menyerahkan kehidupan mereka ke hadrat Ilahi.

Keadaan kehidupan ini tentulah berubah apabila Brunei menemui sumber ekonomi yang lebih baik dan dapat membina infrastruktur dan pentadbiran yang lebih baik dan moden. Terutamanya apabila syarikat minyak mula beroperasi dan mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara.

Apabila konsep industri iaitu pengeluaran secara pengkhususan dan besar-besaran diperkenalkan dan pelabur asing mula mengusahakan perniagaan dan perusahaan yang besar seperti estet getah, lombong, arang batu, kulit kayu dan sebagainya menghendaki modal yang besar.

Konsep bekerja menggunakan majikan dan pengurusan juga mula dikenalkan dan seterusnya eksport menjadi sebahagian dari aktiviti ekonomi. Perkembangan ini menggambarkan bahawa seiring dengan peningkatan kemajuan dan kemampuan ekonomi bagi bergerak terus, sistem perniagaan tradisi mula diambil alih oleh sistem yang menggunakan pengkhususan di mana kehadiran sistem pembayaran yang menggunakan wang dan cek diguna pakai melalui institusi kewangan dan bank sebagai institusi memberikan pinjaman.

Semenjak itu bermulalah sistem menggunakan riba dari bank yang ada bagi memperoleh modal melalui skim pinjaman. Malangnya kebanyakan sumber pemberi pinjaman dikuasai oleh institusi bank riba maka wujudlah sebuah budaya pinjaman-meminjam menggunakan sistem riba. Hal ini berlaku kerana pilihan agak terhad bagi peniaga atau pengusaha ingin mengembangkan perusahaan dan perniagaan mereka. Hal ini juga mungkin

disebabkan pada ketika itu sistem kewangan di Brunei ditadbir oleh pegawai bukan Islam yang setentunya menerapkan sistem kewangan Barat di negara ini.

Manakala pengusaha dan peniaga bukan Islam, menerima sistem tersebut tanpa masalah. Sistem ekonomi Islam pula hanya mendapat perhatian dalam tahun 70-an apabila beberapa cendekiawan Islam mula menyedari bahawa Islam sebenarnya dalam memberikan alternatif kepada sistem yang terpakai.

Alhamdulillah, Brunei telah mengambil langkah yang wajar apabila menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap iaitu meliputi keperluan seharian dan berurusan termasuk dalam perniagaan dan pentadbiran.

PERANAN DAN DASAR KERAJAAN MENANGANI PEMBANGUNAN EKONOMI

Di negara ini, Islam tidak hanya dijadikan sebagai agama pada nama. Pemerintah bersungguh-sungguh menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap. Perkara ini mendapat landasan yang kuat dan kukuh dari sudut perlembagaan, pemasyhuran dan falsafah negara.

Lebih jelas lagi, komitmen pemerintah selaku ketua negara. Dengan kemampuan dan kemudahan yang diwujudkan, kerajaan telah pun berusaha melaksanakan beberapa inisiatif untuk menjadikan negara ini sebagai negara yang benar-benar menjadikan Islam sebagai dasar dalam pembangunan yang objektifnya untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di dalamnya.

Selain menyediakan kemudahan dan infrastruktur, kerajaan berfungsi sebagai 'custodian' generasi yang akan datang dengan membuat dasar bijaksana melalui sistem pendidikan yang sentiasa mengambil kira kepentingan Islam. Ini pula disokong dan didukung oleh pengagihan peruntukan bagi setiap sektor pembangunan sumber tenaga manusia seperti yang digariskan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Pengagihan peruntukan projek kemajuan memberi petunjuk penekanan dan keutamaan pemerintah terhadap kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Walau bagaimanapun, kertas ini tidaklah berhaat untuk membincangkan perkara ini secara terperinci kerana di luar skop perbincangan, memadai setakat menyenaraikan beberapa dasar kerajaan yang relevan menjadikan Islam sebagai garis panduan dalam urusan pembangunan.

Apa yang telah dilaksanakan ialah setiap projek pembangunan hendaklah sejajar dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Mana-mana amalan atau perlakuan yang teramat tapi menyalaikan identiti bangsa tanpa mengeneipkan perubahan semasa yang membantu ke arah pencapaian wawasan dan objektif negara.

Berikut adalah di antara dasar-dasar yang dilaksanakan. Dasar menyelaras dan memperkenankan pembangunan baru yang sejajar dengan kehendak Islam dibuat secara serentak. Ini adalah hala tuju pembangunan iaitu membangunkan manusia menurut calak Brunei dengan mengukuhkan identiti bangsa tanpa mengeneipkan perubahan semasa yang membantu ke arah pencapaian wawasan dan objektif negara.

Berikut adalah di antara beberapa dasar yang dilaksanakan dan sejauh ini mendapat sokongan dan pengiktirafan sebagai dasar yang memperkukuh ajaran Islam.

- * Pengharaman pengimportan dan penjualan arak;
- * Mengharamkan kelab perjudian;
- * Mengharamkan kelab hiburan yang bercanggah dengan ajaran Islam;
- * Memastikan penyembelihan binatang menurut hukum syarak;
- * Mengeluarkan permit halal haram untuk import binatang yang disembelih;
- * Mengarahkan kedai dan 'supermarket' menyediakan ruang berasingan untuk makanan bukan orang Islam;
- * Menubuhkan institusi kewangan Islam;
- * Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di musim bulan Ramadan dan apa jua usaha yang dilaksanakan bagi memastikan pembangunan negara berasaskan Islam.

SISTEM EKONOMI SEJAJAR DENGAN PRINSIP ISLAM

Negara Brunei Darussalam mengamalkan sistem ekonomi campuran di mana sektor swasta dan kerajaan menyediakan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh orang ramai.

Dalam sistem ekonomi ini, kerajaan hanya mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang merupakan barangan awam iaitu barangan yang amat diperlukan oleh setiap orang seharian. Kerajaan yang berfungsi sebagai institusi yang memegang

amanah untuk mewujudkan suasana aman, sejahtera dan makmur akan menentukan dasar yang boleh dibuat dan mana yang tidak boleh dibuat. Misalnya, kerajaan akan mengeluarkan barangan yang difikirkannya penting untuk kepentingan orang ramai seperti elektrik, air dan jalan raya.

Begitu juga jika sesuatu barangan yang difikirkan mendatangkan kemudatan kepada umum, misalnya bercanggah dengan ajaran Islam seperti arak, judi dan dadah diharamkan. Kategori barangan diharamkan pengeluarannya dibuat melalui tegahan undang-undang.

Sektor swasta pula yang sebahagian besarnya, terdiri dari sektor perniagaan dan perusahaan diberikan kebebasan untuk menentukan barangan keluaran yang mendatangkan kemanfaatan dan mendapat permintaan oleh pengguna. Tidak kira sama ada barangan berkenaan dikeluarkan secara tempatan mahupun didatangkan dari negara luar melalui import.

Ada kalanya kedua sektor kerajaan dan swasta mengeluarkan perkhidmatan seperti pendidikan melalui sekolah, kesihatan melalui klinik dan hospital. Pada akhir-akhir ini kita melihat lebih banyak produk yang berasaskan teknologi dan telekomunikasi ditawarkan oleh kedua-dua pihak, kerajaan dan swasta.

Tugas dan tanggungjawab pihak kerajaan yang lain ialah memastikan barangan yang diimport kesemuanya mengikut peraturan dan prosedur agar pengendalian perniagaan menurut undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam akta syarikat dan tatasusila negara. Lebih penting lagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

¹ Konsep wang amat penting dijelaskan kerana definisi yang ada pada masa ini terlalu luas dan boleh mengelirukan. Dalam hal ini, kita hanya menerima wang sebagai alat yang dijadikan pembayaran.

² Penggunaan mata wang sebagai pengukuran aktiviti ekonomi mempunyai kelemahan kerana adanya aktiviti ekonomi yang tidak mudah untuk dinilai dengan mata wang, walaupun aktiviti berkenaan bernilai dan sesuai yang produktif. Misalnya suri rumah tangga yang melaksanakan tugas sebarisan di rumah tapi tidak menerima sebarang bayaran upah atau gaji. Begitu juga aktiviti bercucuk tanam untuk kegunaan sendiri. Kesan dari aktiviti ini tidak mungkin diambil kira dalam periraan KDNK.

³ Panduan dirujuk kepada Al-Quran dan hadis.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi menyampaikan hadiah kepada wakil juara pertandingan. - Gambar oleh Masri Osman.



PARA pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang menjuarai pertandingan bergambar bersama projek mereka. - Gambar oleh Masri Osman.



PARA pegawai kanan Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertahanan Republik Perancis semasa menghadiri mesyuarat berkenaan. - Gambar oleh Harun HR.

Lebih 300 kanak-kanak, remaja disertai peraduan melukis, mewarna

BENGKURONG, 24 Februari. - Lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja menyertai Peraduan Melukis dan Mewarna.

Peraduan yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-19 diadakan di pusat tersebut di Kampung Bengkurong.

Peraduan itu dibahagikan kepada lima kategori menurut peringkat

Oleh Aliddin HM

umur antara empat hingga 15 tahun termasuk kategori khusus untuk kanak-kanak istimewa.

Golongan kanak-kanak istimewa itu seperti rakan mereka yang berkeadaan normal sentiasa menunjukkan kemahuan dan minat yang bersungguh-sungguh dalam pertandingan tersebut.

Kegiatan itu menjadi

contoh yang baik bagi para ibu bapa ke arah mendidik anak-anak mereka untuk mengisi masa terluang dengan aktiviti berfaedah.

Di samping itu ia juga untuk memberi peluang kepada kanak-kanak dalam mengembangkan minda dan kemahiran mereka.

Kegiatan seumpama itu juga mampu menguji bakat mereka yang memiliki kemahiran melukis di samping faedah kepada mereka dari aspek kerohanian dan fizikal.

Persiapkan diri jadi pengeluar tenaga kerja yang berkualiti

Oleh
Abdullah Asgar

dengan negara-negara luar dan bekerjasama bagi kepentingan bersama di samping mengukuhkan 'economic reliance' negara sendiri.

"Saya yakin dengan adanya prasarana dan sistem pendidikan yang cukup baik, kita boleh melahirkan para pelajar yang bukan saja cemerlang di bidang akademik tetapi juga berupaya memberi sumbangan yang berterusan kepada bangsa dan negara dan siapa siaga pula untuk menempuh cabaran di masa hadapan," katanya.

Di samping itu beliau juga menyarankan kepada Pusat Sains, Teknologi dan Persekitaran Rakankongsi (STEP) Kementerian Pen-

didikan supaya akan dapat memperkenalkan lagi lebih banyak kegiatan yang berunsur saintifik, teknologi dan juga persekitaran bagi penglibatan lebih ramai lagi pelajar-pelajar dan masyarakat umum agar menjurus kepada Kecelikan Saintifik dan Teknologi Untuk Semua.

Beliau mengharapkan Pertandingan Robotek akan dijadikan projek tetap STEP untuk terus menarik minat pelajar-pelajar kepada pembelajaran sains pada amnya dan fizik secara khusus.

Pertandingan tahunan itu disertai oleh 22 buah sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan dari seluruh daerah.

Johan dan tempat kedua bagi pertandingan Formula 1 ialah Maktab Sains Paduka Seri Begawan

Sultan, manakala Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam tempat ketiga.

Sementara bagi pertandingan Formula 2 Sekolah Nakhoda Ragam muncul juara dan tempat kedua manakala Sekolah Menengah Sayyidina Omar Al-Khattab di tempat ketiga.

Pertandingan itu dianjurkan oleh STEP dengan rakan kongsi oleh Syarikat Brunei Shell Sendirian Berhad dengan kerjasama Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pertandingan itu diharapkan untuk menyemai minat, kefahaman dan penghargaan para penuntut terhadap robotek mendidik dan melatih mereka mengenai sistem robotek dan fungsi praktikal dan penerapannya.

Mesyuarat bincang kerjasama, pertahanan Brunei, Perancis

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 10 Mac. - Hal-hal kerjasama kelengkapan pertahanan, pengendalian latihan-latihan dan kursus-kursus kententeraan menjadi perbincangan utama di Mesyuarat Ke-4 Jawatankuasa Kejasama Pertahanan Di Antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Perancis.

Di samping itu, latihan saintifik, teknikal dan perkhidmatan bantuan serta hal-hal kepentingan bersama dalam bidang pertahanan di antara kedua-dua negara juga menjadi tumpuan mesyuarat.

Mesyuarat yang diadakan di Empire Hotel and Country Club itu sebagai susulan mesyuarat serupa yang diadakan di Republik Perancis tahun lalu, setelah kedua-dua kerajaan bersetuju menandatangani Perjanjian Kerjasama Dalam Hal-hal Pertahanan dan Kelengkapan Kententeraan pada Februari 1999.

Tahun ini juga beberapa laporan kegiatan-kegiatan kerjasama kedua-dua belah pihak di dalam rangka hubungan kerjasama pertahanan telah didengar dan diperbincangkan.

Kementerian Pertahanan menjadi tuan rumah mesyuarat tersebut yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Dasar dan Pentadbiran), Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanti Kolonel (L) Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, manakala Re-

Kursus tingkatkan kemahiran kesetiausahaan

TUNGKU, 26 Februari. - Persatuan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) telah mengadakan Kursus Setiausaha untuk meningkatkan lagi kemahiran mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) terutama yang terlibat secara langsung sebagai setiausaha yang menerajui badan kelab dan unit dalam PMUBD.

Antara lain motif kursus diselenggarakan adalah bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada mahasiswa dan mahasiswi UBD dalam aspek kerja-kerja kesetiausahaan seperti penyediaan surat, kertas kerja, minit mesyuarat dan laporan yang relevan.

Seramai 42 orang Setiausaha menghadiri kursus itu yang mengambil masa dua jam meng-

gunakan pendekatan dari aspek teori dan praktikal.

Di samping pendedahan secara teori dan praktikal, mereka kursus juga diberikan peluang untuk bersoal jawab bagi meningkatkan lagi kefahaman dan mengemukakan kekeliruan yang dihadapi sepanjang menjadi setiausaha.

Kursus itu disampaikan bersama oleh Setiausaha Agung dan Timbalan Setiausaha Agung PMUBD sesi 2002-2003.

Di samping itu ia juga memberi peluang kepada kanak-kanak dalam mengembangkan minda dan kemahiran mereka.

Kegiatan seumpama itu juga mampu menguji bakat mereka yang memiliki kemahiran melukis di samping memberi faedah kepada mereka dari aspek kerohanian dan fizikal.



SEBAHAGIAN mahasiswa yang menyertai Kursus Setiausaha anjuran PMUBD. - Gambar ihsan PMUBD.

اِعْلَان

فلا تارونہ
BRUNEI

BILANGAN 12

RABU 19 MAC 2003

1424 رابو 16 محرم

PERCUMA



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DI PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan sistem ejaan baru.
2. Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
3. Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat dialu-alukan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.

4. Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya DUA (2) MINGGU sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
5. Mana-mana kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (tertakluk kepada ruangan).
6. Rang iklan hendaklah dalam format atau dihantar kepada: Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
7. No. Telefon: 02 - 383804, 02 - 383941 atau 02 - 380967.
8. No. Faks: 02 - 381004 atau 02 - 380507.
9. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
10. Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

- PENGARAH PENERANGAN



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA

PERMOHONAN CERAH DI BAWAH JANJI TAKLIK

Kepada MOHAMAD BIN HJ HASSAN KP No. 1166205 (Kuning) beralamat No. 19 Jalan 4 Simpang 26, Kampong Perpindahan Lambak Kanan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ADALAH isteri kamu DY NORAINI BTE RABAH KP No. 114179 (Kuning) ada meruntut dalam mahkamah ini mengenai perkara di atas. Maka kamu adalah dikehendaki hadir ke hadapan Mahkamah ini atau dengan peguam yang mewakili kamu (Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam) pada 8 April 2003 jam 9.00 pagi hari Selasa untuk menjawab segala tuntutan ke atas kamu mengambil tahu bahawa sekiranya kamu ingkar menghadapi mahkamah pada hari itu maka tuntutan ini akan dibicarakan dan diputuskan semasa ketidadaan kamu. Bertarikh 25 Februari 2003.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM SUNGAI LIANG DAERAH BELAIT

MUKIM LIANG

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Mukim Liang untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim Liang, Daerah Belait.

Tanggali: C3 EB4 iaitu \$1,990.00 - \$2,620.00 (Menurut Surat Keliling, Jabatan Perdana Menteri bil. 5/1999 Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999).

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM.

- 1) Setiap calon Penghulu Mukim hendaklah:
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubung kait dengannya.
 - d) Berumur tidak kurang 40 tahun dan tidak lebih 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - e) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - f) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan sia-sia yang ditindas boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan berseesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemudikan dan.
 - h) Tidak pernah disyiaharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonannya, melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
 - i) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam selok belok kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat Mukim berkenaan.
 - j) Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak Swasta/Kerajaan dan hendaklah menyertakan

laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

- 2) Setiap pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim adalah dimestikan.
 - a. Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Belait dan ditandatangani oleh seorang pencalon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan, sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonan itu.
 - b. Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan.
 - c. Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.
- 3) Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu dipapir dari segi kelayakan.
- 4) Pencalon dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat atau penduduk tetap yang berumur tidak kurang 18 tahun tarikh pencalonan diadakan.
- 5) Pencalon dan penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk Mukim Liang dan tinggal bermastautin di Mukim tersebut.
- 6) Pencalon dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.
- 7) Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 8) Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu Mukim).

CARA MEMOHON.

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung di Jabatan Daerah Belait pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah disahkan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Belait tidak lewat pada hari Sabtu, 5 April 2003 jam 2.00 petang.

PERADUAN MENCIPTA LOGO & SLOGAN

Untuk :

BIT Council

MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Borang penyertaan boleh didapati dari Sekretariat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di tingkat bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan Atau melalui laman web: www.bit.gov.bn

Hadiah Hadiah Menarik untuk dimenangi

REKABENTUK LOGO

- B\$1,500— Pemenang Pertama
- B\$500— Pemenang Kedua

SLOGAN

- B\$750—Pemenang Pertama
- B\$250— Pemenang Kedua

TARIKH TUTUP : 24hb Mac 2003

Sila hantar penyertaan ke alamat :

Sekretariat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan
Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar BB3910
Negara Brunei Darussalam
(Peraduan Mencipta Logo & Slogan,
Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan)

PEMBATALAN TAWARAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Mengikut iklan Tawaran kementerian yang tersebut di atas iaitu Bilangan Tawaran KPBB/BPP/K/2003/02, bertajuk - DESIGN AND RENOVATION CONSTRUCTION OF BUSINESS SERVICE CENTRE, SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF COMPLETE ICT SYSTEM AND OFFICE EQUIPMENT & FURNITURE AND DEVELOP AND DESIGN OF WEBSITE & B2 START UP KITS CD ROM keluaran Iklan PELITA BRUNEI 12 Mac 2003 di muka surat 3 adalah dengan ini **DIBATALKAN**.

PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

MENCETAK TAQWIM TAHUN MASEHI 2004

1. SYARIKAT-SYARIKAT percetakan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dilewat untuk membuat tawaran kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Negara Brunei Darussalam bagi mencetak taqim (kalender) yang tersebut di atas sehingga pada hari Isnin, 31 Mac 2003 jam 2.00 petang.
2. Berikut adalah butiran mengenai bahan yang hendak diotak.
 - i) Ukuran - 31cm x 43 cm
 - ii) Kertas - Jenis Mat Art 128
 - iii) Warna - 3 Colours
 - iv) Binding - Wire Hole
 - v) Muka Surat (Page) - 13 Pages dan 1 Page Cover Full Colour
 - vi) Banyak - 60,000 Naskhah
3. Syarikat-syarikat percetakan hendaklah menyertakan HARGA TAWARAN dan BILA

IANYA BOLEH DISIAPKAN mulai dari tarikh pesanan rasmi diterima dari Kementerian Hal Ehwah Ugama. Syarikat-syarikat berkenaan hendaklah menyertakan salinan siji pendafatiran masing-masing.

4. Syarikat yang berjaya hendaklah menghantar pembekalannya dalam tempoh berkenaan dengan menyediakan setiap bungkusan mengandungi 25 atau 50 naskhah taqim tersebut.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya terima/ menerima tawaran yang rendah dan difikirkan tidak munasabah.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima/dilayan.
7. Penawaran lanjut, contoh dan borang tawaran boleh dilihat/didapati dari Bahagian Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu pejabat.
8. Tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat yang ditutup dan ditulis dengan perkataan TAWARAN MENCETAK TAQWIM 2004M. Kementerian Hal Ehwah Ugama tanpa membubuh identiti pencetak/ cop. Surat tawaran hendaklah dihantar terus kepada Peta Tawaran, Lembaga Tawaran Negara di alamat berikut: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 7/2002

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD
Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

DAN

HAJI ISMAIL BIN MOHD ZAIN (BYIC NO. 047469) Peng-
hutang Penghakiman/Pemintang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 30 November 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui: Haji Ismail bin Mohd. Zain, No. 4,
Simpang 145-15, Jalan 11, Kampong Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 19 Februari 2002.
Bertarikh: 25 Januari 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 39/2001

IRB FINANCE BERHAD Pemiutang / Pemetisyen

LAWAN

AWANG TAHIR BIN HJ. HAMZAH (BYIC NO. 044636) Penghutang /
Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 27 Februari 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui: Awang Tahir bin Haji Hamzah No.
17, Simpang 148, Kampong Kilas Berbakat, Jalan Tutong, BB 2515,
Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 18 September 2003.
Bertarikh: 27 Februari 2003.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**INSTITUT PENDIDIKAN
SULTAN HASSANAL BOLKIAH
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**KOD 401 - PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN RENDAH (SEPARUH
MASA) BAGI KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2002/2003**

CALON-CALON adalah dipelawa untuk mengikuti program Diploma
Pendidikan Rendah separuh masa yang akan bermula pada 5 Mei 2003.

1. Jenis Program

Program ini adalah program separuh masa khas direka bentuk untuk
memenuhi keperluan guru-guru berpengalaman yang tidak terlatih.
Program ini ditawarkan dalam dua aliran:
a) Aliran Inggeris untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang
bahasa pengantarnya bahasa Inggeris,
b) Aliran Melayu untuk mereka yang mengajar mata pelajaran yang
bahasa pengantarnya bahasa Melayu.

2. Syarat-syarat Kemasukan

Calon-calon hendaklah:
a) memperoleh sekurang-kurangnya lima kepujian (kredit) dalam
peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge peringkat biasa
atau peperiksaan yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebanding de-
ngannya, serta mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun penga-
laman mengajar yang bersesuaian di institusi pendidikan yang berdaft-
ar dengan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge peringkat biasa
hendaklah termasuk Bahasa Melayu bagi aliran Melayu dan Bahasa
Inggeris bagi aliran Inggeris Empat mata pelajaran yang selebihnya
hendaklah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris tertakluk pada
aliran bahasa yang dipohonkan, dalam mata pelajaran yang selaras
dengan kurikulum yang diajarkan di sekolah rendah.

Atau

b) menduduki peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge GCE
peringkat biasa atau peperiksaan yang diiktiraf oleh Kerajaan yang
sebanding dengannya, dengan memperoleh kepujian (kredit) dalam
mata pelajaran Bahasa Melayu jika memohon program aliran Melayu
atau Bahasa Inggeris, jika memohon program aliran Inggeris atau
yang sebanding dengannya; serta mempunyai sekurang-kurangnya
lima tahun pengalaman mengajar yang bersesuaian di institusi pen-
didikan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan, Negara
Brunei Darussalam. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang
telah mengikuti aktiviti-aktiviti perkembangan pengajaran seperti sem-
inar, bengkel atau kursus singkat dalam bidang atau mata pelajaran
yang diajarkan.

3. Pengantaraan

Calon-calon akan dianugerahkan Diploma Pendidikan Rendah jika mere-
ka:

a) mendaftar dan menamatkan kursus tidak kurang daripada 24 bulan
sebagai pelajar di Universiti Brunei Darussalam.
b) mendaftar dan melengkapkan 91 unit pengajian kursus dan lulus
peperiksaan dan penilaian yang ditetapkan untuk program Diploma
Pendidikan Rendah mengikut penentuan Senat Universiti kecuali
pengecualian dibuat oleh Senat Universiti dan telah menjelaskan
bayaran yuran pengajian jika berkenaan.

4. Huralan Ringkas Program

a) Setiap aliran akan menjalani kursus-kursus yang serupa untuk-
meningkatkan taraf pengajaran calon-calon mengikut aliran bahasa
yang dipilih.
b) Kursus-kursus akan dijalankan pada sebelah malam, hujung minggu
dan semasa cuti penggal persekolahan.
c) Calon-calon boleh terus memegang jawatan mereka di sekolah mas-
ing-masing dan sambil itu melengkapkan jumlah unit yang diwa-
jibkan untuk menamatkan kursus dalam jangka masa minimum 24
bulan dan maksimum 48 bulan.
d) Program ini mengandungi enam modul yang setiap satu mengambil
masa empat bulan, contohnya, dari bulan Januari hingga April, Mei
hingga Ogos, dan September hingga Disember.
5. Yuran pengajian bagi program dua tahun ini ialah berjumlah B\$7,800 ter-
masuk bayaran pentadbiran sebanyak B\$300. Yuran pengajian berjumlah
B\$7,800 boleh dibayar secara beransur-ansur sebanyak enam kali de-
ngan kadar B\$1,300 pada permulaan setiap modul.
6. Semua calon yang berdaftar akan berpeluang menggunakan kemudahan
yang terdapat di Universiti Brunei Darussalam seperti kemudahan per-
ustakaan, komputer, dan rekreasi.
7. Borang permohonan boleh didapati daripada Bahagian Kemasukan dan
Rekod Pelajar, Tingkat Satu, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei
Darussalam dan tarikh tutup permohonan ialah pada 20 Mac 2003.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Dr. Junaidi bin Haji Abd. Rahman,
Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam,
Tel. 02-249001 Sambungan 1576 e-mel: Junaidi@shble.ubd.edu.bn.

KEBANKRAPAN NO. 46/2000

STANDARD CHARTERED BANK Pemiutang/Pemetisyen

DAN

YONG KHAM YUN (BYIC NO. 177738) Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 20 Februari 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui: Yong Kham Yun, c/o Sinaran Abadi
Construction Sdn Bhd, A1, Aik Soon Flat, Jalan Simpang, Negara Brunei
Darussalam. Tarikh Petisyen : 26 November 2002.
Bertarikh: 25 Februari 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 50/2001

MALAYAN BANKING BERHAD Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

ABDUL RAZAK BIN AWG DAMIT (K.P. BRUNEI NO. 063352 - KUNING)
Penghutang Penghakiman/Pemintang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 14 November 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui: Abdul Razak bin Awg Damit, No. 7,
Simpang 116, Kampong Tungku, Negara Brunei Darussalam. Tarikh
Petisyen : 21 Mei 2003.
Tarikh: 25 Januari 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 190/2002

MR CHEN LIAN SENG (K.P. BRUNEI NO. 30-100724 - Pink)
Penghutang / Pemetisyen.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 14 November 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui: Mr Chen Lian Seng, No. 28, 1st Floor,
Simpang 542-48, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh
Pemohonan : 12 Oktober 2002.
Tarikh: 27 Januari 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Pegawai Penerima Rasmi



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 7 TAHUN 2002

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD
Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

DAN

HJ ISMAIL BIN MOHD ZAIN (BYIC NO. 047469) Penghutang
Penghakiman/Pemetisyen

DAN

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 November 2002.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemi-
utang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Mahkamah Besar pada 2 April 2003 jam 9.00 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 April 2003
jam 9.00 pagi. Bertarikh : 25 Januari 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 39/2001

IRB FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyen

LAWAN

AWANG TAHIR BIN HJ. HAMZAH (BYIC NO. 044636) Penghutang
Penghakiman/Pemintang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 27 Februari 2003.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemi-
utang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/BSM 012/2003 : KONTRAK PENGAL (36 BULAN) BAGI KERJA-KERJA PEMBERIHAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA (DG, DAF, DOD & DTS) LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI 2003 - 2006 JKR No 107. No. Projek : 2003DBSM/25010. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III kategori 4 (b) (c) (h) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/BSM 013/2003 : KONTRAK PENGAL (36 BULAN) BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN TAMAN HIASAN KAWASAN JKR PENGURUSAN BANGUNAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI 2003 - 2006 JKR No 108. No. Projek : 2003DBSM/25011. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III kategori 4 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/BSM 014/2003 : KONTRAK PENGAL (36 BULAN) BAGI KERJA-KERJA PEMBERIHAN BANGUNAN KOMPLEK SUKAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN KERJA RAYA JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI 2003 - 2006 JKR No 130 & 116. No. Projek : 2003DBSM/25012. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV & V kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/DWS/012/2003 : PEMBAIKAN TALIAN PAIP AIR PEMBAHAGIAN INDUK - MUKIM TELISAI (FASA 1). Yuran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III & IV kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 10.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/DWS/013/2003 : MEMULIH AIR VALVES DAN WASHOUT CHAMBERS DI SEPANJANG TRANSMISSION MAINS LAYONG. Yuran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV & V kategori 2 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 19 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.

BIL: JKR/DBSEB 004/2003 : BALAI BOMBA KAMPONG BERIBI BRUNEI DARUSSALAM. Yuran Dokumen : \$250.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan). Projek : (DBS 719/5301).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III kategori 4 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 22 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 24 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSKB012/2003 : MENGGANTI PAGAR RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN KUALA BELAIT. Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Projek : 2003DBSKB/K10251.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III IV & V kategori 4 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 22 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 24 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSKB013/2003 : KONTRAK PENGAL 2 TAHUN BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BEK KERAJAAN UNTUK PENGHUNI BARU DAERAH BELAIT. No. Projek : 2003DBSKB/20801. Bayaran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 4 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 22 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 24 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSKB014/2003 : PEMULIHAN JALAN SUNGAI LIANG-LABI DAERAH BELAIT - MENAIKKAN TARAF PAGAR DINDING BESI AYA KEPADA PAGAR DINDING KESELAMATAN KONKRIT DENGAN 2 DEL DI SEPANJANG JALAN SUNGAI LIANG-LABI. No. Projek : 2003AR/07/0362. Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 22 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 24 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSKB015/2003 : MEMBEKAL DAN MENGGANTI PASIR PENAPISAN LOJI TAPISAN AIR, SERIA. No. Projek : 2003DBSKB/K10914. Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 22 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 24 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSKB016/2003 : MEMBEKAL DAN MEMASANG AIR-COMPRESSOR UNTUK MENYUCIKAN PENAPISAN LOJI TAPISAN AIR SERIA. No. Projek : 2003DBSKB/K10911. Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, dan III kategori 2 (a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 29 Mac 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 31 Mac 2003.
BIL: JKR/DBSEB 003/2003 : MEMBINA RUMAH LINDUNGAN KOLEKSI TANAMAN HIASAN DAN BUNGA-BUNGAAN (1 UNIT) DI KAWASAN P1, PUSAT URUS NIAGA HORTIKULTUR, RIMBA GADONG. No. Projek : DBS 801/0400. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II (II & III) kategori 3 & 6(g) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 12 April 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 14 April 2003.
BIL: JKR/DDS 008/2003 (SEW) - T. II : MENGGANTI DAN MEMBAIKI PAM SUBMERSIBLE DI KAMPONG RIMBA DAN PERINDUSTRIAN MUARA. No. Projek : 03/DDS(SEW)0927. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (III & IV) kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 12 April 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 14 April 2003.
BIL: JKR/DDS 009/2003 (SEW) - T. III : MENGGANTI PAIP PEMBETUNGAN DI KAWASAN PERUMAHAN KERAJAAN JALAN PELUMPONG, MUARA. No. Projek : 03/DDS(SEW)0934. Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II (II & III) kategori 3 & 7(a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 12 April 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 14 April 2003.
BIL: JKR/DDS 010/2003 (SEW) - T. II : MENGGANTI SWITCHBOARD LETRIK BAGI 9 BUAH STESAN PAM PEMBETUNGAN. No. Projek : 03/DDS(SEW)0929. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV (III, IV & V) kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 12 April 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 14 April 2003.
BIL: JKR/DDS 011/2003 (SEW) - T. II : MEMBINA LONGKANG KONKRIT DI KAMPONG PASAI SENGKURONG. No. Projek : 03/DDS(CDE)0939. Yuran Tawaran : \$125.00. Yuran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

3. Bayaran Pendaftaran Peperiksaan.
 - a) Calon Sekolah
 - i. Penuntut-penuntut yang mengulangi adalah dikenakan bayaran pendaftaran peperiksaan seperti Surat Keliling Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bilangan 1/7/1999 yang bertarikh 24 Februari. Wang pendaftaran akan dikembalikan dengan syarat penuntut-penuntut berkenaan hadir semua mata pelajaran semasa peperiksaan.
 - ii. Penuntut-penuntut Menengah 5 dan Menengah 6N yang memegang kad pengenalan hijau dan semua penuntut Sekolah Bukan Kerajaan adalah dikenakan bayaran peperiksaan dan wang pendaftaran tidak akan dibayar balik.
 - iii. Penuntut-penuntut Menengah 6 Bawah dan Menengah 6 Atas yang memegang kad pengenalan merah dan hijau adalah dikenakan bayaran peperiksaan.
 - iv. Penuntut-penuntut yang dikategorikan di bawah gagal ujian kelayakan sekolah, kurang kedatangan sekolah dan berhenti sekolah juga dikenakan bayaran pendaftaran peperiksaan dan wang pendaftaran tidak akan dibayar balik.
 - v. Penuntut-penuntut Menengah 6 Bawah yang menduduki peperiksaan AS, bayaran peperiksaan adalah ditanggung sendiri.
 - vi. Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk mengutip bayaran peperiksaan bagi calon-calon yang berkenaan serta bersedia untuk menyediakan pusat peperiksaan, pengawasan dan peralatan bila dikehendaki. Pihak Maktab/Sekolah bolehlah menggunakan cek untuk pembayaran peperiksaan dan hendaklah dibayar kepada Kerajaan Brunei Darussalam.
 - b) Calon Persendirian

Jabatan Penerimaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan dengan wang tunai.

Jabatan Penerimaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapi pada setiap hari Isnin hingga Khamis di sebelah pagi mulai 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi tidak lewat daripada 30 April 2003.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah dilengkapi berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Penerimaan tidak lewat daripada 30 April 2003.



ELAKKAN MEMANDU TERGOPOH-GAPAH



KUASUSAHA Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bahrain, Awang Haji Mulok bin Haji Jumat dan His Highness Shaikh Salman bin Khalifa Al-Khalifa bersama-sama memotong kek. - Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith semasa menerima kunjungan muhibah Ketua Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa (DGA), Jeneral Jean-Paul Panle. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Kedutaan Besar NBD di Bahrin sambut Hari Kebangsaan Ke-19

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Mahooz, Bahrain telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 di Hotel Regency Inter-Continental pada 23 Februari lepas.

His Highness Shaikh Salman bin Khalifa Al-Khalifa, Naib Pengerusi Syarikat Petroleum Bahrain (BPC) yang juga putera kepada Perdana Menteri Bahrain menjadi tetamu kehormat di majlis itu.



PENGARAH Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latif semasa melancarkan Pameran CITES dan Pulau Pilong-Pilongan. - Gambar oleh Halim HS.



TETAMU kehormat menyaksikan sebahagian bahan-bahan penerbitan mengenai CITES dan Pulau Pilong-Pilongan.

Timbalan Menteri Pertahanan terima kunjungan muhibah

BERAKAS, 12 Mac. - Ketua Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa (DGA), Jeneral Jean-Paul Panle yang mengetuai rombongan Kementerian Pertahanan Perancis ke Mesyuarat Ke-4 Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan Negara Brunei Darussalam - Republik Perancis membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di pejabat Yang Amat Mulia di Bolikah Garrison.

Kunjungan itu adalah seba-

Oleh Abdullah Asgar

gian atur cara ketika menghadiri mesyuarat berkenaan selain melawat ke unit-unit besar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Jeneral Jean-Paul ditemani oleh Duta Besar Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Thierry Borja De Mozota.

Hadir di majlis itu termasuklah Setiausaha Tetap (Kewangan dan

Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Yang Dimuliakan Pehin Dato Singamanteri Kolonel (L) Haji Mohd. Yasmin.

Juga hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Majer Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar dan beberapa orang pegawai kanan dari kedua-dua pihak.

Akta Perlindungan Binatang Liar 1978 lindungi 34 jenis haiwan

BERAKAS, 3 Mac. - Akta Perlindungan Binatang Liar 1978 telah menyenaraikan sebanyak 34 binatang yang dilindungi di Negara Brunei Darussalam dan 23 daripadanya tersenarai dalam Appendix CITES.

Dalam hubungan kehidupan flora dan fauna yang sering terancam oleh manusia terutama sekali melalui perdagangan antarabangsa, Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali daripada mengalami fenomena yang sama.

Tidak lama dahulu telah tersiar dalam akhbar mengenai rampasan bahan-bahan yang tidak mempunyai permit oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di mana bahan-bahan tersebut adalah tersenarai dalam Appendix CITES.

Ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk produk-produk yang dihasilkan daripada binatang dan tumbuhan termasuk ancaman manusia terhadap hidupan yang dihasilkan sebagai tanda kenangan, perhiasan, perubatan tradisional, beg, tali pinggang, kraf tangan dan alas kaki.

Di samping itu, keinginan untuk membawa pulang cenderamata terutama sekali daripada bahan-bahan hidupan liar yang dilindungi begitu tinggi sehingga mereka terlupa untuk memohon permit terlebih dahulu.

Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latif menyatakan perkara itu semasa melancarkan Pameran CITES dan Pulau Pilong-Pilongan yang berlangsung di ruang Dewan Berlepas

Oleh Haji Ahmad HS

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Menurutnya, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah lokasi yang sesuai untuk mengadakan Pameran CITES dan Pulau Pilong-Pilongan, memandangkan tempat ini sering dikunjungi oleh orang ramai terutama sekali bagi mereka yang melancong ke luar negara.

Sementara Kurator Ilmu Kejadian selaku Setiausaha Brunei CITES Management Authority, Awang Samhan bin Nyawa antara lain menjelaskan pameran tersebut bukanlah sekadar untuk kefahaman peraturan-peraturan dan undang-undang CITES dan Akta Perlindungan Binatang Liar Negara Brunei Darussalam akan tetapi menampilkan peranan Jabatan Muzium-Muzium Brunei dalam pemuliharaan habitat spesies yang dilindungi dalam konteks pemantauan dan pemuliharaan Pulau Pilong-Pilongan.

Pameran CITES dan Pulau Pilong-Pilongan katanya masih terdapat kekurangan 'transparent' atau kurang difahami oleh orang ramai dan adalah tanggungjawab jabatan ini menjelaskan dengan lebih nyata supaya ianya dapat dipatuhi dan dipraktikkan dengan sepenuhnya demi memelihara kesejahteraan negara.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hadiah-hadiah Pera-

duan Melukis oleh tetamu kehormat. Pemenang pertama, Awang Mohammad Arzimi bin Awang Rahmat dari Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Dayangku Siti Amal Rabiatal Nadiyah binti Pengiran Haji Mardi dari Sekolah Rendah OKSB Kilanas, di tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Masafiqah binti Mohd. Salleh dari Sekolah PKN Bukit Beruang.

Pameran CITES dan Pulau Pilong-Pilongan adalah usaha julung kali Jabatan Muzium-Muzium Brunei ke arah menyebarkan pengetahuan dan kefahaman orang ramai terhadap peranan CITES dan Akta Perlindungan Binatang Liar Negara Brunei Darussalam.

Ia bertujuan untuk memberikan penerangan yang lebih jelas kepada pihak-pihak tertentu yang mempunyai hubungan dengan kegiatan menjual binatang-binatang dan bahan-bahan berkaitan seperti kedai-kedai ubat 'pets shop'.

Pulau Pilong-Pilongan telah dilancarkan pada Oktober tahun lalu sebagai pulau yang dilindungi kehidupan fauna dan flora yang terdapat di dalamnya, sementara Pameran CITES merupakan kali pertama di negara ini semenjak menjadi ahli ke-108 daripada 160 ahli yang terdapat di CITES pada tahun 1990.

Kempen mengenai CITES dan akta ini akan berlangsung selama sebulan dan akan dilaratkan ke seluruh daerah sebagai projek pameran bergerak yang diusahakan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan semasa memengerusikan mesyuarat berkenaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Jati diri yang mantap bantu raih peluang

BERAKAS, 11 Mac. - Salah satu perkara penting yang perlu ada pada diri seseorang ialah ilmu pengetahuan sebagaimana pepatah Melayu menyatakan 'ilmu itu pelita hidup' kerana hanya ilmu pengetahuan yang cukup dan jati diri yang mantap membolehkan kita meraih peluang-peluang ke arah memajukan bangsa dan negara serta tangkas menghadapi cabaran-cabaran dalam arus persaingan ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Ketua Perkhidmatan Pengangkutan dan Logistik, Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Haji Mahmud bin Haji Idris di Majlis Penamaan Calon Bagi Anugerah Saintis Muda Alam Semula Jadi Puteri Rashidah (PRYNOSA) Ke-6 yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Perumahan Negara Lambak Kanan di sini.

"Ini bertepatan dengan aspirasi negara ke arah melahirkan bangsa yang berilmu yang akan menanai tugas dan tanggungjawab dalam memajukan negara di masa hadapan," jelas Awang Haji Mahmud.

Tambah beliau, kita sekarang sedang hidup dalam maya siber yang disaluti dengan kecanggihan infokomunikasi yang bergerak pantas di mana warga dunia masing-masing berlumba merebut peluang-peluang ekonomi yang tercetus dari kemajuan itu. Maka kita tidak seharusnya hanya menjadi pemerhati dalam perlumbaan ini tetapi harus bijak mempersiapkan diri meraih peluang-peluang yang ada demi memartabatkan bangsa dan

Oleh
Siti Aishah HS

negara di arena persaingan ekonomi global.

Awang Haji Mahmud menyatakan, ilmu pengetahuan yang cukup dan amalan jati diri yang mantap seharusnya disertai dengan iman yang kukuh dan ketiga-tiga ciri tersebut perlu disemai dan dipupuk dalam diri setiap individu kerana kemajuan sebenar bersandarkan kepada tiga perkara iaitu ilmu, amal dan iman yang saling berkait rapat.

Sehubungan dengan itu, kemajuan yang dicapai tidak akan bermakna dan memberikan pengertian yang sebenar dan berterusan jika keimanan bangsa tersebut jauh terpesong.

Sejarah telah membuktikan, tamadun yang awalnya maju dan agung telah hancur dan lenyap dari muka bumi ini lantaran bangsa atau penduduknya tidak beriman.

Untuk melahirkan anak bangsa yang berilmu pengetahuan dan lebih bertanggungjawab memajukan serta memperkasa ekonomi negara, Syarikat Minyak Brunei Shell selaku penaja PRYNOSA akan terus memberikan sokongan padu dan memberikan komitmen, bukan sahaja tertumpu kepada aspek ekonomi malah juga perhatian terhadap pembangunan sumber manusia dan pemeliharaan alam sekitar.

Sebanyak 21 cadangan projek diterima berbanding dengan tahun sebelumnya dan hanya

lima buah projek sahaja yang dipilih sebagai calon PRYNOSA Ke-6 iaitu Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian wang tajaan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad kepada Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh, bernilai \$15,000.00 dan penyampaian rencana berserta wang permulaan projek sebanyak \$500.00 kepada para finalis.

Penyelidikan akan dijalankan di beberapa buah kawasan di negara ini seperti di Taman Ulu Temburong pada musim cuti penggal yang akan bermula pada penghujung Mac selain menjalankan kerja-kerja penyelidikan di makmal sekolah masing-masing.

Terdahulu, majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, pada tahun 1998 dan Yang Teramat Mulia juga merupakan Penaja Diraja anugerah tersebut.

Projek tersebut antara lain bertujuan melahirkan para saintis muda yang berpotensi tinggi untuk menjadi saintis atau pakar masa depan dalam bidang sains alam semula jadi yang berkemahiran, kreatif, berkeyakinan, cekap dan berdaya tahan.

Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Sambutan Perayaan Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Mac. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini mengadakan mesyuarat keduanya bagi meneliti cadangan-cadangan, format persembahan dan atur cara persiapan sambutan perayaan ulang tahun hari keputeraan baginda ke-57.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Lapau itu dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Seperti dalam mesyuarat yang pertama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan mengingatkan kepada ahli-ahli jawatankuasa mengenai penglibatan para belia, sama ada persatuan belia, pertubuhan belia di samping penglibatan belia dalam sektor swasta dan Majlis Perundingan Kampung dalam sama-sama memeriahkan perayaan tahun ini.

Berangkat dan hadir di majlis itu termasuklah Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

ACCSQ sedia sokong AFTA ke arah tumpuan teknikal

Oleh Siti Aishah HS

JERUDONG, 3 Mac. - Dalam kerjasama menuju Perjanjian Pengiktirafan Besama bagi mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas, demi memenuhi perubahan dalam tatacara Penilaian Persetujuan yang meliputi aspek taraf, percubaan, kerjasama, pertauliah dan persijilan, Pertubuhan Taraf Kebangsaan bertanggungjawab mengatasi perubahan yang ada.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Taraf dan Kualiti ASEAN (ACCSQ) Ke-21 yang diadakan di Empire Hotel and Country Club di sini.

Beliau menambah, ACCSQ akan bersedia menyokong Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan sedia bekerjasama menuju ke arah tumpuan teknikal dan rangka masa untuk mencapai tujuan, keselarasan dan penghargaan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid semasa merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Taraf dan Kualiti ASEAN (ACCSQ) Ke-21. - Gambar oleh Masri Osman.

dalam mengenali ukuran teknikal dalam menghapuskan cukai.

Sehubungan itu, perkembangan pengukuhan telah dibuat sebagai alat persetujuan rangka kerja MRAs dan perundingan dalam bahan kecantikan, ubat-ubatan serta kejuruteraan elektrik dan kelengkapannya.

Sebelum ini, mesyuarat tersebut berlangsung di Laos, sementara Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi buat kali kedua pada tahun ini dan kali pertama pada tahun 1996 lalu.



KETUA Perkhidmatan Pengangkutan dan Logistik, Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Haji Mahmud (kiri) menyerahkan wang tajaan Syarikat Minyak Brunei Shell kepada Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Hari Kebangsaan NBD di Tehran

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Islam Iran mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 di kediaman rasmi Duta Besar NBD, Tuan Yang Terutama Haji Ishaq Abdullah yang dihadiri 300 orang jemputan. Timbalan Menteri Luar bagi Asia dan Pasifik, Kementerian Luar Iran, TYT Mohsen Aminzadeh menjadi tetamu kehormat yang kelihatan berbual bersama TYT Haji Ishaq (gambar kanan).



TETAMU kehormat dan para jemputan ketika mendengar Ceramah Khas Hijrah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PERTIWI anjur Sambutan Awal Hijrah

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 9 Mac. - Lebih 100 orang ahli Persatuan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (PERTIWI) dari keempat-empat daerah menghadiri Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah oleh Ustaz Haji Rosli bin Haji Batang diikuti dengan persembahan tasyeh Kumpulan Syababul Islam.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas Hijrah yang disampaikan oleh penceramah undangan Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail diselenggarakan dengan persembahan Dikir Marhaban bagi meraikan ahli PERTIWI yang selamat menunaikan fardu haji musim 1423/2002 yang lalu.

Tujuan majlis tersebut diadakan ialah untuk mengeratkan silaturahim dan perasaan muhibah antara ahli-ahli PERTIWI keempat-empat daerah dan memberi peluang untuk ahli-ahli PERTIWI menyambut Awal Tahun Hijrah 1424 bersama-sama.

Hadir di majlis tersebut, Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku tetamu kehormat, Datin Hajah Jusnani binti Haji Lawie selaku pengerusi majlis, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris, Datin Hajah Tinah binti Ahmad dan Ahli-ahli PERTIWI dari keempat-empat daerah.

Balai Polis Berakas catat lebih 20 tangkapan kes kecurian, pecah, rumah

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 10 Mac. - Balai Polis Daerah Polis Berakas berjaya mencatatkan lebih 20 tangkapan beberapa kesalahan terutama yang berhubung kait kes kecurian dan pecah rumah yang berlaku di sepanjang bulan Januari hingga Februari lepas.

Antara barang yang berjaya ditemui semula termasuklah set televisyen, sebuah kereta, barang kemas, kad pengenalan di samping alat-alat elektrik yang lain.

Menurut Pegawai Jenayah Daerah Polis Berakas, Inspektor Kanan Abdul Haji, daripada kes-kes tersebut sebahagian daripadanya telah dapat mereka selesaikan di mana pesalah telah dijatuhkan hukuman undang-undang oleh pihak mahkamah.

Kebanyakan pesalah yang berjaya ditangkap

adalah golongan belia berumur antara 14 hingga 43 tahun yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, beliau bagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei mengucapkan terima kasih kepada orang ramai dan masyarakat di negara ini yang telah memberi maklumat serta bekerjasama dengan pihak polis dalam sama-sama menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

Manfaatkan kursus grafik komputer

BERAKAS, 3 Mac. - Para pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) disaran supaya memanfaatkan Kursus Intensif Grafik

Oleh
Abdullah Asgar

Komputer yang dijalankan memandangkan ia boleh menghasilkan pendapatan

yang tinggi.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim bin Mohd. Yassin membuat saranan itu ketika membuka rasmi Kursus

Intensif Grafik Komputer dan Pelbagai Media Saling Tindak pagi tadi di Balai Sarmayuda di sini.

Katanya, kebolehan dalam bidang itu jika dipelajari dengan tekun akan memudahkan jabatan bagi menghasilkan bahan grafik bagi sesuatu majlis atau persembahan, yang biasanya memerlukan perbelanjaan yang bukan sedikit apabila dibuat oleh sebuah 'production-house' walaupun cuma beberapa minit saja.

Kursus tiga bulan itu telah mengundang tiga orang pakar bidang grafik komputer dan multimedia interaktif dari syarikat Viaweb Sendirian Berhad, Republik Singapura yang diketuai oleh Heng Chin Seng melibatkan lebih 200 pegawai dan kakitangan dari DBP dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim semasa merasmikan kursus berkenaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PERALATAN bengkel dan tayar kereta antara yang berjaya diperolehi semula (atas), sementara gambar kanan, barang kemas, telefon bimbit dan kad pengenalan antara barangan yang menjadi tumpuan pihak yang tidak bertanggungjawab. - Gambar oleh Ramli Tengah.



FIKIRAN Herman berputar balik mengenangkan kisah lalu. Ia selalu memikirkan semasa ia masih kecil waktu berumur 9 tahun. Badannya kecil, rambut ikal, tapi warna tubuhnya hitam legam seolah-olah mandi hanya setahun sekali. Gigi putih melepak nampak bercahaya seperti mutiara tersusun rata. Mata putih menjadi kekuning-kuningan sebab selalu melawan matahari. Waktu Subuh terbit saja matahari Herman akan keluar dari rumah merayau ke sana ke mari tidak tentu hala tujuan sehingga petang hampir malam baru pulang ke rumah. Kadang-kadang di waktu makan tengah hari baru pulang dan ada kalanya langsung tidak pulang makan.

Kegemarannya mandi-manda dan terjun dari pentaran rumah orang. Tidak kira di bawah rumah itu ada tunggul kayu yang belum bercabut. Di musim air pasang ia akan berenang berulang alik atau pergi dan balik dari Kampong Ayer ke pekan dekat orang dulu-dulu mengambil air minum berhampiran kubur Maulana kerana pada masa itu moto-bot belum berapa banyak lalu lalang.

Pada masa itu juga Sekolah Melayu Lela Menchanai baru saja dibina di Kampong Ayer yang dijangka siap di dalam akhir tahun 1952. Tahun 1953 baharulah pendaftaran dimulakan dan terus memulakan persekolahan. Herman bersekolah di sana dan umurnya sudah menjelang 10 tahun.

Di sekolah ia sangat nakal, rajin, pintar, cergas dan 'talkative', aktif, seolah-olah dia yang empunya sekolah itu. Sungguhpun nakal, ia selalu dibuli oleh teman-teman sedarjahnya berkelahi sesama sendiri sebab tidak mahu kalah dan hendak kan menang semuanya. Tapi apa kesudahannya, yang ia dapat, mukanya lebam-lebam, hidungnya berdarah kena tumbuk. Setiap penggal akhir tahun ia mendapat tempat yang memuaskan seperti mendapat nombor 2, 3 dan 1 tidak pernah.

Ia dinaikkan ke darjah 2 dan sehingga seterusnya apabila hujung tahun mendatang 1955 dinaikkan lagi ke darjah 3. Apabila saja dia dinaikkan ke darjah 3 bermulalah pelajarannya merosot dan tidak lagi rajin hadir ke sekolah disebabkan pada musim itu musim bermain layang-layang atau kikir.

Permainan kikir yang paling digemarinya di samping permainan-permainan yang lain. Di sebelah petang ia akan menyambut kikir putus di merata-merata tempat menggunakan perahu jumpung dan merayau-rayau ke perairan di kampung-kampung lain yang banyak bermain kikir. Boleh dikatakan pada masa itu paling seronok jika dibandingkan pada masa sekarang. Walaupun ekonomi negara belum kukuh dan bangunan-bangunan tidak ada jika dibandingkan masa kini, tapi suasana semula jadi itu membuatkan banyak kenangan manis yang masih mengusik dan menggigit jiwa. Aman damai dan sekali-sekala menonton wayang adalah salah satu hiburan yang unggul di negeri ini.

Kehidupan Herman dari dulu tidak pernah senang. Ia dan keluarganya sentiasa dihipit kemiskinan yang membimbangkan. Makan hanya sekali sehari. Ayahnyanya pula buruh kasar memotong getah iaitu dengan pendapatan bermasa. Apabila hujan turun terpaksa duduk diam di rumah tidak ada apa yang hendak dibuat. Dengan hal yang demikian dari sebab itulah Herman selalu memikirkan hal-hal keluarga dan dirinya apa yang akan ditempuh di masa depan. Apabila ia sudah berperasaan begitu dari sanalah timbul keinsafan terhadap dirinya untuk membantu adik-adik serta ibu dan ayahnya. Ia sekarang sadar dan mula belajar bersungguh-sungguh. Permainan kikir yang tidak dapat dipisahkannya telah ditinggalkannya. Malam-malam ia tidak lepas peluang untuk menelaah.

Herman sudah menonjol sekarang. Kecergasan semasa dalam darjah satu dulu kembali berputik. Apa saja aktiviti sekolah, ia tidak pernah tinggal seperti berbasah dan juga bermacam-macam jenis sukan. Segala aktiviti yang disertai mesti memuaskan hati dan mendatangkan hasil yang menggembirakan.

Di rumah terkumpul bermacam timbunan hadiah-hadiah yang sudah dimenangi. Ayah dan ibunya sentiasa menaruh harapan supaya anaknya ini berjaya. Kalau boleh biarlah ia menjadi pemimpin harapan negara dan bangsa. Selain belajar, ia juga tidak lupa akan tanggungjawabnya kepada Tuhan. Tidak tinggal sembahyang lima waktu sambil menghafal apa saja jenis doa, seperti doa selamat, doa perpisahan, doa tahlil kenduri-kendara di bulan Ramadan, doa talkin, membaca Surah Yaasiin, mengimamkan sembahyang, sembahyang fardu kifayah dan cara-cara sembahyang tarawih.


Di dalam sekolah dan mahupun di luar sekolah Herman sudah menempah nama menjadi seorang terkenal serba boleh di dalam umur yang masih muda remaja. Ia selalu disebut-sebut di bibir masyarakat sebagai pemuda yang paling tinggi moralnya. Membuat apa saja kebajikan seperti menolong orang di dalam kesusahan, tidak pun dengan wang ringgit tapi dengan tenaganya.

Bila saja ia mendengar orang meninggal dunia ia akan menghadirkan diri menolong apa yang patut dibuat dan sehingga selesai mengapakan dan menyembahyangkan mayat itu baharulah ia minta diri untuk pulang.

Begitulah seterusnya rasa hormat perilaku dirinya dengan orang-orang kampung dan jirannya. Ia sentiasa berpegang teguh terhadap hukum-hukum dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti yang dipelajarinya dari guru-guru agama dan buku-buku serta mendengar dari syarahan-syarahan radio. Ia tidak suka berkata sia-sia dan bohong, dusta yang menyekat fikiran. Apa yang patut dicakapkan itulah yang dilakukan. Berkata banya, banyak silapnya, banyak pula dosa, banyak dosa membawa ke Neraka.

Satu ketika sewaktu Pak Sudin, ayahnya hendak masuk ke bilik Herman yang sedang salat, belum pun sempat ia melangkah kakinya ke bilik itu dia terdengar suara sayu memilukan, doa yang diucapkan perlahan dari mulut Herman yang masih terngiang-ngiang di kepala ayahnya dan doa itu tidak pernah tinggal dibacanya selepas sembahyang fardu. "Ya Allah ampunilah dosa kedua orang tua kami, semoga kami panjang umur

FIKIRANNYA kali ini sudah berlainan dari yang sudah-sudah, ia sentiasa memikirkan bagaimana memberi kesenangan hidup terhadap keluarganya itu. Sebab masih terasa dirinya bilamana keluarga jiran sekampung memandang rendah terhadap ibu bapanya dan pernah ibu bapanya dimusuhi oleh orang-orang kampung kerana hutang lambat dibayar. Bukan orang lain pula tempat berhutang itu, kalau dikira aturan nenek pula kepada Herman. Bila hutang dibayar mesti ditambah dengan bunga. Kalau lambat membayar bunga hutang akan dinaikkan berganda-ganda banyaknya, kadang-kadang tiga kali lipat daripada bunga itu. Mahu tidak mahu terpaksa dibayar dengan cara berhutang lagi ke tempat jiran lain.



sihat walafiat dan beramal salih. Jika kami kembali kepada-Mu tempatkanlah diri kami di sisi orang-orang yang beriman dan lepaskanlah diri kami daripada sekasaan kubur terutama sekali terhadap ibu dan ayah kami yang memelihara kami sejak dari kecil."

Air mata Pak Sudin, tidak dapat ditahan mendengar ungkapan doa kasih sayang anaknya. Hajatnya untuk masuk ke bilik Herman dibatakannya. Pak Sudin dan isterinya, Milah tidak pernah meninggalkan waktu kerana tercabar dari anaknya sebagai pendorong dan penguat hati mereka.

Kini Herman sudah berhenti belajar kerana desakan kemiskinan. Herman hanya memohon pekerjaan sebagai guru Melayu. Oleh sebab prestasinya baik sepanjang persekolahannya, permohonan jawatan untuk menjawab sebagai guru di sekolah diterima.

Pak Sudin dan Bu Milah kedua orang tua Herman sangat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah kerana



CIKGU HERMAN DIGHAIBKAN

OLEH HJ. MAT NOOR MATUSSIN

anaknya telah bekerja sebagai guru Melayu. Dengan itu beban yang ditanggungnya akan berkurangan sedikit.

Herman ditempatkan mengajar di Pekan Belait. Permulaan bekerja dari pendapatan gaji yang diterima pada bulan pertama disedekahkannya 50 peratus ke tabung anak-anak yatim dan fakir miskin, 25 peratus untuk ayah dan ibunya. Selebihnya sebanyak 25 peratus untuk belanjanya sebulan disamping berjimat cermat.

Dia berasa lega dan tidak henti-henti bersyukur kepada Allah kerana diberikan kerja yang tetap. Dia berjanji akan memberi hidup senang sepenuhnya kepada kedua orang tuanya dan adiknya walau dengan apa cara sekalipun asal rezeki yang diterimanya itu halal dari titik peluhnyanya sendiri.

"Kalau Allah merestui cita-citaku ini, aku akan bertekad untuk menyimpan duit seberapa banyak adanya," bisik hati Herman. "Aku akan membeli sebidang tanah dan di atas tanah itu nanti akan kubangunkan sebuah rumah sederhana dan kusediakan kereta untuk ayah dan ibu serta adik-adikku," bisik Herman lagi.

Fikirannya kali ini sudah berlainan dari yang

sudah-sudah, ia sentiasa memikirkan bagaimana memberi kesenangan hidup terhadap keluarganya itu. Sebab masih terasa dirinya bilamana keluarga jiran sekampung memandang rendah terhadap ibu bapanya dan pernah ibu bapanya dimusuhi oleh orang-orang kampung kerana hutang lambat dibayar. Bukan orang lain pula tempat berhutang itu, kalau dikira aturan nenek pula kepada Herman. Bila hutang dibayar mesti ditambah dengan bunga. Kalau lambat membayar bunga hutang akan dinaikkan berganda-ganda banyaknya, kadang-kadang tiga kali lipat daripada bunga itu. Mahu tidak mahu terpaksa dibayar dengan cara berhutang lagi ke tempat jiran lain.

Begitulah seterusnya cara hidup miskin, tutup lubang gali lubang. Pernah satu ketika dulu Pak Sudin menasihatinya "Herman, fahamilah benar-benar hidup ini, kalau kita miskin dan tidak punya apa-apa orang akan memandang rendah terhadap kita, apatah lagi orang lain malah saudara sendiri akan memandang serong. Dari itu kunasihatkan jalanilah hidup ini sebaik-baiknya dan belajarlah semampu yang boleh untuk mendapat imbalan dan imbuhan di

kemudian hari dan jangan lupa bantulah kami terutama sekali adik-adikmu ini untuk kami melanjutkan hidup."

Bila Herman terkenang nasihat orang tuanya itu kelopak matanya akan mengalir air mata. Dia sangat sedih apabila mengenangkan peristiwa itu. Tetapi walau bagaimanapun oleh sebab Herman sudah terdidik dengan asuhan agama yang mendalam, ia tidak akan pernah menyimpan dendam terhadap nenek dan keluarga jirannya itu, malah setiap saja selepas bersembahyang ia tetap akan mendoakan mereka dengan doa-doa supaya semua mereka akan insaf serta mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wataala dunia dan akhirat.

Hari berganti bulan, bulan berganti tahun. Oleh kerana Herman seorang yang amanah, jujur dan bertanggungjawab di dalam menjalankan tugas dia telah diberi kepercayaan dan dinaikkan pangkat sebagai Guru besar. Lantaran kenaikan pangkat itu gajinya telah dinaikkan ke tingkatan yang lebih tinggi dari yang pernah diterimanya. Ia juga diberi keutamaan seperti berpindah dari

PUISI

PERTOLONGAN GHAIB ...

Kerana siapakah dunia ini jadi gelita
ya, kerana siapa?
kerana siapakah bumi ini jadi neraka
ya, kerana siapa?
kalau bukan kerana hantu-hantu imperialis
siapakah lagi
selain daripada mereka itu?

Kerana siapakah manusia ini terpenjara
ya, kerana siapa?
kerana siapakah manusia ini terjajah
ya, kerana siapa?
kalau bukan kerana hantu-hantu imperialis
siapakah lagi
selain daripada mereka itu?

Saudara seumut,
lebih baik beringat...
dari mengharapkan sang singa menjadi sapi
lebih baik beringat...
dari mengharapkan sang buaya
menjadi kambing
kerana sudah datang waktu
keadilan dan hukum dibolehkan bisu!

Suara kebenaran tidak lagi merdu
terdampar ke sana dan ke mari
hanya khalayak yang lemah jua masih
bermalu
sementara algojo, atyik berdusta
dan....
dengan tangan besinya menyusun tipu daya
untuk menegih sokongan.

Wahai sahabat, saudara dan
seluruh manusia
siapa pun kita, janganlah berputus asa
walau kering tenaga dimamah luka... dan
berharajalelu kebiadahan dan kejahatan
namun Tuhan kita masih ada
dengan janji-Nya:
bahawa sang zalim tidak akan dihiarkan
menongkat langit!

Kita tunggulah saja
pertolongan ghaib dari langit dan bumi
jika umat Noh ditolong
jika umat Loth ditolong
mengapa tidak
umat Muhammad juga ditolong?

Ya akan datang, saudara!
insya Allah akan datang
masa yang ditunggu-tunggu
tinggal saja lagi kita wajib bersabar
kerana sabar itu berkat
kerana sabar itu syarat
bagi meraih pertolongan.

Yakinlah!
kepada Zat al-Jabbar
kepada Zat al-Qahhar
kepada Zat al-Muntaqim
bahawa di bawah takdir dan hikmah-Nya
kemenangan itu pasti datang, cuma...
biasanya ia datang terlambat.

Adi Rumi
Kuala Lumpur
24 Februari 2003

DUNIA HANYA SEBUAH...

(Tuhnik kepada Malaysia dan pemimpin-pemimpin NAM serta sekali gus untuk pengemang perang).

Tidak siapa yang dapat berkecuali
tentang hakikat ini:
bahwa dunia hanyalah sebuah jua
tidak harus dibolot, oleh siapa pun
tidak oleh kamu... dan
tidak juga oleh kami... tetapi
masing-masing kita ada 'hak warga'
masing-masing kita ada suara
sama ada putiklah
dituangkan ke dalam
kita berdiri di sebuah lapangan
yang terbuka
bukan untuk bertempur
di dalam api yang berkobar-kobar
tetapi untuk sama-sama membina
tamadun hari ini dan hari muka
bukan untuk undur ke belakang
ke lubang-lubuk abad alam yang busuk
yang tidak mengingati undang-undang
hanya ada pedanya:
siapa kuat dialah raja
siapa lemah dialah hamba.

Ingatlah tentang hari esok
peperangan itu, bukannya suatu game
yang menjanjikan kesenangan...
tetapi besi panas
angin panas
bumi panas
di manakah kita boleh melarikan diri?
apabila habis perang
siapakah yang mengitung
ya, mengitung?
(bukan dengan hitungan lebih kurang):
berapa askar mati
berapa orang awam mati
berapa orang tua mati
berapa kaum perempuan mati
berapa kanak-kanak mati
berapa haiwan mati...
dan berapa...
jalan-jalan raya mainah
bangunan-bangunan runtuh
jambatan-jambatan roboh
dan berapa...?

Sekarang datang rohmah
orang Islam itu pengemang?
tunggu dulu, jangan terburu
bukan hati dan kepalamu
untuk mendengarkan ini:
tiapakah lebih komidat dengan Allah
orang Islam atau siapa?
sekarang Allah berfirman:
"Taatlah kepada-Ku"
upakah kamu menyangka tuat itu...

termasuk juga membunuh?

sekal-kali tidak!
jadi Tuan Penguasa, hentiklah mendera
beban dendamu sudah cukup memberati
bagimu, Tuan! lebih baik berbakti
dari mengotori nama sendiri
biar seisi alam ini memberikan hati
untuk kedamaian, bukan untuk diratoh
seperti roti
dan kemudian...
dengan rasa persefahaman serta minta maaf
kita pun bebas dari segala ketakutan.

Adi Rumi
Kuala Lumpur
25 Februari 2003

OH OIC...!

Di mana dan dari manapun kita datang
dari sekitar dunia ini
bukanlah seperti soldadu mabuk
yang tidak kenal walau jejaknya sendiri
kita datang dari alam Islam, bukan
untuk mencari nama
atau inginkan kuasa
seperti orang lain.

Kita hanya khalifah Allah
yang berdiri di tengah fajar kemerdekaan
apama kita - Islam - adalah mahkota
ideologi kita - kebenaran - adalah segalanya
jangan ada yang lebih tinggi daripada ini
yang memaksa kita meroboh masjid
yang memaksa kita sujud, kepada
selain DIA.
Slogan kita ialah: persaudaraan!
di mana-mana jua
dan kepada orang lain...
kita agihkan persefahaman
hukunya darah dan api, kerana
kita juga sebenarnya amat membenci
tangan-tangan besi itu
yang kasar dan ganas!

Oh, OIC...!
janganlah bertangguh
memberikan harapan
kepada bangsa sendiri
jari ini bersatu... dan
esok juga terus bersatu
di bawah langit bersuluh dengan
Lailahillallah Muhammad Rasulullah.

Supaya tidak lagi terpedaya
maka, bukalah sejarah, di mana
kita sesungguhnya adalah mangsa
(mangsa pecah belah) yang
ketika itu macam-macam jadinya:
ada yang melawan, ada yang menyerah
namun yang muktamadnya...
sesudah pecah tibalah perintah.

Jadi jangan biar berulang...
ya, jangan biarkan!
tutup rapat-putus pintu
dari sebarang pendatang & petualang
kerana mereka itu, cukup kuat cemburunya
terhadap kemerdekaanmu
kerana mereka itu, cukup besar tamaknya
terhadap kekayaanmu
oh, OIC...! cepatahlah
selamatkan dirimu!

Adi Rumi
Doha, Qatar
5 Mac 2003

SAUDARA SEUGAMA (Untuk seluruh umat Islam)

Walaupun bukan senasab
namun kita tetap bersama
ya, siapakah yang lebih akrab?

Itulah mereka dan kita
semua bersaudara
saudara seagama.

Jika mereka tidur lena
kita pun tidur lena
dibuai bahagia.

Jika mereka mengerang
kita pun mengerang
ditusuk bisa. Kerana...

Tolong kita adalah: akidah
daging kita adalah: akidah
darah kita adalah: akidah.

Cuma yang berbeza itu ialah kita
ada yang ingat dan
ada yang lupa. Namun...

Asas kita tetap tidak roboh
walau badai melanda
atau api membakar gila.

Kerana itu janganlah berfikir bodoh
bel, si Dajjal!
bahawa segalanya itu dapat kita telan
dengan mudah.

Jangan ambil ringan
bangsa yang berakidah... apabila mereka itu
telah ditikam api peperangan.

Mereka sesungguhnya sudah lali dengan
apa jua gerak. Dan bahkan tidak lagi takut
kerana di sana, yang menghibur mereka
adalah akhirat.

Terima kasih, Tuhanku! kerana
tempat kami yang paling terhormat
ada di sisi-Mu.

Adi Rumi
Kuala Lumpur
10 Mac 2003

Dari muka 12

rumah Kelas F ke Kelas B. Kalau dulu ia bekerja dengan menggunakan basikal, kini ia telah membeli sebuah kereta yang berjenama Mercedes Benz 200. Apabila jiran-jiran dan datuk neneknya di kampung yang pernah memusuhi keluarganya tahu tentang statusnya itu, mulailah orang sedar, hormat, galat dan tidak lagi angkat mulut seperti orang malu apabila berdepan dengannya. Barulah juga orang tahu di mana lagi dipijak dan di mana langit dijunjung. Benar kata orang air tidak selamanya akan surut, gelap tidak selamanya akan malam, miskin tidak selamanya papa kedana. Hari ini hari kamu, hari esok pasti berlalu.

Duit gajinya yang telah dikumpulkannya selama ini digunakan untuk membeli sebidang tanah itu dibuatnya sebuah rumah dua tingkat yang cukup cantik bentuknya, di samping landskap dan kolam renang yang lengkap lantai tailnya. Dihias pula dengan tanaman-tanaman bunga yang diimport dari luar negeri. Ibu dan ayah serta adik-adiknya telah berpindah ke rumah baru itu dan menjual rumah lama yang telah membawa kenangan manis dan pahit yang terpaksa ditinggalkannya. Dari dulu lagi Herman mempunyai sifat-sifat terpuji di kalangan keluarganya terutama sekali terhadap ayah dan ibunya.

Rumah yang dihidiahkannya itu terdapat satu ruang yang lengkap dengan perpustakaan yang mengandungi bermacam-macam kitab akhirat dan tempat bersembayang berjenama serta tempat riadah yang serba lengkap untuk kecergasan minda dan fizikal.

Herman tahu menjaga kesihatan badan untuk adik-adiknya bagi menghadapi sebarang kemungkinan terutama sekali apabila menghadapi pelajaran. Dia amat tahu betapa pelajaran itu mengambil peranan penting setiap kehidupan manusia sejaat. Lebih-lebih lagi negara yang baharu membangun seperti Brunei. Sebab itulah Herman bekerja keras untuk mengimbangi kelulusan persekolahannya yang tidak begitu tinggi untuk melimpahi ke tahap gaji maksima.

Satu ketika pernah seorang teman menumpang ke dalam keretanya kerana hendak singgah ke pekan membeli keperluan dapur. Di dalam per-

jalan, di tengah-tengah jalan raya ia memberhentikan keretanya. Kawannya berasa hairan kenapa kereta itu dimatikan yang bukan tempatnya. Kemudian baharulah kawannya faham bahawa Herman telah memutik sampah di atas jalan raya itu seperti paku, kayu-kayu yang patah jatuh dari pokok. Sampah-sampah itu ditaruhnya ke dalam plastik hitam yang telah tersedia di dalam keretanya. Dia membuang sampah-sampah itu ke tempat yang telah disediakan. Begitu juga apabila ia berjalan ke pedalaman, kalau ia terjumpa titian atau jambat-

datangkan hasil itu. Dia berjanji akan membahagiakannya dan keluar-ganya seperti yang dilakukan temannya, Herman.

Herman kini sudah bersara dan berpenek bulanan. Walaupun ia sudah membeli tanah dan membuat rumah yang serba mewah, tapi semua itu ialah untuk keluarganya bukan untuk dirinya. Sebenarnya ia sudah ada mempunyai tanah yang kecil untuk dirinya terletak di pedalaman. Ia membuat pondok buruk di atas tanah itu, di situlah ia menyendiri untuk beramal sepenuh masa. Sering kali juga ia

buah di kampung itu bernama Pak Tassim menceritakan perkara serupa bahawa Cikgu Herman memakai jubah putih dengan seekor kuda lalu terbang naik ke atas langit disambut oleh bidadari-bidadari yang cantik-cantik.

Selapas saja hujah-hujah hasil mimpi yang dibawakan oleh Jinin dan Pak Tassim didengar oleh Pak Uda, sebahagian daripada beberapa orang penduduk kampung itu ingin hendak berziarah ke rumahnya, dikehutirkan apa-apa yang tidak diinginkan terjadi terhadapnya.

Pak Uda dan beberapa orang anak buah menda-pati pintu rumah pondok tempat Herman tinggal itu bertutup rapat seolah-olah tiada berpenghuni.

"Assalamualaikum, Ketua Kampung dan yang lain memberi salam serentak. Tidak menjawab namun pintu rumah kekal juga tertutup rapat. Salam sudah beberapa kali tidak juga ada orang menjawab dari dalam bilik itu. Maka mahu tak mahu terpaksa orang-orang kampung membuka pintu tu dengan menolak sekuat-kuatnya.

Pintu terbuka luas, orang-orang masuk ke dalam. Di dalam bilik Cikgu Herman tidak ada di sana. Tetapi alangkah terharunya semua anak-anak buah kampung yang masuk ke dalam bilik Herman itu tercium bau harum semerbak. Bau wangi yang terhidu itu belum pernah seorang makhluk pun tercium sebelumnya selama ini, inilah kali pertama mereka tercium. Sekali gus mereka membayangkan seolah-olah bau itu datangnya dari alam ghaib. Cikgu Herman tidak dijumpai. Mereka pun balik dengan andaian dan pendapat masing-masing yang baik-baik.

Setelah semua keluar dari rumah itu, tiga langkah dari orang yang penghabisan keluar, dengan sendirinya pintu rumah itu tertutup semula dengan tidak payah orang lain menutup dan menguncinya. Pak Uda dan Ketua Kampung sayu menangis dengan air mata seraya berkata dengan nada yang sebak sebak, "Munlah aku jadi Cikgu Herman alangkah beruntungnya hidup aku di atas muka bumi Allah ini."

Anak-anak buah kampung tidak dapat menahan perasaan semua sedih pilu dan menangis di sepanjang pulang ke rumah masing-masing sambil menanamkan perasaan insaf.



DUIT gajinya yang telah dikumpulkannya selama ini digunakan untuk membeli sebidang tanah itu dibuatnya sebuah rumah dua tingkat yang cukup cantik bentuknya, di samping landskap dan kolam renang yang lengkap lantai tailnya. Dihias pula dengan tanaman-tanaman bunga yang diimport dari luar negeri.

an yang terjungkat lantainya kerana paku yang sudah berkarat ia tergesa-gesa balik ke rumah mengambil tukul, paku dan papan yang baik untuk memperbaiki kerosakan itu.

Setelah kawannya betul-betul memahami pendirian Herman yang dikenalnya secara lebih dekat dari pergaulan mesra itu, banyak hikmat yang diperolehi yang mendatangkan kesan erti perjalanan penghidupan yang sebenar.

Sebelum ia berkawan dengan Herman, dia adalah seorang pembengis, pemanas, pemerias, kaki gaduh, kaki botol dan lupa semua suruhan Tuhan. Syukur alhamdulillah sekarang dia sudah berubah dan bertaubat Nasuha. Dia tidak akan mengulangi perkara yang tidak men-

ke surau untuk ikut berrimam dengan orang-orang kampung. Orang-orang kampung sungguh menyenangi kehadirannya. Ia peramah dan lemah lembut tutur bahasa dan tidak meninggikan diri. Seluruh pelusuk kampung itu sudah tahu tentang Herman dan sehati tidak payah hendak dikenalkan lagi. Pergi saja ke surau, ia akan berada di sana.

Seminggu sudah berlalu Pak Uda, Ketua Kampung hairan dan mencari-cari Herman di dalam surau itu. Masing-masing bertanya-bertanya maling-maling. Seorang anak buah di kampung itu bernama Jinin menceritakan ia telah bermimpi melihat Cikgu Herman telah dibawa bidadari dari kayangan dan membawanya terbang ke atas awan.

Seorang lagi anak



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 19 MAC	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Space Goofs'	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - 'Menyimpul Harapan'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	GOL-GOL BRUNEI - Siaran Langsung	MALAM		9.25	HALUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG				7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.20	SKOP	10.30	COSBY SHOW - 'Dating Games'
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	CAFE DIGITAL	7.41	AZAN ISYAK	11.00	BEYOND CHANCES
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 20 MAC	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
					4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/FRACASSE	6.45	FIQHUL MIRATHS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT						
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL			10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.30	THE ULTIMATE GUIDE - 'Whales'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	DOKUMENTARI : HARI PERHUTANAN SEDUNIA
			4.00	LAGU KEBANGSAAN			7.25	WARTA ISLAM	11.30	WAYANG PILIHAN - 'Close Contact'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	7.42	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 21 MAC	PAGI		11.15	HERBA	2.30	DINAMIK - Siaran		SONTORIAN	7.20	GAYA
			11.30	BERITA		Langsung	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.40	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 -	3.00	TAYANGAN GAMBAR	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN		Ulangan		- 'Militant Eagle'	6.00	SYIAR MASJID - 'Masjid	9.00	MENDULANG
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	BRUM				Kampong Batu Marang'		ANUGERAH - 'Nyala Rasa'
	6.12	RAMPAI PAGI -	12.30	SEMPAHDYANG FARDU	3.37	AZAN ASAR	6.32	AZAN MAGHRIB	9.30	MEDICAL DIARY
		Siaran Langsung		JUMAAT- Siaran Langsung	3.48	TAYANGAN GAMBAR	6.45	AN NAZHAFAH	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA				- Sambungan			10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG		4.30	ANIMATION HOUR :	MALAM		10.55	TELEDRAMA -
		Sambungan				VOLTRON -DEFENDER				'Kemelut Kasih'
	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI		OF THE UNIVERSE/USOP	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	
	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA							

S A B T U 22 MAC	PAGI		10.00	SUSUNAN RANCANGAN		Pencapaian Kesihatan'		ANDROMEDA - 'The	6.45	PEDOMAN AQIDAH
			10.10	ANIMATION HOUR:	12.29	AZAN ZUHUR		Honey Offering'		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		SAGWA : THE	12.35	DOKUMENTARI -	3.36	AZAN ASAR		MALAM
		KEBANGSAAN		CHINESE SIAMESE		Sambungan	4.15	BEYOND 2000		
				CAT/STREET SHARKS	PETANG		4.45	ANIMATION HOUR :	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN						ENGMA	7.25	SUPERCITIES
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	BIOLOGIC				MY BEST FRIEND IS AN	7.41	AZAN ISYAK
		Siaran Langsung	11.30	BERITA	1.00	PANGGUNG PETANG		ALIEN	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	11.40	DRAMA - 'Koma'		SABTU - 'Destroying	5.45	BERITA	8.50	TRADITIONAL MUSIK
				- (Ulangan)	2.30	Angel'	5.55		10.00	NEWS AT 10
9.15	RAMPAI PAGI -	12.15	DOKUMENTARI :	3.00	TINJAUAN - Ulangan		LALUAN SUTERA -	10.30	TAYANGAN GAMBAR	
	Sambungan		- 'Wawasan Dan	3.30	SPORT PAGE		Ulangan		- 'The Alchemists'	
					GENE RODDEN BERRY'S	6.31	AZAN MAGHRIB	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

A H A D 23 MAC	PAGI	10.10	RANCANGAN SESAME STREET	4.30	LEAGUE 2002/2003 - PREVIEW	4.30	KAUNSELING MASYARAKAT - 'Masalah Remaja Mengandung Tanpa Ayah Sah'	MALAM	7.05	PRISMA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	TAMAN ABC	1.45	ENGLISH PREMIER	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.41	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.45	LEAGUE 2002/2003 BINTANG KECIL 2003 - 'Separuh Akhir Keempat'	5.35	SALAM NUSANTARA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Kickboxing Academy'	3.30	MASAK APA?	5.45	BERITA	8.50	FORUM KESELAMATAN JALAN RAYA
	9.00	BERITA	12.29	AZAN ZUHUR	3.41	AZAN ASAR	6.31	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		4.00	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	6.45	AT TIBBUL ISLAM	10.30	TIRAI KELUARGA 'Pakis'
	10.00	SUSUNAN	1.20	ENGLISH PREMIER					11.00	GUINNESS RECORDS: PRIME TIME
									11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 24 MAC	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.31	AZAN MAGHRIB		Kembali Berbunga'	
		10.00	SIARAN TAMAT		THOUCHE PRICE OF THE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.25	RITMA - Ulangan	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	PETANG		STEET/BOB MORANE	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
		KEBANGSAAN						10.30	COURAGE	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	LIGA PERDANA	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	SAJIAN ORIENTAL		MALAYSIA - 'Brunei
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN			7.40	AZAN ISYAK		Darussalam vs Perak"
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN	6.00	AFRICA FROM THE	8.00	BERITA NASIONAL	11.30	DOA DAN SIARAN
	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN		GROUND UP	8.50	DRAMA - 'Musim Cinta		TAMAT

S E L A S A 25 MAC	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		Ulangan	7.40	AZAN ISYAK
				Sambungan	4.15	ANIMATION : 'TOTALLY SPIES'	6.31	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	5.00	NATURAL HISTORY -	6.45	AL ISLAM	8.50	TINJAUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG			'Earthviews... Ancient Mariners The Sea Turtle Story'		MALAM	9.30	CERMIN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.00	DRAMA - SAYEMBARA	11.45	E.R. - 'Be Still My Heart'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Pintu' -	7.15	DOKUMENTARI - KERINGAT - Ulangan	11.30	LADY COP
									12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

TERASUL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK

Dari muka 2a

Terasul kepada putera gahara yang dimasyhurkan sebagai Pengiran Muda Mahkota ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji (nama peribadi), ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji (nama peribadi ayah) Mu'izzaddin Waddaulah. Terasul Pengiran Muda Mahkota terdiri daripada unsur-unsur (1) Rujukan kehormatan (Duli Yang Teramat Mulia), (2) Rujukan kehormatan tambahan (Paduka Seri), (3) Gelaran jawatan (Pengiran Muda Mahkota), (4) Gelaran warisan (Pengiran Muda), (5) Gelaran keagamaan (Haji), (6) Nama peribadi (...), (7) Penanda jantina (ibni), (8) Rujukan kehormatan khas ayah (Kebawah Duli Yang Maha Mulia), (9) Rujukan kehormatan tambahan ayah (Paduka Seri), (10) Rujukan khas ayah sebagai sultan (Baginda), (11) Gelaran jawatan ayah (Sultan), (12) Gelaran keagamaan ayah (Haji), (13) Nama peribadi ayah (...), dan (14) Nama gelaran ayah dalam Bahasa Arab (Mu'izzaddin Waddaulah). Jumlah bilangan unsur-unsur dalam Terasul kepada Pengiran Muda Mahkota ialah empat belas unsur.

Terasul kepada putera gahara yang diarak menjadi wazir adalah mengikut nama gelaran wazir yang mereka sandang. Dalam pentadbiran

beradat, terdapat lima gelaran wazir yang lazim dikurniakan kepada putera gahara iaitu Pengiran Perdana Wazir, Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong. Bagaimanapun dalam konteks pentadbiran beradat pada masa ini, tidak ada individu yang menyandang gelaran Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong. Dengan yang demikian, Terasul kepada putera gahara yang diarak menjadi wazir mengikut susunan gelaran wazir-wazir yang ada pada masa ini, yakni wazir-wazir yang terdiri daripada putera-putera sultan Brunei yang ke-28 adalah seperti berikut:

(a) Pengiran Perdana Wazir - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji (nama peribadi) diikuti oleh penanda jantina, rujukan individu yang telah meninggal dunia, gelaran jawatan ayah, gelaran keagamaan ayah, nama peribadi ayah dan nama bintang-bintang dan pingat-pingat yang diterima.

(b) Pengiran Bendahara - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda diikuti oleh (lihat Pengiran Perdana Wazir).

(c) Pengiran Digadong - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda diikuti oleh (lihat Pengiran Perdana Wazir).

Berdasarkan Terasul-terasal kepada wazir-wazir yang terdapat dalam Nama-nama Gelaran dan Orang-orang Yang Dikurniakan gelaran (Jabatan Istiadat Negara, tanpa tahun) jumlah bilangan unsur-unsur Terasul kepada wazir-wazir yang disebutkan di atas ialah tiga belas unsur iaitu (1) Rujukan kehormatan (Yang Teramat Mulia), (2) Rujukan kehormatan tambahan (Paduka Seri), (3) Nama penuh gelaran yang disandang (sebagaimana yang disebutkan di atas), (4) Gelaran warisan (Pengiran Muda), (5) Gelaran keagamaan (Haji), (6) Nama peribadi (...), (7) Penanda jantina (ibni), (8) Rujukan individu yang telah meninggal dunia (Al-Marhum), (9) Jawatan ayah (Sultan), (10) Gelaran keagamaan ayah (Haji), (11) Nama peribadi ayah (...), (12) Nama gelaran ayah dalam bahasa Arab (Sa'adul Khairi Waddien) dan (13) Nama bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat.

Terasul kepada putera gahara yang lain terdiri daripada (1) Rujukan kehormatan (Yang Teramat Mulia), (2) Rujukan kehormatan tambahan (Paduka Seri Duli), (3) Gelaran

warisan (Pengiran Muda), (4) Gelaran keagamaan (Haji), (5) Nama peribadi (...), (6) Penanda jantina (ibni), (7) Rujukan kehormatan khas ayah (Kebawah Duli Yang Maha Mulia), (8) Rujukan kehormatan tambahan ayah (Paduka Seri), (9) Rujukan khas ayah sebagai sultan (Baginda), (10) Gelaran jawatan ayah (Sultan), (11) Gelaran keagamaan ayah (Haji) dan (12) Nama peribadi ayah (...), dan (13) Nama gelaran ayah dalam bahasa Arab (Mu'izzaddin Waddaulah). Jumlah bilangan unsur-unsur yang terdapat dalam Terasul kepada putera gahara yang lain ialah tiga belas unsur.

Contoh-contoh Terasul kepada putera-putera gahara yang dikemukakan di atas berbeza dalam beberapa unsur. Terasul kepada putera gahara yang lain tidak mengandungi unsur gelaran kurniaan, situasi ini dengan jelas menunjukkan bahawa putera gahara yang tidak menyandang gelaran kurniaan yakni gelaran wazir. Dengan yang demikian situasi ini turut memantapkan bahawa putera gahara yang lain berstatus lebih rendah berbanding dengan putera gahara yang

menyandang gelaran kurniaan.

Selain itu, kedudukan frasa nama Duli dalam Terasul kepada putera gahara yang lain berbeza dengan kedudukan frasa nama Duli dalam Terasul kepada Pengiran Muda Mahkota dan Terasul kepada wazir-wazir. Dalam Terasul-terasal kepada Pengiran Muda Mahkota dan Wazir-wazir frasa nama Duli diletakkan di permulaan atau di pangkal Terasul masing-masing, sementara dalam Terasul kepada putera gahara yang lain frasa nama Duli diletakkan sebelum gelaran Pengiran Muda. Kelainan kedudukan frasa nama Duli dalam Terasul-terasal kepada putera-putera gahara, sebenarnya memantapkan kelainan status di kalangan mereka.

Frasa nama Duli dalam Terasul-terasal kepada Pengiran Muda Mahkota dan wazir-wazir adalah pemulukan kepada status mereka sebagai putera gahara dan status mereka sebagai penyanggah gelaran kurniaan. Frasa nama Duli dalam Terasul kepada putera gahara yang lain adalah sebagai pemulukan kepada status mereka sebagai putera

gahara sahaja.

Terasul kepada puteri gahara terdiri daripada (1) Rujukan kehormatan (Yang Teramat Mulia), (2) Rujukan kehormatan tambahan (Paduka Seri), (3) Gelaran warisan (Pengiran Anak Puteri), (4) Gelaran keagamaan (Hajah), (6) Penanda jantina (binti), (7) Rujukan kehormatan khas ayah (Kebawah Duli Yang Maha Mulia), (8) Rujukan kehormatan tambahan ayah (Paduka Seri), (9) Rujukan khas ayah sebagai sultan (Baginda), (10) Gelaran jawatan ayah (Sultan), (11) Gelaran keagamaan ayah (Haji), (12) Nama peribadi ayah (...), (13) Nama gelaran ayah dalam bahasa Arab (...), (14) Jumlah bilangan unsur-unsur dalam Terasul kepada puteri gahara ialah tiga belas unsur.

Jumlah bilangan unsur-unsur dalam Terasul kepada puteri gahara sama dengan jumlah bilangan unsur-unsur dalam Terasul kepada putera gahara yang lain (kecuali Terasul kepada Pengiran Muda Mahkota yang terdiri daripada empat belas unsur). Persamaan jumlah bilangan unsur-unsur dalam Terasul kepada puteri gahara dan puteri gahara tidak bermakna status di antara kedua-dua golongan ini sama atau setaraf. Terasul kepada puteri gahara tidak mengandungi frasa nama Duli, sebagaimana yang terdapat dalam Terasul kepada semua putera gahara termasuk Pengiran Muda Mahkota.

Dalam konteks pentadbiran beradat, puteri-puteri sultan, yakni sama

ada puteri gahara atau puteri tidak gahara (perempuan) tidak berhak menaiki takhta. Oleh kerana itulah frasa nama Duli hanya dibubuh pada gelaran atau nama putera-putera sultan, iaitu individu yang mempunyai hak untuk ditabalkan menjadi sultan. Situasi ini, iaitu (+ Duli) atau (- Duli) di kalangan putera-putera sultan memantapkan kelainan status dari segi perwarisan takhta. Puteri-puteri sultan walau pun berstatus sebagai puteri-puteri gahara tidak berhak menjadi raja menggantikan sultan.

Terasul-terasal kepada putera tidak gahara dan puteri tidak gahara ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji/Hajah ... (nama peribadi) ibni/binti diikuti oleh rujukan-rujukan kehormatan ayah, jawatan ayah, nama peribadi ayah, yakni unsur-unsur yang berkaitan atau berkenaan dengan ayah kepada putera tidak gahara atau puteri tidak gahara berkenaan.

¹ Pembubuhan nama-nama bintang kebesaran dan nama-nama pingat ke dalam Terasul seseorang individu, bergantung kepada sama ada individu berkenaan telah dikurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat. Berdasarkan contoh-contoh penggunaan Terasul yang diterima, didapati bahawa nama-nama bintang kebesaran dan nama-nama pingat seseorang individu hanya disebutkan dalam sapaan surat-menyurat. Dengan demikian, nama-nama yang diterima, didapati bahawa nama-nama bintang kebesaran dan nama-nama pingat seseorang individu hanya disebutkan dalam sapaan surat-menyurat. Dengan demikian, nama-nama bintang kebesaran dan nama-nama pingat tidak perlu disebutkan dalam sapaan berbentuk ucapan.

BERSAMBUNG

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

- BERAPA ramai yang menerima anak-anak kunci rumah dan lot-lot rumah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin Mentiri yang lalu?
 - 126 orang.
 - 261 orang.
 - 162 orang.
- SIAPAKAH penerima Anugerah Khas Tokoh Pengasas Gerakan Koperasi Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari lalu?
 - Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laifa Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner.
 - Awang Haji Md. Zain bin Haji Abdul Ghaffar.
 - Awang Haji Junaidi bin Abdullah.
- Apakah tajuk Menuju Keredaan Allah PELITA BRUNEI keluaran 8 Januari 2003?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alat berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 19 Februari 2003.
- A 2. B 3. 'Zakat Fitrah Melengkapkan Ibadat Puasa'.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 573

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 573,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 19 FEBRUARI 2003

MOHD. SUFIAN BIN MOHIDDIN,
UMUR : 6 TAHUN
NO. 22 SIMPANG 20-16, JALAN 83,
PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC2515.
SEKOLAH RENDAH TUNGKU, GADONG.

SIDANG KE-42 MABBIM DAN SIDANG KE-8 MASTERA



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyerahkan kain jong sarat kepada Yahya M.S. - Gambar oleh Hamadi HM.

Yahya M.S. penerima pertama Anugerah MASTERA 2003

JERUDONG, 9 Mac. - Yahya M.S. atau nama sebenarnya Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim diangkat sebagai penerima pertama Anugerah Sastera MASTERA 2003, Negara Brunei Darussalam.

Sebelum mengangkat nama Yahya M.S. untuk diclon sebagai penerima pertama Anugerah Sastera MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara) 2003, beliau bersama 24 penulis yang lain telah melalui beberapa tapisan untuk dinilai ketokohan mereka.

Daripada jumlah itu, beliau bersama dua penulis yang lain iaitu Badaruddin H.O. (Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin) dan Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid telah dipilih untuk calonkan ke peringkat akhir oleh Jawatankuasa Tertinggi (Panel Pusat) Anugerah Jawatankuasa Tertinggi sebutlah suara mengangkat Yahya M.S. sebagai penerima Anugerah Sastera MASTERA bagi tahun 2003.

Pemilihan beliau berdasarkan kepada ketokohan Yahya M.S. sebagai seorang ulama dan pemikir Islam baik dari segi pendirian dan peribadinya, selain lebih awal berkarya, banyak menerima pengiktirafan dan aktif mengikuti perkembangan kesusasteraan dalam dan luar negeri sekalipun perkara ini luar dari

pada tugas beliau sebenarnya.

YDM telah menerima sejumlah \$10,000.00, sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) bersama watak pengiktirafan dan sebidang kain jong sarat, selain menerima penginapan percuma yang disumbangkan oleh Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Selain nama pena Yahya M.S. beliau juga pernah menggunakan nama lain seperti Madah Sastri, Yusma Hariry dan Maya Borneo.

Beliau dilahirkan di Kampong Lurong Sikuna pada 21 Ogos 1939 dan berumah tangga dan dikurniakan tiga orang anak bersama Datin Hajah Maimunah binti Ambak kini menetap di Kampong Manggis Dua.

Di awal kerjaya, beliau pernah berkhidmat sebagai guru agama sewaktu menunggu keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir dan sehingga sekarang beliau telah dilantik untuk menyandang jawatan sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dalam penulisan, beliau telah menghasilkan beberapa buah sajak bermula di bangku sekolah dalam tahun 1953 dengan menghasilkan tiga buah sajak iaitu 'Yang Mencari Bahagia', 'Kita Pasti Merdeka' dan 'Keindahan'.

Di samping itu beliau juga berjaya melahirkan tiga buah antologi sajak, 'Warna Mengugat Zaman' yang mengandungi 119 buah sajak, 'Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang' mengandungi 95 buah sajak dan 'Jalan Perak Dari Sekolah Melayu Ke Masjid Haram di Makkah Al-Mukarramah' mengandungi 29 buah sajak.

Dalam ucapan penerimaan yang terkandung dalam buku Program Anugerah Sastera MASTERA Brunei Darussalam 2003, Yahya M.S. berkata, sebagai penerima pertama Anugerah Sastera MASTERA tahun 2003 ini, beliau menerimanya dengan penuh kesyukuran dan menganggap sebagai suatu tanda penerimaan dan pemahaman yang jelas terhadap keputusan perutusan hasil karya sastera yang telah dapat beliau sumbangkan selama hampir setengah abad.

Ia juga tambahnya, merupakan tanda wujud tali perhubungan yang kuat dan teguh di antara seorang penulis dengan masyarakat di sekelilingnya.

Perhubungan dan penerimaan inilah yang telah mendorong kepada penulis untuk terus menyumbangkan fikiran dengan tujuan berbakti kepada masyarakat yang sentiasa ingin menerima bakti itu untuk dijadikan bahan-bahan pembangunan jiwa manusia dalam pelbagai segi, katanya.

Beliau berharap agar kesusasteraan yang berperanan sebagai media untuk pembangunan akan terus hidup dan berkembang maju.

MABBIM pilih istilah sama pelbagai bidang ilmu

JERUDONG, 9 Mac. -

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) telah berusaha sedaya upaya untuk bersetuju memilih istilah yang sama dalam pembentukan ratusan istilah pelbagai bidang ilmu.

Langkah-langkah seterusnya ialah memasyarakatkan istilah-istilah tersebut terutamanya melalui institusi pendidikan dan media massa, tambahnya.

Yang Berhormat berucap di Majlis Perasmian Sidang Ke-42 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Sidang Ke-8 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dan Sambutan 30 Tahun MABBIM berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Di samping itu jelasnya, MABBIM sedang merancang beberapa projek dan kegiatan lain untuk memperingkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu/Indonesia supaya tidak ketinggalan oleh bahasa-bahasa lain terutama bahasa Inggeris.

Menurut Yang Berhormat, kita mengakui kepentingan bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa perantaraan di dunia, namun tidak boleh dijadikan alasan untuk mengeneikan bahasa ibunda kita, bahasa Melayu/Indonesia.

Katanya, sesuatu usaha perlu difikirkan untuk memartabatkannya sebagai salah satu bahasa rasmi forum serantau atau antarabangsa, memandangkan dalam dunia Melayu, sejumlah 220 juta orang boleh berbahasa Melayu/Indonesia dan merupakan jumlah yang bukan kecil.

Sementara Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam antara lain berkata, Sidang

Oleh Haji Ahmad HS

Ke-42 MABBIM akan membincangkan projek dan kegiatan kebahasaan yang termasuk dalam rancangan lima tahun.

Kewujudan MABBIM selama 30 tahun telah banyak menyelesaikan hal-hal yang berhubung kait dengan bahasa Melayu/Indonesia terutama soal istilah, sistem ejaan rumi dan jawi serta pembakuan bahasa, selain kejayaan untuk menerbitkan Kamus Bahasa Nusantara yang diamankan kepada Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama ketiga-tiga negara anggota MABBIM.

Sidang Ke-8 MASTERA pula jelasnya telah banyak melaksanakan projek dan kegiatan bagi membina dan mengembangkan sastera Melayu/Indonesia melalui seminar, bengkel, kuliah, penerbitan dan pemberian hadiah dan anugerah.

Di majlis itu tetamu kehormat menyampaikan Anugerah Sastera MASTERA yang diterima oleh tiga orang sasterawan negara ahli MABBIM iaitu Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dengan nama pena Yahya M.S., yang terpilih menerima Anugerah Sastera MASTERA 2003.

Penerima dari Malaysia ialah ARENA WATI atau nama sebenarnya Muhammad bin Abdul Biang @ Andi Muhammad Dahlan bin Andi Buyung, manakala penerima Indonesia ialah Ajip Rosidi.

Penerima Anugerah Sastera MASTERA menerima sejumlah \$10,000.00 bersama watak pengiktirafan dan kain jong sarat setiap seorang.

Hadiah wang tunai adalah sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Syarikat Minyak Brunei Shell, Bank Islam Brunei Berhad dan Kumpulan DST, manakala sumbangan tiket dan penginapan diberikan oleh Penerbangan Diraja Brunei dan Empire Hotel and Country Club.

Selain itu sebanyak 12 syarikat juga menyumbangkan hadiah berbentuk barangan kepada penerima Anugerah MABBIM dan Sastera MASTERA.

Di majlis itu Yang Ber-

hormat juga menyampaikan Anugerah Tokoh, Ilmuwan dan Anugerah Khas MABBIM.

Penerima Anugerah Tokoh MABBIM dari Negara Brunei Darussalam ialah Pegawai Tugus-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr, sementara dari Republik Indonesia, Dr. Hassan Alwi dan Profesor Emeritus Dato' Dr. Hajjah Asmah binti Haji Omar dari Malaysia.

Bagi Anugerah Ilmuwan, penerima dari Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin; Malaysia, Profesor Dr. Takhiah Mohd. Iskandar dan Republik Indonesia pula ialah Dr. Sugito Wondireka.

Anugerah Khas MABBIM diterima oleh Pegawai Bahasa Kanan, Awang Hanafiah bin Haji Awang Zaini, manakala dari Republik Indonesia, Drs. Hasjimi Dini dan dari Malaysia Ismail bin Dahaman.

Selepas itu Yang Berhormat juga melancarkan beberapa buah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan MABBIM.



TETAMU kehormat melancarkan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Hamadi HM.

Sambutan Hari Kebangsaan di Tokyo

TOKYO, 24 Februari. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 di Hotel New Otani, Tokyo.

Seramai 300 jemputan menghadiri sambutan itu. Antara jemputan yang hadir ialah Puan Yang Terutama Mayuni Moriama, Menteri Kehakiman Jepun; Tuan Yang Terutama Hiroshi Kumagai, Pengerusi Liga Ahli-Ahli Parlimen Jepun Bagi Mempertingkatkan Persahabatan Jepun dan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Parti Konservatif Baru; Masahiro Kimura, 'Master of the Ceremonies', Imperial Household Agency; Hiroshi Watanabe, Pengerusi Persatuan Persahabatan Jepun-Brunei; Yukio Masuda, 'Senior Executive Vice President and CEO, Mitsubishi Corporation; dan Hisanori Yoshimura, Senior Vice President, Mitsubishi Corporation.

Hadir sama ialah ahli-ahli parlimen, Duta-duta Besar, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan presiden/timbalan presiden syarikat-syarikat, presiden dan timbalan presiden institusi-institusi pengajian, peniaga-peniaga, para diplomat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Jepun dan pegawai-pegawai Negara Brunei Darussalam yang berada di Tokyo.

TINJAUAN MELALUI LAMAN WEB

LEMBAGA Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dengan kerjasama 'The Monitor Group' akan mengadakan tinjauan melalui laman web mengenai daya saing ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Tinjauan itu boleh didapati melalui laman web di alamat : www.monitor.com/brunei dari 1 Mac 2003 sehingga 31 Mac 2003.

BEDB dan 'The Monitor Group' amat mengalu-alukan kerjasama serta penyertaan awda bagi menjayakan tinjauan ini.

Semua keterangan adalah dirahsiakan sepenuhnya.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin dan Dayang Jaayah Mohd. Daud bersama Puan Yang Terutama Mayuni Moriama, Menteri Kehakiman Jepun dan Ambassador Nobutake Odano, Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun.

A SEMPENA PERTABALAN DAN KEMAHKOTAAN

LIPUTAN SAHARI AKIM
GAMBAR-GAMBAR OLEH HALIM HAJI SULAIMAN

Sultan Selangor, ahli-ahli kerabat diraja Selangor, Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Khir Toyo, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan orang-orang kenamaan Selangor.

Sementara itu sebelum berangkat pulang dari Selangor pada petang keesokan harinya, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, para pembesar Selangor, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia serta orang-orang kenamaan Negeri Selangor.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ditabal dan dimahkotakan pada 8 Mac 2003, diisytiharkan sebagai Sultan Selangor Ke-9 pada 21 November 2001 berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



BAGINDA menerima junjung ziarah ahli-ahli kerabat diraja Selangor Darul Ehsan di Anjung Utama Istana Alam Shah.



Maha Mulia merakamkan gambar kenangan bersama Kebawah Duli Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, berserta Duli-duli Yang Sultan Kelantan, Sultan Kedah, Yang Di-Pertuan Besar Negeri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama Duli-duli Yang Maha Mulia Permaisuri Raja-raja Malaysia sebelum berangkat menghadiri Majlis Persantapan Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta Duli-duli Yang Maha Mulia Permaisuri Raja-raja Malaysia memasuki Balai Persantapan Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah sejourus berangkat tiba di hotel persemayaman.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sejourus tiba di lapangan terbang sebelum berangkat pulang.

Permuzakarahen peluang bertukar fikiran dalam mendukung perpaduan, pembangunan

BERAKAS, 15 Mac. - Permuzakarahen merupakan usaha yang dapat dijadikan sebagai peluang untuk bertukar-tukar pendapat, buah fikiran dan sebagainya dalam sama-sama mendukung perpaduan dan pembangunan negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatukan demikian di Majlis Dialog Ramah Mesra Bersama Peniaga-peniaga Melayu yang berlangsung di Bilik

Oleh
Siti Aishah HS

Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan di sini.

Beliau menambah Kementerian Kewangan mengalu-alukan tindak balas dan cadangan baik serta membina dari pihak dewan dalam sama-sama memajukan Negara Brunei Darussalam amnya.

Antara isu-isu yang diperbincangkan mengenai

masalah kewangan, meliputi Persatuan Bank Brunei, kemudahan pinjaman, isu pengisytiharan mufis, kemudahan pembayaran, pembentukan pembinaan dan pemeliharaan serta isu skim pemodalan SME.

Dialog tersebut antara lain bertujuan memberikan penjelasan mengenai apa jua isu yang dibangkitkan untuk diambil perhatian dan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi penelitian lanjut.

Antara yang hadir di

majlis itu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut selaku Pengerusi Majlis; Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Awang Haji Metassan bin Momin; Pemangku Pengarah Institut Kewangan, Pengarah Tugas-Tugas Khas di Bahagian Hasil, Pemangku Pengarah Tugas-Tugas Khas Pusat Kewangan Antabangsa Brunei berserta pegawai-pegawai Kementerian Kewangan dan ahli Dewan Peniagaan Melayu Brunei



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman semasa mengadakan dialog bersama para peniaga Melayu. - Gambar oleh Masri Osman.

JANGAN LAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA

MENURUT laporan Jabatan Perkhidmatan Bomba, jumlah panggilan mengenai kebakaran rumput dan hutan telah meningkat semenjak beberapa hari kebelakangan ini. Kebakaran berlaku semasa keadaan cuaca panas dan kering di Negara Brunei Darussalam. Ini telah memudahkan kebakaran berlaku dan merebak. Pada masa yang sama beberapa 'hotspots' atau kebakaran besar juga telah dikesan melalui gambaran satelit. Berdasarkan gambaran satelit pada 11 Mac lepas sebanyak 21 'hotspots' telah dikesan di Pulau Sumatra dan lapan 'hotspots' di Pulau Borneo. Tidak ada 'hotspots' dikesan di dalam Negara Brunei Darussalam.

Disebabkan kebakaran yang berlaku di luar dan di dalam negeri, maka kualiti udara di Negara Brunei Darussalam juga turut terjejas oleh keadaan berjerembu. Secara amnya kualiti

udara di negara ini berada di dalam tahap 'sederhana' mengikut sukatan Indeks Pencemaran Udara (PSI). Walau bagaimanapun kualiti udara di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kebakaran akan lebih terjejas dan harus dielakkan.

Untuk tidak memburukkan lagi keadaan jerebu dan untuk mencegah berlakunya kebakaran hutan dan rumput, setiap orang adalah dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan apa jua tindakan yang boleh mencekutkan kebakaran hutan dan rumput.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk melaporkan kejadian kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba melalui talian telefon 995.

Minggu Maklumat bantu pelajar, orang ramai peka terhadap maklumat

TUNGKU, 10 Mac. - Minggu Maklumat anjuran Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam memberi peluang dan membantu keperluan para pelajar, pihak persendirian, organisasi tempatan dalam meningkatkan kepekaan dan kepentingan maklumat.

Program berkenaan juga bagi membantu penuntut Universiti Brunei Darussalam (UBD) di bidang maklumat untuk mengetahui cara melayari maklumat dengan berkesan.

Program itu juga merupakan usaha Perpustakaan UBD yang giat membuat perkongsian maklumat bagi meningkatkan kerjasama dengan institusi-institusi di dalam dan di luar negara.

Naib Canselor UBD, Dr.

Oleh Samle HJ

Haji Ismail bin Haji Duraman merasmikan Program Minggu Maklumat di Kampus UBD, hari ini.

Sempena pelancaran, penandatanganan Perjanjian Persefahaman JALINAN (Joint Academic Libraries Network) di antara Perpustakaan UBD dan tujuh institusi pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam.

UBD telah diwakili oleh Naib Canselor, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Sementara itu, wakil tujuh institusi pendidikan tinggi ialah Ketua Perpustakaan UBD, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny; Ketua Pegawai

Eksekutif Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar; Pengarah Institut Teknologi Brunei, Awang Haji Mohd. Yusra bin Awang Haji Abdul Halim dan Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Dayang Hajah Suraya.

Juga menandatangani ialah Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang; Pemangku Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Awang Nazamshah bin Haji Ibrahim dan Pemangku

Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar.

JALINAN dihasratkan bagi merapatkan, memberi kemudahan kesemua institusi yang terlibat mendapatkan dan bertukar maklumat kepada semua pengguna.

JALINAN merupakan wadah kepada pustakawan tempatan bagi berinteraksi dan berkongsi pengalaman dalam pertukaran maklumat di kalangan institusi yang menyertainya.

Sepanjang program selama lapan hari itu, sesi ceramah, seminar dan pameran penghasilan maklumat juga diadakan di Perpustakaan UBD.

JANGKITAN PERNAFASAN : TIADA KES KLINIKAL

KEMENTERIAN Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kejadian wabak Jangkitan Pernafasan (Acute Respiratory Syndrome) yang pada masa ini sedang melanda Hongkong SAR, Provinsi Guangdong, Republik Rakyat China dan Hanoi, Vietnam.

Pihak Kementerian Kesihatan Singapura juga mengesahkan laporan terdapatnya beberapa kes yang serupa setelah kembali dari melawat Hongkong SAR. Menurut laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tanda-tanda penyakit ini menyerupai penyakit demam selesema atau 'flu' yang boleh mengakibatkan radang paru-paru.

Pada masa ini dengan kerjasama pihak kesihatan tempat-tempat berkenaan sedang menyiasat punca wabak tersebut. Setakat

yang diketahui jangkitan ini mungkin berpunca dari virus yang tersebar melalui titisan cecair hidung dan mulut di kalangan mereka yang berhubungan rapat dengan kes.

Sehubungan dengan itu sebagai langkah berjaga-jaga orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak mengunjungi kawasan-kawasan yang terlibat di Vietnam, Hongkong SAR dan China Selatan, kecuali jika benar-benar perlu.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa setakat ini alhamdulillah tidak ada kes-kes klinikal yang serupa dilaporkan di negara ini. Kementerian Kesihatan insya-Allah sentiasa mengawasi perkembangan wabak penyakit tersebut mengikut tatacara pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit.

perkembangan pengguna dan perkhidmatan telekomunikasi.

Kerja-kerja persediaan bagi peralihan telah bermula lebih awal bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi berjalan lancar secara berterusan kepada pelanggan setelah pelaksanaan skim penomboran tujuh angka tersebut.

Skim penomboran tujuh angka meliputi semua nombor telefon talian biasa dan faks (pelanggan JTB) kecuali nombor-nombor tiga angka seperti nombor kecemasan: 991 (Ambulans), 993 (Polis) dan 995 (Bomba). Nombor-nombor yang didahului dengan angka '0' dan '1' tidak akan berubah. Manakala panggilan dari luar negeri ke Negara Brunei Darussalam juga tidak bertukar.

Pengguna telefon di Daerah Brunei dan Muara hanya perlu menambah prefix '2' di hadapan nombor enam angka yang sedia ada, sebagai misal jika nombor tersebut 663456, ia akan bertukar menjadi 2663456; bagi Daerah Tutong cuma ditambah '4'; bagi Daerah Belait ditambah '3' manakala Daerah Temburong tambah '5' dan bagi menghubungi pelanggan pager, cuma ditambah '8'.

Organisasi-organisasi yang menggunakan sistem PABX dinasihatkan menghubungi JTB Pusat Pemudulan Pelanggan '111' bagi sebarang pertanyaan mengenai perubahan sistem tersebut.

Jabatan Telekom Brunei ingin memastikan semua pengguna telekomunikasi mengetahui mengenai peralihan ini.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menandatangani Perjanjian Persefahaman JALINAN bersama wakil tujuh institusi pendidikan tinggi di negara ini. - Gambar oleh Abdullah HAD.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menyaksikan buku-buku dan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima junjung ziarah sejour sebelum berangkat. - Gambar oleh Halim HS.

DPPW berangkat hadiri Retreat Menteri Luar ASEAN

BERAKAS, 18 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah hari ini berangkat ke Kota Kinabalu, Sabah bagi menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN.

Retreat yang dihoskan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 20 Mac.

Antara agenda yang dijangka untuk di-

Oleh Abu Bakar HAR

bingkaskan termasuklah perkembangan semasa serantau dan antarabangsa serta hal-ehwal ASEAN yang menjadi kepentingan bersama.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Hadiri Retreat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN

BERAKAS, 13 Mac. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib bertolak ke Bali, Republik Indonesia atas undangan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama I Gede Ardika bagi menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi (Retreat) Menteri-menteri Pelancongan ASEAN bersama Menteri-menteri Pelancongan Republik Rakyat China, Republik Korea dan Negara Jepun (ASEAN +3) yang akan bermula esok.

Menurut kenyataan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Mesyuarat Retreat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN + 3 dijangka akan menumpukan perbincangan mengenai beberapa isu penting terutamanya perkembangan tindakan susulan dari keputusan Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN + 3 di Phnom Penh, Kemboja seperti Deklarasi Keselamatan Pelancongan ASEAN (Declaration On Tourism Safety and Security).

Selain itu, mesyuarat juga dijangka akan membincangkan langkah-langkah konkrit yang telah diambil di dalam memperkukuhkan lagi keselamatan destinasi dan tempat-tempat pelancongan (tourist destination and sites) dengan mengambil contoh langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Republik Indonesia berikutan tragedi di Bali.

Anak damit lahir 1 Muharam terima sumbangan

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 5 Mac. - Seramai tujuh orang anak damit yang selamat dilahirkan pada 1 Muharam 1424 Hijrah di Hospital Suri Seri Begawan di sini diraikan dalam Majlis Penyampaian Sumbangan hadiah yang diadakan di hospital berkenaan.

Tujuh orang anak damit itu tiga lelaki dan empat perempuan telah menerima sumbangan hadiah berupa pakaian dan keperluan anak damit dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Matyassin.

Selain itu tiga bank tempatan, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) turut memberikan sumbangan hadiah di majlis itu yang disampaikan oleh wakil ketiga-tiga bank tersebut.

TAIB menyumbangkan hadiah berupa Perlindungan Pelan Takaful Keluarga Untuk Pengajian sebanyak \$15.00 sebulan bagi tempoh 10 tahun dengan jumlah keseluruhan \$1,800.00 di samping hadiah sampingan berupa barang keperluan anak damit, manakala IBB dan Takaful IBB pula menyumbangkan \$500.00 bagi Akaun Al-Wadiah beserta gambar anak damit berkenaan dan keluarga masing-masing sebagai kenangan yang diletakkan dalam bingkainya dan IDBB memberikan sumbangan \$400.00 dan Takaful IDBB sebanyak \$100.00 beserta cenderamata.

Sementara itu majlis serupa juga telah diadakan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Tutong yang mencatatkan seorang anak damit selamat dilahirkan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Hephie.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail semasa menerima sumbangan buku daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Salman. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

DBP Malaysia sumbang buku, bahan interaktif

Oleh Samle HJ

TUNGKU, 11 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia mula mengorak langkah meningkatkan hubungan khusus dalam bidang yang berkaitan antara kedua-dua belah pihak.

"Sumbangan buku-buku terbitan DBP Malaysia ini merupakan sebahagian langkah permulaan bagi menjalin hubungan yang akan membuka lebih banyak peluang lagi di masa akan datang," jelas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Salman bin Ahmad di Majlis Penyerahan Buku-buku di Kampus UBD, petang tadi.

Tuan Yang Terutama yakin usaha murni kedua-dua pihak untuk meneroka pelbagai rancangan akan memberi kejayaan dan faedah.

Ketua Pengarah DBP Malaysia, Dato Haji Aziz Deraman pula menjelaskan pihaknya juga berhasrat untuk menyumbangkan lebih banyak buku terbitan DBP kepada UBD.

Katanya, selain sebagai usaha bagi mengeratkan lagi hubungan, ia juga dihasratkan bagi memban-

tu UBD menambah khazanah sumber maklumat.

Beliau juga melihat banyak lagi bidang yang boleh diusahakan bersama.

Menurut beliau, pihaknya dijangka akan mengatur beberapa pertemuan pakar bagi kedua-dua belah pihak khusus dalam pertukaran penyelidikan dan penerbitan seperti Sejarah Bahasa Melayu.

Antara buku yang disumbangkan termasuk Daftar Kata Bahasa Melayu bagi ejaan Rumi-Jawi, Kamus Bahasa, Tamadun Melayu, Pembinaan Bangsa Malaysia, Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dan Sekalung Budi Seuntai Bahasa.

DBP Malaysia juga menyumbangkan bahan interaktif berbentuk CD yang boleh diguna pakai untuk para pelajar dan guru.

Sementara itu, Suruh-anjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam juga menyumbangkan dua naskhah buku bertajuk 'Globalisation and The New Realities'.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa hadir di majlis berkenaan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Tabiat merokok gejala tidak sihat

BERAKAS, 13 Mac. - Penghijrahan merokok kepada tidak merokok adalah suatu pembaharuan dalam menghayati Hijrah untuk kehidupan kita kerana merokok bukanlah dari ajaran agama Islam.

Perkara tersebut disen-tuh oleh penceramah undangan Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Dr. Haji Muhammad Syahrini bin Haji Abdul Kahar semasa menyampaikan ceramah khas sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 anjuran Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah yang diadakan di Dewan Per-sidangan Utama, Kement-erian Pendidikan di sini.

Beliau menambah, asap

Oleh Siti Aishah HS

rokok lebih membahayakan orang sekeliling dan rokok tidak mengenal sesiapa. Justeru merokok adalah gejala yang tidak sihat dari segi kesihatan.

Terdahulu majlis dimu-lakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Haji Wasli bin Haji Abu Bakar.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin

Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar selaku tetamu kehormat; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Pemangku Setia-usaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Muhammad dan pegawai-pegawai serta kakitangan kementerian berkenaan.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan bagi Kementerian Pendidikan di samping bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan kement-erian berkenaan.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Matyassin menyampaikan sumbangan hadiah Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada pasangan Dayang Ferida Abd. Hamid dan Ghazali Jaafar. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

LAWATAN RASMI DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KE NEW ZEALAND

DYTM DIBERIKAN SAMBUTAN MERIAH

WELLINGTON, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diberikan sambutan meriah di majlis mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke New Zealand yang diadakan di Rumah Kerajaan di sini pagi ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Rumah Kerajaan dialu-alukan oleh Tuan Don Smith, Pengurus Bahagian Perkhidmatan Rumah Kerajaan Wellington. Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia disembahkan kepada wakil-wakil puak asli New Zealand yang dinamakan upacara Hongi dan kemudiannya menyaksikan upacara mengalu-alukan secara tradisi puak Maori.

Sambil itu Duli Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai upacara tradisi puak Maori bagi menghormati perantau asing yang datang ke New Zealand oleh Tuan John Tahuparae, wakil puak Maori di sini.

Menurut Tuan John Tahuparae ada beberapa upacara untuk sambutan seumpama itu. Upacara

Wero ataupun cabaran ialah upacara bagi pahlawan-pahlawan Maori mencabar perantau asing yang datang untuk menentukan niat sebenar kedatangan mereka, sama ada baik ataupun sebaliknya. Dalam upacara ini puak Maori telah menunjukkan kehebatan seni mempertahankan diri yang agresif dan berbakat.

Upacara Karanga pula ialah upacara bagi mengalu-alukan kedatangan orang asing yang bermula dengan pahlawan-pahlawan Maori menghampiri perantau asing dan menempatkan sejenis senjata yang dinamakan Rakau Tapu ataupun lembing suci di hadapan perantau tersebut, dan perantau itu pula akan mengambil lembing suci itu sambil melihat mata pahlawan berkenaan. Ini akan diikuti jeritan penuh kegembiraan bagi mengalu-alukan kedatangan perantau tersebut.

Setelah mereka mengakui akan niat sebenar pendatang asing itu adalah baik dan mengalu-alukan kedatangan tetamu mereka itu, maka persembahan yang dinamakan Haka pun disembahkan dengan penuh meriah.

Selepas upacara mengalu-alukan secara tradisi puak Maori itu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk berjumpa bersama Puan Yang Terutama Dame Silvia Cartwright, Gabenor Jeneral New Zealand dan suami, Tuan Yang Terutama Peter Cartwright.

Kemudiannya Duli Yang Teramat Mulia berkenan pula menyaksikan persembahan Haka para penuntut Wellington College Kapa Haka.

Puak Maori yang merupakan puak asli terbesar negara ini dan bahasa Maori juga diiktiraf sebagai bahasa rasmi New Zealand, di samping bahasa Inggeris yang juga digunakan secara meluas.

Selesai persembahan Haka, Puan Yang Terutama Gabenor Jeneral New Zealand menjunjung Duli Yang Teramat Mulia untuk menerima tabik kehormatan diraja daripada anggota Skuadron Ratu Alexandra, Kor Perisai Diraja New Zealand. Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan memeriksa barisan kehormatan diraja diikuti Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan oleh pasukan pan-

caragam.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya diraikan di Majlis Resepsi oleh Puan yang Terutama dan suami di Rumah Kerajaan. Di majlis berkenaan Duli Yang Teramat Mulia juga disembahkan kepada pembesar-pembesar negara dan ketua-ketua perwakilan diplomatik di New Zealand.

Di sebelah petang Duli Yang Teramat Mulia sekali lagi berangkat ke Rumah Parlimen untuk mengadakan perjumpaan bersama Ketua Parti Pembangkang New Zealand, Yang Berhormat Bill English.

Dari Rumah Parlimen Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan membuat lawatan ke Weta Digital. Ketibaan Duli Yang Teramat Mulia di sini dialu-alukan oleh Ms. Hannah Clarke yang kemudiannya menjunjung Duli Yang Teramat Mulia melawat ke Weta Digital Boardroom untuk mendengar taklimat mengenai teknik-teknik pembuatan 'special effects' filem secara digital. Kemudiannya Duli Yang Teramat Mulia dibawa melawat ke Bengkel Weta.

Weta Digital ialah bengkel terkemuka di New Zealand dalam mengeluarkan kesan istimewa berbentuk digital untuk industri perfileman. Sejak ditubuhkan pada tahun 1993 oleh pembuat-pembuat filem muda New Zealand, syarikat ini telah berjaya menempah nama dengan menerima anugerah pembuatan kesan visual bagi filem 'The Lord of The Rings', 'The Fellowship of The Ring', 'The Two Towers' dan yang terkini 'The Return of The King'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berjabat tangan dengan Gabenor Jeneral New Zealand, Puan Yang Terutama Dame Silvia Cartwright.



DULI Yang Teramat Mulia memeriksa barisan kehormatan diraja anggota Skuadron Ratu Alexandra, Kor Perisai Diraja New Zealand.

Laporan Haji Timbang Bakar
Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO

Brunei Darussalam - New Zealand
Pentingnya persahabatan,
kerjasama ditingkatkan

WELLINGTON, 11 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan New Zealand bersetuju meningkatkan persahabatan dan kerjasama.

Persetujuan itu dicapai dalam majlis-majlis perjumpaan berasingan di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Timbalan Perdana Menteri New Zealand, Yang Berhormat Dr. Michael Cullen dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan New Zealand, Yang Berhormat Phil Goff yang berlangsung di Rumah Parlimen pagi ini di sini.

Dalam perjumpaan tersebut Duli Yang Teramat Mulia dan kedua-dua pemimpin New Zealand telah menekankan pen-

tingnya persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara. Duli Yang Teramat Mulia dan kedua-dua pemimpin itu juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin itu percaya lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke New Zealand akan dapat mengukuhkan lagi hubungan erat di antara kedua-dua negara. Majlis-majlis perjumpaan tersebut merupakan pembuka tirai acara lawatan Duli Yang Teramat Mulia bagi hari kedua di sini.

Berikutan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Rumah Parlimen New Zealand, bendera Negara Brunei Darussalam turut dikibarkan di hadapan bangunan tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia semasa mengadakan perjumpaan bersama Menteri Luar dan Perdagangan New Zealand, Yang Berhormat Phil Goff. Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

KEPENTINGAN HUBUNGAN DUA
HALA SEMAKIN BERTAMBAH

WELLINGTON, 11 Mac. - Kepentingan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan New Zealand semakin bertambah terutamanya dalam bidang-bidang perdagangan dan perniagaan, pendidikan dan latihan.

Kepentingan tersebut telah ditekankan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa bersabda di Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Gabenor Jeneral New Zealand, Puan Yang Terutama Dame Silvia Cartwright dan suami bagi merayakan lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke New Zealand yang diadakan di Rumah Kerajaan di sini.

Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan rasa gembira kerana akan dapat membuat lawatan ke kedua-dua universiti di New Zealand di mana penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam sedang menjalani pengajian bidang perubatan dan pergigian.

Sehubungan itu Duli Yang Teramat Mulia menyatakan, Negara Brunei

Darussalam menghargai kerjasama di dalam bidang pendidikan yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Duli Yang Teramat Mulia mengakhiri sabda di majlis itu dengan menaruh harapan agar pada masa hadapan akan banyak memberi peluang bagi penduduk kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi hubu-

ngan yang erat.

Berangkat sama ke majlis itu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah. Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke New Zealand, Tuan Yang Ter-

utama Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin.

Majlis itu juga dihadiri oleh pembesar-pembesar negara New Zealand dan ketua-ketua perwakilan asing ke New Zealand.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berangkat ke Majlis Santap Malam yang disembahkan oleh Gabenor Jeneral New Zealand, Puan Yang Terutama Dame Silvia Cartwright dan suami.

LAWATAN RASMI DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KE NEW ZEALAND



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi menyaksikan kemudahan-kemudahan di Natural History New Zealand.

KEBERANGKATAN LAWATAN KE UNIVERSITI OTAGO

LAPORAN HJ. TIMBANG BAKAR
GAMBAR OLEH PG. HAJI BAHAR PHO

Brunei Darussalam.

Kemudian DYTm dijunjung berangkat ke Bangunan Perkhidmatan Maklumat di mana Duli Yang Teramat Mulia melihat dengan lebih dekat perkhidmatan yang serba canggih yang diberikan oleh pusat tersebut kepada mahasiswanya. Ini termasuklah katalog dan database elektronik, on-line journal dan internet yang mengandungi beratus ribu bahan-bahan rujukan dan bahan-bahan cetak.

Selepas itu DYTm berangkat ke Pusat Pencapaian Manusia (Human Performance Centre) di mana DYTm dipersembahkan taklimat fungsi dan peranan pusat berkenaan. Di sini Duli Yang Teramat juga dapat menyaksikan bagaimana penyelidikan; peralatan dan kemudahan saintifik memainkan peranan penting untuk meningkatkan kemampuan manusia dalam sukan air dan perubatan. Ini merupakan satu-satunya pusat seumpama itu yang terdapat di sebelah selatan New Zealand.

Di sebelah tengah hari DYTm berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang diberikan oleh Timbalan Naib Canselor universiti tersebut. Hadir sama di majlis itu pegawai-pegawai kanan akademik dan 16 orang penuntut Brunei yang mengambil pengajian bidang perubatan dan pengajian.

Sebelum Majlis Santap Tengah Hari DYTm berkesempatan beramah mesra bersama para penuntut dan berkenan bergambar kenangan.

Sebelum berangkat meninggalkan Universiti Otago DYTm berkenan menerima junjung ziarah daripada penuntut-penuntut Brunei.

PENGHORMATAN YANG TINGGI

Dalam temu ramah bersama wartawan PELITA BRUNEI, seorang penuntut perubatan, Dayang Norafizan binti Hazipin, berasal dari Kampong Perpindahan Bu-

kit Beruang, Tutong menyatukan sangat gembira dengan keberangkatan DYTm ke universiti tersebut kerana memberi peluang keemasan kepada mereka untuk beramah mesra di samping penghormatan yang tinggi dan menguatkan lagi semangat mereka untuk meraih kejayaan.

Bekas penuntut Maktab Sains dan kini berada di tahun kedua juga menceritakan pengalaman menuntut di seberang laut. Walaupun agak jauh terpencil dan bukan mudah orang Brunei datang ke sana kalau sekadar untuk melancong, namun dengan kehadiran 'pelawat istimewa' hari ini beliau merasakan seolah-olah berada di Brunei.

Katanya lagi keadaan di sini aman, tenang, bersih dan sangat sesuai untuk situasi persekitaran menuntut ilmu. Masyarakat di sini juga ramah dan suka membantu.

Ditanya mengenai masalah makanan, katanya tidak ada masalah besar yang dihadapi kerana makanan halal terutamanya daging boleh didapati dari masjid berdekatan tempat tinggal mereka. Mereka juga aktif menyertai kegiatan masjid jika ada masa terluang seperti perhimpunan hari raya, kegiatan bulan Ramadan, kebajikan masyarakat Islam setempat dan lain-lain lagi.

Hampir kesemua pelajar Brunei menerima biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di antara mereka sudah ada yang bakal menjadi doktor dalam tempoh setahun saja lagi, katanya.

Lawatan terakhir DYTm di Dunedin ialah ke Natural History New Zealand, iaitu sebuah syarikat penerbitan dokumentari mengenai sains, budaya dan hidupan liar. Keberangkatan tiba DYTm dialu-alukan oleh Pengarah Urusan, Tuan Michael Stedman dan Pengurus Am, Tuan John Crawford.

Sejurus kemudian DYTm dijunjung mengikuti taklimat fungsi syarikat berkenaan

yang menjalankan kajian saintifik dan penggunaan teknologi canggih ke atas bidang pengembaraan, kesihatan, kemanusiaan dan hidupan liar untuk dijadikan filem dokumentari dan terbitan bahan cetak seperti buku dan majalah.

Syarikat ini merupakan sebuah pusat penerbitan filem televisyen terbesar di dunia. Setiap tahun menghasilkan lebih 60 jam program inovatif untuk penonton lebih 200 negara di seluruh dunia oleh 130 tenaga pakar dan mereka yang berkemahiran tinggi dari pembuat filem, kraf, pengkaji, ahli biologi, ahli zoologi, doktor, ahli arkiologi, teknisyen dan lain-lain lagi.

Di dalam bidang penyelidikan dan kajian alam semula jadi termasuk hidupan liar syarikat ini sudah mempunyai pengalaman selama lebih 25 tahun bukan sahaja di New Zealand malahan menjelajah semua lautan di dunia dan daratan di Australia, Asia, Amerika, Eropah dan Antartika.

Semasa lawatan tersebut, DYTm telah menyaksikan sendiri di beberapa studio syarikat itu kerja-kerja yang dibuat bagi menghasilkan rakaman video sehingga menghasilkan produk yang jitu.

Syarikat itu merupakan penyumbang kedua terbesar kepada program-program Discovery Channel di samping memenuhi permintaan stesen-stesen televisyen serantau dan antarabangsa.

DYTm berangkat meninggalkan Dunedin untuk lawatan seterusnya ke Auckland yang terletak di utara New Zealand.

Berangkat sama sepanjang lawatan tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. Turut mengiringi Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke New Zealand, TYT Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid.

Bincang isu-isu dua hala

AUCKLAND, New Zealand, 13 Mac. - DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah membincangkan isu-isu dua hala bersama Dato Bandar Auckland, Yang Berhormat John Banks semasa mengadakan perjumpaan di Pejabat Bandaraya Auckland.

Dato Bandar Auckland juga telah menyampaikan kepada DYTm mengenai perkembangan yang berlaku di bandar raya itu semasa majlis perjumpaan tersebut.

DYTm berangkat tiba di Auckland petang kelmarin setelah menamatkan lawatan sehari di Dunedin. Auckland merupakan bandar raya penting di utara New Zealand yang sedang pesat membangun dan aktiviti perdagangan serta ekonominya.

Keberangkatan DYTm ke Auckland bermula di sebelah pagi dengan lawatan ke Akademi Pengajian Sukan Utara New Zealand, dialu-alukan oleh Tuan Alistair Snell, Ketua Eksekutif di akademi itu.

Kemudiannya DYTm disembahkan taklimat mengenai peranan dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh akademi yang mempunyai kemudahan bertaraf dunia untuk membantu para atlet meningkatkan mutu sukan. Ini termasuklah perubatan sukan, latihan dan kajian mutu sukan atlet.

Selepas sembah taklimat, DYTm dijunjung melawat ke beberapa kompleks berkenaan, antaranya Pusat Perkhidmatan Sukan Unisports, dibina khas bagi menggalakkan perkembangan dan kecemerlangan sukan di pelbagai bidang. Di sini DYTm

menyaksikan para penuntut menjalani latihan dengan menggunakan pelbagai teknik secara fizikal dan mental.

DYTm meneruskan lawatan ke Universiti Auckland, dipalu-alukan oleh Profesor Ralph Cooney, Pro Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan universiti tersebut.

Professor Cooney kemudiannya menyampaikan taklimat mengenai universiti itu dan Kampus Tamaki. Beberapa taklimat juga turut disembahkan mengenai peranan fakulti-fakulti di universiti berkenaan oleh ketua-ketua pengajian masing-masing.

Selepas majlis taklimat DYTm berkenan beramah mesra bersama beberapa orang penuntut antarabangsa yang sedang menuntut di Auckland termasuk penuntut Brunei.

Universiti yang terletak di tengah-tengah kota kosmopolitan Auckland ini merupakan universiti yang terbesar di New Zealand dalam bidang penyelidikan yang sudah bermula sejak tahun 1883.

Berangkat sama sepanjang lawatan tersebut Yam Pengiran Muda Abdul Qawi.

Turut mengiringi DYTm ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap di New Zealand, TYT Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid.

DYTm berangkat meninggalkan Auckland menuju Brisbane bagi menamatkan lawatan rasmi ke New Zealand.

Sebelum berangkat doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang

Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Auckland untuk mengucapkan selamat berangkat ialah Honorary Aide-de-Camp, Komander Udara John Cummings mewakili Gabenor Jeneral New Zealand; Tuan Tia Barret, Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan New Zealand dan Tuan Jim Blair, Pengarah Jabatan Lawatan dan Istiadat Protokol, Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri New Zealand.

DYTm berada di New Zealand bagi lawatan rasmi selama empat hari atas jemputan Gabenor Jeneral New Zealand dan merupakan lawatan rasmi pertama Duli Yang Teramat Mulia ke New Zealand.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan hari ini, lawatan rasmi DYTm ke New Zealand telah memberikan peluang kepada DYTm untuk mengenali lebih dekat pemimpin-pemimpin utama Kerajaan New Zealand di samping dapat bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Dalam kesempatan itu juga DYTm telah dapat meninjau dengan lebih dekat perkembangan terkini dalam bidang pendidikan, sukan, penyelidikan, industri perfileman dan ekonomi negara selatan itu.

Lawatan DYTm itu juga sudah tentu akan dapat mengeratkan lagi hubungan rapat yang sedia ada di antara Negara Brunei Darussalam dan New Zealand. Kedua-dua negara telah sepakat betapa pentingnya kerjasama diperkukuhkan dari masa ke semasa.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan semasa berangkat ke Universiti Otago.

LAWATAN RASMI DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KE AUSTRALIA

DYTM berangkat ke Gold Coast

GOLD COAST, Australia, 15 Mac. - Setelah menjalani atur cara lawatan yang sibuk di New Zealand, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berangkat tiba di bandar perangan dan taman permainan sebagai tempat persinggahan sebelum meneruskan lawatan ke Sydney.

Semasa berada di Gold Coast hujung minggu ini tidak ada atur cara rasmi, Duli Yang Teramat Mulia hanya berangkat meluangkan masa ke beberapa taman permainan yang menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia.

Mula-mula Duli Yang Mulia berangkat ke Dreamworld dialu-alukan oleh Jason Garing, Pegawai Perhubungan Dreamworld. Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan permainan-permainan yang menjadi daya tarikan di taman tersebut.

Dalam kesempatan itu, Duli Yang Teramat Mulia telah mencuba beberapa permainan, seperti Rocky Hollow Log Ride, Thunder River Rapids, Giant Drop

dan Roller Coaster. Dreamworld adalah di antara taman-taman perangan yang terkenal di Golf Coast.

Dari Dreamworld Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Movieworld dialu-alukan oleh Ty Khaller, Pegawai Perhubungan taman tersebut yang juga menyebarkan taklimat.

Duli Yang Teramat Mulia juga dijunjung menyaksikan beberapa persembahan menarik berasaskan filem-filem terkenal dan teknik-teknik pembuatan filem seperti Police Academy, Movie Magic dan Batman Adventure 2.

Selepas menyaksikan persembahan-persembahan tersebut Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar bersama beberapa watak Disney seperti Bugs Bunny dan Tweety Bird.

Taman hiburan perfileman yang terkenal itu kepunyaan sebuah syarikat pengeluaran filem terkemuka, Warner Brothers.

Pada keesokan harinya, Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke sebuah lagi taman yang menjadi tumpuan iaitu Seaworld. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung

oleh Puan Kate Murphy, Pegawai Perhubungan taman berkenaan.

Di sini Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan beberapa persembahan, antaranya ialah aksi-aksi Pola Bear, Dolphin Cove dan Seal Show. Duli Yang Teramat Mulia juga mencuba permainan Flume Ride.

Sebelah petangnya Duli Yang Teramat Mulia meninggalkan Gold Coast menuju Sydney, New South Wales bagi meneruskan lawatan rasmi ke Australia.

Sepanjang keberangkatan itu Duli Yang Teramat Mulia juga diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. Turut mengiringi ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Awang Jocklin Kongpaw; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Hubungan dua halakian meningkat

BRISBANE, Queensland, 13 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Queensland kian meningkat terutamanya dalam bidang pendidikan dan pelancongan.

Justeru itu, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan harapan agar lawatan singkat Duli Yang Teramat Mulia ke Queensland akan sedikit sebanyak membantu mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada.

Duli Yang Teramat Mulia mengetengahkan mengenai hubungan dua hala ini ketika bersabda di Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Yang Berhormat Peter Beattie, Premier Queensland di Dewan Persantapan, Bangunan Parlimen di sini bagi meraikan lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke Queensland.

Yang Berhormat Premier Beattie pula dalam ucapan alu-aluannya terdahulu sebelum itu telah menekankan wujudnya kerjasama yang kukuh di antara Negara Brunei Darussalam dan Queensland, misalnya dalam bidang pendidikan, pertanian, perkhidmatan udara dan teknologi maklumat.

Yang Berhormat juga berharap agar hubungan yang sedia ada itu akan sentiasa dipelihara dan dihargai.

Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. Turut mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Jocklin Kongpaw; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Duli Yang Teramat Mulia berangkat tiba di Queensland petang ini bagi memulakan lawatan rasmi enam hari ke Australia setelah menamatkan lawatan rasmi empat hari ke New Zealand.

BRUNEI, QUEENSLAND BINCANG KERJASAMA DUA HALA

LAPORAN HAJI TIMBANG BAKAR

BRISBANE, Australia, 14 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Queensland berusaha meningkatkan kerjasama dua hala yang melibatkan kepentingan bersama termasuk kerjasama bidang pendidikan.

Perkara tersebut telah dibincangkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Gabenor Queensland, Tuan Yang Terutama Major Jeneral Anison di majlis perjumpaan di Rumah Kerajaan Queensland di sini.

Perjumpaan Duli Yang Teramat Mulia bersama Gabenor Jeneral Queensland itu adalah sebahagian daripada atur cara lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia ke Australia yang bermula di sini pada 13 Mac.

Terdahulu sebelum itu Duli Yang Teramat Mulia telah berangkat melawat Universiti Queensland sebagai memulakan lawatan hari kedua di sini. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di universiti tersebut telah dialu-alukan oleh Profesor John Hay, Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan universiti berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya mengadakan perbincangan bersama Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan universiti yang lain. Sebaik-baik sahaja perbincangan selesai, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menandatangani Buku Tetamu.

Universiti Queensland ditubuhkan pada tahun 1910 merupakan antara tiga universiti terbaik menyeluruh di bidang penyelidikan di seluruh Queensland dari sebanyak 39 buah universiti. Universiti ini sudah mengeluarkan lebih 155,000 graduan termasuk lebih 5,200 penuntut antarabangsa dari 130 buah negara.

Universiti tersebut juga mempunyai reputasi yang cemerlang di pentas pendidikan antarabangsa yang telah melibatkan pertukaran perjanjian universiti antarabangsa dengan 33 buah negara.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan seterusnya beramah mesra serta bergambar ramai bersama penuntut-penuntut Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di universiti tersebut dalam pelbagai jurusan.

PEMEDULIAN

Seramai lebih 50 orang penuntut Brunei sedang melanjutkan pengajian mereka di universiti berkenaan atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping penuntut-penuntut persendirian.

Memandangkan jumlah mereka yang semakin ramai, penuntut berkenaan telah menubuhkan Kesatuan Pelajar-Pelajar Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh

Presidennya, Dayang Siew Yeah Teo, seorang Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam yang mengikuti ijazah lanjutan Ph.D dalam bidang Labour Economic.

Dalam temu ramah dengan wartawan PELITA BRUNEI, beliau menjelaskan tujuan menubuhkan kesatuan penuntut itu adalah untuk merapatkan hubungan silaturahim di samping sebagai wadah sosial dan pemedulian kepada penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di sini.

Melalui kesatuan ini katanya, mereka dapat bersatu tenaga mengadakan pelbagai aktiviti sosial, agama dan kebajikan. Umpamanya perjumpaan Hari Raya, kegiatan bulan Ramadan, kaunseling terutamanya kepada penuntut-penuntut baru dan bantu-membantu dalam mengatasi masalah pembelajaran.

Dayang Siew Yeah Teo yang kini akan memasuki tahun akhir pengajiannya melahirkan rasa gembira di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia yang merupakan kesempatan paling berharga bagi mereka untuk beramah mesra.

Seorang lagi penuntut yang ditemui, Dayang Noor Aziziah binti Haji Aziz mengambil jurusan Saikologi dan kini berada di tahun kedua pengajian. Beliau yang berasal dari Kampong Bengkurong mengambil jurusan berkenaan kerana katanya bidang berkenaan kurang diminati oleh anak tempatan.

Ditanya mengenai masalah makanan halal, Dayang Noor Aziziah berkata, ianya dapat diatasi dengan memasak sendiri di mana bekalan boleh didapati dari penjual daging halal yang sudah dikenal pasti. Beliau menuntut di Queensland atas perbelanjaan sendiri.

Manakala Awang Haji Amir Shukri bin Haji Zawawi berasal dari Kampong Mabohai juga mengambil jurusan Saikologi dan juga sudah memasuki tahun kedua. Beliau menyifatkan kesempatan bertemu Duli Yang Teramat Mulia bukan sahaja kenangan paling berharga, tetapi juga bukti pemedulian dan perhatian berat Duli Yang Teramat Mulia terhadap pentingnya pendidikan yang sekali gus menjadi pendorong serta menguatkan lagi semangat mereka untuk sukses di bidang pelajaran.

Berangkat sama sepanjang lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. Juga turut mengiringi ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Jocklin Kongpaw; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

DYTM adakan perlawanan snuker persahabatan dengan dua pemain terkemuka

SYDNEY, Australia, 16 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah mengadakan perlawanan pool persahabatan dengan dua orang pemain terkemuka Australia di sini petang ini.

Perlawanan tersebut di antara Tuan Shawn Budd dan Tuan Stuart Lawler pemain-pemain yang pernah menjuarai beberapa kejuaraan pool di Australia termasuk kejohanan 'The Bob Hawke Australian Open Snooker Championship' dan 'Australian Open 9 - Ball Championship'.

Tuan Stuart Lawler pernah menyertai 'IBSF

World Under 21' yang telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1992.

Turut hadir menyaksikan perlawanan itu ialah bekas Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat Bob Hawke yang menjadi penaung kepada Australian Billiards and Snooker Council.

Berangkat sama menyaksikan perlawanan tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Jocklin Kongpaw; Setiausaha Tetap Jabatan

Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Perlawanan persahabatan itu diadakan sempena keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Fox Studios. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di studio tersebut telah dialu-alukan oleh Tuan David Jackson, Presiden New South Wales Billiard and Snooker Association dan juga Timbalan Presiden Australian Billiards and Snooker Council dan Tuan Don Steward, Tim-

balan Presiden New South Wales Billiards and Snooker Association.

Duli Yang Teramat Mulia berangkat tiba di Sydney petang ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Sydney dan dialu-alukan Puan Glenyce Gers, Pegawai Protokol Kanan mewakili Kerajaan New South Wales dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Jocklin Kongpaw.

Dari lapangan terbang Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke hotel persemayaman di tengah-tengah bandar raya Sydney.

ARENA SUKAN

Ekspedisi Berbasikal sejauh 9,000 kilometer

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mac. - Serombongan sembilan orang peserta Ekspedisi Berbasikal Brunei Darussalam - China bermula hari ini di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Perlepasan rombongan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dengan mengibarkan bendera kebangsaan di majlis ringkas.

Ekspedisi berbasikal yang diketuai oleh Leftenan Kolonel (B) Haji Mohammad Said bin Haji Mohammad Saidin akan meliputi lingkungan jarak 8,000 hingga 9,000 kilometer melintasi Republik Singapura, Malaysia, Thailand, Laos dan Vietnam dan Republik Rakyat China.

Menurut ketua rombongan ekspedisi akan mengayuh basikal di antara 200 hingga 250 kilo-

Oleh Abdullah Asgar

meter sehari sebelum rehat di tempat-tempat yang dijadualkan.

Sementara itu, dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama peserta ekspedisi berbasikal Awang Zainal Abidin Haji Besar memberitahu semoga rombongan mereka akan berjaya mengharungi perjalanan yang jauh itu di sebalik latihan berbasikal yang dibuat.

Katanya, jika berjaya nanti perancangan seterusnya ialah berbasikal mengelilingi Pulau Borneo tahun depan.

Seorang lagi peserta Awang Ali Mustapa Haji Abdul Hamid menyatakan walaupun latihan hanya dibuat kira-kira 114 kilometer sehari di negara ini tetapi harapan memang tinggi untuk rombongan sampai ke China.

Jelasnya, walaupun pertama kali menyertai ekspedisi jauh namun hasrat untuk meneruskan minat sukan berbasikal akan diteruskan pada bila-bila.

Ekspedisi Berbasikal 45 hari itu yang julung kalinya diadakan sebagai projek perdana bersepadu oleh Kementerian Pertahanan sempena memperingati ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.

Ia juga sebagai satu projek bagi mengisi beberapa antaranya Persatuan Simpanan, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Persatuan KACA dan PAPDA.

Sebelum ini Kelab KEMBARA telah beberapa kali membuat ekspedisi serupa ke Negeri Sabah sebanyak tiga tahun berturut-turut.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bersalaman bersama para anggota ekspedisi. - Gambar oleh Md. Zul-Izzi HD.

PERKASA anjur bola sepak 7 sepasukan

PERSATUAN Kampong Saba (PERKASA) akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan terbuka kepada persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan kelab-kelab bersempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19.

Setiap pasukan yang berhasrat menyertai kejohanan ini dikenakan bayar-

an sebanyak \$50.00 (lima puluh ringgit sahaja) dengan menyenaraikan sembilan orang pemain termasuk dua simpanan.

Borang-borang penyer-taan dan keterangan lanjut bagi menyertai kejohanan ini boleh didapati daripada Haji Midon bin Haji Ahmad, Pejabat Perkhidmatan Elektrik, telefon 02-200809 atau 08-897598. Saimon bin Haji Sulaiman,

Radio Televisyen Brunei; Wahid bin Haji Tassim, Kampong Saba Tengah dan Jainudin bin Haji Ahmad, STKRJ Lambak Kiri.

Borang-borang penyer-taan hendaklah dihantar tidak lewat pada 4 April depan dengan undian perlawanan pada 6 April jam 2.00 petang di Bilik Bacaan, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

WALKATON SEMPENA SIDANG MABBIM

PARA perwakilan yang menghadiri Sidang Ke-42 Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) dan Sidang Ke-8 Sastera Asia Tenggara, Brunei, Indonesia dan Malaysia (MASTERA) yang berlangsung di negara ini dari 9 hingga 14 Mac lalu telah menyertai walkaton yang bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Walkaton sejauh empat kilometer bersempena ulang tahun ke-30 Persidangan MABBIM dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, selaku wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

NECAS 'B' JUARA BOLA SEPAK FUTSAL ANTARA MEDIA

PASUKAN NECAS 'B' muncul menjuarai Kejohanan Bola Sepak Futsal Antara Media-media Tempatan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sempena memperingati Ulang Tahun Ke-48 Penerbitan Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI.

Dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah,

Oleh Haji Ahat HI

NECAS 'B' menumpaskan rakan sepasukan mereka NECAS 'A'.

Challenger F.C. pula menduduki tempat ketiga selepas menumpaskan PENGEDARAN, manakala Redzuan bin Haji Jameh muncul sebagai penjaring terbanyak bagi pemain Jabatan Penerangan dan Ak. Shahrin bin Pg. Haji Ismail pula penjaring terbanyak bagi pasukan jemputan.

Kejohanan kali pertama merebut piala rebutan sumbangan Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan di kalangan anggota masyarakat media khususnya mereka yang terlibat dengan wartawan.

Melalui hubungan ini akan dapat membuka ruang kepada mereka untuk kegiatan riadah selain mengekalkan taraf kesihatan.

Kejohanan sehari itu juga disertai oleh Brunei Press, Intimas Ali Star, Badik Luk Tuh dan PELITA dibahagikan kepada kumpulan A dan B dengan juara dan naib juara dari kumpulan tersebut mara ke separuh akhir.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah perlawanan akhir itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan piala rebutan kepada Pasukan NECAS 'B' yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Futsal Antara Media-media Tempatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

RBA taja tiket penerbangan Ekspedisi Berbasikal Brunei - China

BERAKAS, 13 Mac. - Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menjadi penaja utama bagi tiket penerbangan rombongan Ekspedisi Berbasikal Brunei Darussalam - China.

Majlis penyerahan tiket-tiket penerbangan dan lebihan barangan diadakan petang tadi di Pejabat Perhubungan Awam RBA kepada Ketua Rombongan Ekspedisi Berbasikal, Leftenan Kolonel (B) Haji Mohammad Said bin Haji Mohammad Saidin.

Tiket-tiket itu diserahkan oleh Pegawai Perhubungan Awam RBA, Dayang Patimah Baker yang turut disaksikan oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan RBA.

Selain menaja tiket penerbangan Brunei - Singapura, RBA juga menaja tiket balik bagi rombongan itu dari Shanghai - Brunei yang dijadualkan pada penghujung April nanti.

Sembilan orang rombongan itu telah memulakan ekspedisi berbasikal mereka pada 15 Mac bermula di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani semasa melancarkan walkaton berkenaan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



KEJAR ... Pemain Brunei Press cuba merampas bola yang dikawal oleh Yahya Jumat yang mewakili PENGEDARAN. - Gambar oleh Hamadi HM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lot tanah kepada seorang peserta Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba.

Kebawah DYMM berkenan kurnia anak kunci rumah, lot-lot tanah

BERIBI, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Tungku dan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara, Kampong Rimba, Gadong.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad.

Di majlis itu, baginda juga berkenan menyempurnakan penganugerahan kunci kepada 317 penerima termasuk seramai 134 orang penerima anugerah rumah dalam Skim Tanah Kurnia

Jati Kampong Tungku, 68 orang penerima rumah bagi Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong dan 115 orang penerima lot-lot tanah.

Sejurus sempurna majlis itu baginda berkenan berangkat melawat sekolah berkenaan dan Sekolah Tadika Nusa Laila Puteri dan Sekolah Antarabangsa PDS.

Baginda juga berkenan bercemerlang berangkat ke rumah Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan beberapa buah rumah para peserta yang menerima anak kunci Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Tungku dan para penerima lot tanah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba.

Mukim Gadong seluas 38,620 kilometer persegi mempunyai 3,109 rumah yang didiami oleh 28,168 orang penduduk.

undang-undang dan peraturan negara ini.

Majlis mengangkat sumpah dan ikrar taat setia berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong di hadapan Hakim Mahkamah Syariah, Pengiran Haji Nor Asmawi.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun dan Timbalan-timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Dayang Hajah Salbiah dan Awang Bahrin.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Sengkurong dan Ketua Kampong Sengkurong 'B', Imam Masjid Sultan Sharif Ali, pegawai-pegawai Kanan KHEDN dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, pegawai-pegawai masjid serta isteri dan anak-anak Awang Ghani bin Metussin.

Awang Ghani bin Metussin dikurniai pembebasan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia pembebasan ke atas Awang Ghani bin Metussin @ Ghani bin Sibal yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana terlibat dalam kegiatan-kegiatan subversif dan menyebarkan risalah-risalah yang diharamkan.

Awang Ghani yang diberikan kurnia pembebasan setelah menjalani program pemulihan di Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong telah mengaku dan menyesali akan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukannya dan dengan sukarela membuat sumpah dan perakuan ikrar taat setia ke hadapan majlis baginda dan kerajaan baginda serta akan patuh kepada

Kebawah DYMM Raja Isteri saksikan persembahan RLC

BERAKAS, 15 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menyaksikan persembahan Gala Perdana Royal London Circus (RLC) yang berlangsung di kawasan lapang berhadapan Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengerusi Brunei QAF, YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Turut berangkat menyaksikan persembahan itu, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bol-

kiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah berserta cucunda-cucunda baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Persembahan RLC merupakan sarkas yang terbesar dunia dan membuat persembahan di bawah khemah terbesar yang per-

nah digunakan, membuat persembahan di 75 buah negara di seluruh dunia bersama krew bantu dan mempunyai ahli terkemuka terdiri daripada Russia, Eropah, Amerika dan Asia.

Di samping aksi badut yang menghiburkan para penonton, sarkas tersebut juga mempunyai beberapa jenis haiwan yang cukup terlatih dan berbakat seperti singa, harimau,

anjing, kucing, gajah dan persembahan daripada aksi akrobatik, magik, aksi juggling dan aksi penunggang motosikal berkuasa tinggi turut dipersembahkan yang berlangsung selama dua setengah jam.

Sebelum berangkat balik, baginda berkenan menerima cendermata daripada ahli-ahli Royal London Circus.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Cheong Cho Mei, Isteri Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh, Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, pada 15 Mac 2003 di Istana Nurul Iman (gambar atas). Juga hadir di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja semasa menyaksikan persembahan berkenaan. - Gambar oleh Maeri Osman.

Lawatan DPMM ke Australia

BRISBANE, Australia, 13 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah petang ini berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane dari Auckland, New Zealand bagi memulakan lawatan rasmi enam hari ke Australia.

Keberangkatan tiba

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersalaman bersama Gabenor Queensland, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Peter Arnison (gambar kiri) - Gambar oleh Pg. Hj. Bahar PHO.

DYTM dialu-alukan oleh Brigedier Richard Wilson, Honorary Aide-de-Camp kepada Gabenor Jeneral Australia; Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Peter Arnison, Gabenor Queensland dan Yang Berhormat Tom Barton, Menteri bagi Pembangunan Negeri bagi mewakili Premier Queensland.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, TYT Dato Seri Laila Jasa Kolonel (B) Jocklin Kongpaw dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Australia.

Sepanjang berada di

Australia DYTM juga mempunyai atur cara lawatan yang sibuk seperti juga di New Zealand. Semasa berada di Brisbane, DYTM akan mengadakan perjumpaan bersama Gabenor Queensland, TYT Mejar Jeneral Peter Arnison dan lawatan ke Univesiti Queensland.

Dari Brisbane DYTM akan berangkat ke Sydney di mana DYTM akan mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Australia dan Gabenor New South Wales. Selepas itu DYTM akan melawat Canberra dan akan mengadakan perjumpaan bersama Gabenor Jeneral dan Menteri Hal Ehwal Luar Australia.

BANGSA BERILMU NEGARA MAJU BERTERASKAN WAHYU

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرچيتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.